Oleh: Al-Marhum Imam Khomeini RA

[Buku ini adalah hasil terjemahan Razali Hj. Nawawi dan Hayyun Hj. Nawawi, Diterbitkan oleh ABIM, Malaysia, 1983/1403H]

Isi Kandungan :

PENDAHULUAN

Bahawa sesungguhnya pemerintahan golongan Fuqaha (ahli-ahli Fiqh) adalah satu gagasan ilmiah yang nyata. Ia tidak perlu lagi kepada hujjah, sebab sesiapa yang mengetahui hukum-hukum dan aqidah Islam tentulah *ia* dapat memahami realitinya. Tetapi suasana masyarakat Islam kini dan keadaan institusi-institusi ilmiah khususnya telah meletakan gagasan ini jauh dari perhatian orang sehingga *ianya* memerlukan kepada hujjah.

Gerakan Islam telah diuji sejak munculnya lagi oleh orang-orang Yahudi bilamana mereka memulakan gerakan penentangan melalui pengabuan, pengeliruan dan pendustaan terhadap Islam. Gerakan ini berterusan hingga sekarang. Disamping itu terdapat peranan yang besar dimainkan oleh pihak-pihak tertentu yang boleh dianggap lebeh merbahaya daripada Iblis dan kuncu-kuncunya. Peranan ini tertonjol didalam aktiviti penjajahan yang telah berlaku sejak tiga abad yang silam. Penjajah-penjajah atas dunia Islam telah pun memperolehi apa yang mereka kehendaki untuk mencapai matlamat haloba penjajahan. Mereka telah berusaha mengujudkan suasana yang sesuai untuk melenyapkan Islam. Mereka tidak bermaksud untuk menukarkan orang-orang Islam supaya menganut ugama Kristian atau mengeluarkan mereka dari Islam kerana mereka yakin bahawa mereka tidak berjaya untuk berbuat demikian, sebaliknya apa yang mereka harapkan ialah kuasa dan pengaruh atau memperhambakan masyarakat Islam, sebab mereka sentiasa memahami dan sedar hasil dari pengalaman Perang Salib. Sesungguhnya apa yang mereka usahakan untuk mencapai matlamat mereka dan mengatur strategi politik ialah untuk meletakkan Islam dengan segala hukum dan aqidahnya serta keimanan umat Islam di pinggir keruntuhan. Justeru itu mereka mengatur penipuan dengan kerjasama ejen-ejen Kristian, para orientalis dan media massa. Semua agensi- agensi ini digunakan bagi faedah negara-negara penjajah untuk memesongkan hakikat Islam sehingga ramai orang khususnya golongan intelek Islam sendiri tersisih jauh dari Islam, hinggakan hampir mereka tidak mengenalinya.

Islam adalah agama para Mujahidin yang bercitacita untuk menegakkan kebenaran dan keadilan, agama golongan manusia yang mencari kebebasan dan kemerdekaan serta agama bagi golongan manusia yang tidak ingin memberi peluang kepada golongan kuffar mengatasi golongan Mu’minin.
Tetapi musuh-musuh mereka menonjolkan Islam kepada sesuatu yang bercanggah dengan ciri-ciri ini. Mereka telah melukiskan suatu gambaran yang jelek (tentang Islam) dalam pemikiran orang ramai dan menyemai gambaran ini di institusi-institusi ilmiah. Matlamat utama dari usaha mereka ini ialah untuk memotong tunjang Islam dan memadamkan unsur revolusi yang progresif yang terdapat padanya agar umat Islam tidak terfikir untuk membebaskan diri mereka sendiri dan melaksanakan seluruh hukum agama mereka melalui pembentukan sebuah pernerintahan yang dapat menjarnin kebahagian hidup umat dibawah naungan sifat kernanusiaan yang luhur.

Musuh-musuh Islam berkata bahawa Islam tidak mempunyai kaitan dengan sistem hidup dan masyarakat atau dengan mana-mana bentuk pernerintahan, bahkan ia hanya menitikberatkan soal-soal hukum haid dan nifas sahaja. Mungkin terdapat pada Islam unsur-unsur akhlak tetapi ia tidak mencukupi urusan hidup dan sistern sosial barang sedikit pun. Malangnya kenyataan im telah memberikan kesan yang buruk dalam diri dan pemikiran bukan sahaja orang ramai malah golongan intelek di universiti-universiti dan pelajar-pelajar ilmu agama sendiri. Mereka salah faham dan jahil terhadap Islam. Islam menjadi suatu yang asing bagi mereka sepertimana ia pada mulanya dianggap asing. Keadaan ini telah menimbulkan kesukaran kepada penda’wah-penda’wah untuk memperkenalkan Islam kepada orang ramai. Mereka terpaksa berhadapan dengan barisan boneka penjajah yang sedang menunggu-nunggu untuk mengejek dan mencemuh.

Untuk membedakan antara realiti Islam dengan apa yang difahami oleh orang ramai saya ingin menarik perhatian anda kepada al-Qur’an dan Hadith Rasulullah (s.a.w.) serta risalah-risalah ilmiah. Al-Qur’ãn dan kitabkitab Hadith adalah merupakan sumber-sumber pemndangan terpenting yang berbeda dari risalah-risalah ilmiah yang ditulis oleh golongan Mujtahid dan Fuqahi’ sebab al-Qur’an dan Hadith mencakupi semua aspek hidup. Ayat-ayat al-Qur’an lebeh menyentuh urusanurusan sosial daripada urusan-urusan ibadat. Didalam kitab Hadith yang berjilid-jilid itu pun kamu boleh mendapati tidak lebeh dari tiga atau empat bab yang menyentuh sistem ibadat insan, hubungannya dengan Allah dan beberapa bab lain yang berkaitan dengan akhlak. Tetapi selebihnya yang banyak itu adalah berkaitan dengan urusan-

urusan sosial, ekonomi, hak-hak manusia, pentadbiran dan hubungan kemasyarakatan.

Kamu semua (wahai golongan belia) adalah tentera Islam. Hendaklah kamu mendalami perkara yang telah diringkaskan oleh Hadith, hendaklah kamu memperkenalkan kepada orang ramai sepanjang hidup kamu ten-tang institusi Islam dan undang-undangnya dengan cara yang termudah, seperti penulisan, ceramah dan lain-lain aktiviti. Ajarkanlah orang ramai tentang Islam sejak ia mula menerima ujian, malapetaka dan menghadapi musuh. Jangan kamu menyembunyikan kepada orang ramal mengenai apa yang kamu pelajari. Janganlah kamu membiarkan manusia membayangkan yang Islam sama seperti agama Kristian: bahawa tidak ada bedanya antara masjid dan gereja dan Islam tidak mempunyal sesuatu pun selain dari sistem perhubungan individu denganTuhannya semata-mata.

Disaat-saat suasana hitam menyelubungi dunia Barat, orang-orang India Merah menduduki Amerika, Maharaja Romawi dan Parsi mempunyai kekuasaan mutlak dalam menjalankan pemerintahan secara kukubesi dan dasar *apartheid* nya, menggunakan kekuatan tanna metwambil kira pandangan orang ramai atau undang-undang, maka di saat itulah Allah menyusun undang-undang melalui Nabi besar Muhammad(s.'a.w) dan menerbitkan manusia dibawah naunganya. Semuanya mempunyai adab dan peraturan. Sebelum manusia lahir hinggalah ia diturunkan ke liang lahad, Allah telah menyusun peraturan-peraturan untuknya, mangatur baginya sistem perhubungan sosial, sistem pemerintahan disamping cara-cara beribadat. Hak didalam Islam mem-punyai nilai yang sangat tinggi, lengkap dan sempuma. Ramal ahli undang-undang telah menyorot dari hukumhukum dan sistem Islam mengenai hukum Ma'amalat Hudud, Qias *(capital punishment),* kehakiman undang-undang hubungan antara negara dan bangsa, peraturanperaturan perang dan damal serta hak manusia. Demikianlah Islam menyelesai dan menyatakan hukumnya dalam tiap-tiap urusan liidup. Tetapi orang asing dan golongan cendekiawan khususnya mencetuskan was-was dikalangan orang ramai (dengan dakwaan):

> "Bahawa Islam tidak mempunyai apa-apa pun. Islam hanya mempunyai secebis hukum-hukum haid dan nifas sahaja. Pelajar-pelajar agama hanya mempunyai ilmu pengetahuan yang tidak melewati bidangbidang khususnya ini sahaja."

Segolongan pelajar agama hanya mementingkan urusan ini, mereka adalah cuai. Sikap golongan ini membantu musuh-musuh untuk mencapai cita-cita mereka. Hal inilah yang menjadikan penjajah bekerja keras beberapa ratus tahun yang silam untuk menyemai benih kecuaian di institusi ilmiah (dinegara Islam) bagi mencapai tujuan mereka untuk merampas kekayaan kita.

Kadangkala golongan musuh mencanangkan dikalangan orang ramai bahawa:

> “Islam itu kurang. Sistem kehakimannya tidak sampail ketahap yang sewajarnya.”

bagi tujuan menipu dan menyesatkan orang ramai. Kuncu-kuncu Ingeris dengan arahan tuan-tuan mereka telah berusaha mengimpot undang-undang asing berikutan adanya revolusi politik dan membentuk pemerintahan perlembagaan di Iran. Sewaktu mereka ingin mengemukakan perlembagaan negara di lran, boneka-boneka penjajah itu telah mengambil undang-undang Belgium yang mereka pinjam dari kedutaan Belgium di Iran. Beberapa orang dari kalangan mereka - tidaklah payah saya sebutkan nama - telah menggubal undang-undang itu dengan menyalin daripada Perleinbagaan Belgium dengan menambah beberapa fasal daripada undang-undang Prancis dan Inggeris. Mereka mengutip sedikit daripada undang-undang Islam semata-mata untuk dijadikan sebagai saduran bagi penipuan rakyat. Fasal-fasal yang tertentu didalam Perlembagaan yang membataskan sistem perlembagaan dan mengakui pemerintahan beraja *(monarchy)* dan pemerintahan berketurunan sebagai suatu sistem pemerintahan negara. ini dipetik daripada sestem Inggeris dan Belgium serta perlembagaan dari negara-negara Eropah. Peruntukan seperti ini adalah asing dari dan bercanggah dengan Islam. Apakah ada didalam Islam sistem pemerintahan beraja atau pun pemerintahan perwarisan keputramahkotaaan?

Kita mengetahui bahawa sistem monarchy bercanggah dengan pemerintahan dan sistem politik Islam. Islam telah meleburkan sistem monarchy dan keputramahkotaan. Sejak ia terbit lagi Islam telah menganggapkan bahawa sistem pemerintahan sultan di Iran, Mesir, Yaman dan Rome adalah tidak sah disegi undang-undang.

Rasulullah telah menulis surat kepada Maharaja Rome (Hercules) dan Raja Parsi untuk mengajak mereka supaya berhenti dari mengabdikan manusia dan

memulangkan kembali manusia ke *tarafnya* yang mulia supaya mereka dapat menyembah hanya Allah Yang Esa sebab Allah sahaja yang mempunyai kuasa pemerintahan.
Sistem monarchy dan putra mahkota adalah cara pemerintahan yang jijik dan palsu yang mendorong Syyed asy-Syuhada' (ketua pan Syuhada') Sayyidina Husin (as/r.a) bangkit memerangi dan menentangnya. Baginda terus menentang pemerintahan Yazid. Beliau telah bangkit membawa revolusi yang bersejarah dan menyeru selumh umat Islam supaya bartindak demikian. Tegasnya bahawa. sesungguhnya didalam Islam tidak ada (sedikitpun imbasan) sistem pemerintahan monarchy dan perwarisan. Oleh kerana sistem ini tiada didalam Islam maka mereka mengatakan Islam itu kurang. Malah mereka menambahkan lagi dengan menyatakan bahawa Islam cuai untuk mengatur (ekonomi) bagi mengelakan riba, mengatasi masalah penagih arak, masalah kejahatan dan keburukan. Bagi tujuan kononnya untuk manampung kekurangan dan memenuhi kekosongan ini pihak berkuasa anak penjajah itu menggubal undang-undang bagi mengatasi masalah-masalah tadi dengan memetik dari undang-undang Inggeris, Prancis, Belgium dan Amerika. Kita tahu bahawa hal ini semua haram didalam Islam. Keagungan agama kita Islam ialah kerana ia tidak mempunyai sistem yang hanya tertentu bagi masalah-masalah ini sahaja. Penjajah Inggeris pada awal zaman perlembagaan. (Zaman Iran bertukar kepada pemerintahan beraja berperlembagaan) telah berusaha gigih bagi memenuhi dua tujuan. Pertama, mengikis pengaruh dan kuasa Russia di Iran. Kedua, mengusir Islam dari medan perlaksanaannya dan membawa undang-undang barat menggantikan undang-undang Islam.

Undang-undang asing itu bagi masyarakat Islam telah membawa banyak masalah. Ahli-ahll undang-undang yang mahir telah bergelumang dengan undang-undang. Peguam yang terlibat dengan perbicaraan atau undang-undang di Iran atau lain-lain negara yang seumpamanya terpaksa mengambil masa yang panjang untuk mencapai satu-satu kemenangan dalam sesuatu kes. Salah seorang peguam yang mahir telah berkata kepada saya:

> "Saya boleh melanjutkan sesuatu kes antara dua orang yang bertelagah dimahkamah disepanjang hidup saya. Dan barangkali anak saya boleh menyambung kes ini selepas saya."

Inilah perkara yang sedang berlaku sekarang. Disamping itu orang yang mempunyai kuasa keatas kes-kes yang dipertelagahkan boleh mengaut hasil

secara haram melalui tipu helah, n rasuah dan lain-lain cara penipuan. Kita ithat bahawa undang-undang kehakiman yang ada sekarang ini hanya mahu menimbulkan kesukaran di kalangan orang ramai, bukan menimbul kemudahan. Sesuatu kes yang boleh diselesaikan oleh seorang hakim dalam masa dua atau tiga hari dalam mahkamah syariah kini dalam sistem sekarang telah mengambil masa dua puluh atau tiga puluh tahun. Dalam tempoh ini orang muda boleh menjadi beruban kerana kerap berulangalik ke jabatan--jabatan kehakiman dan dewan-dewan perbicaraan pagi dan petang tanpa ada sesuatu harapan. ‘Setiap kali mereka ingin keluar dari kesukaran ini mereka dikembalikan kepadanya.’

Mereka (musuh-musuh Islam) menulis buku-buku dan akhbar-akhbar mereka bahawa hukum-hukum Islam itu kejam dan keras. Dikalangan mereka terdapat seorang yang berani dengan segala rasa jijik mengatakan:

> “Hukum-hukum ini adalah berasal dari sikap kasar
> orang-orang Badwi. Kekasaran orang-orang Arablah
> yang menyebabkan kasarnya hukum (Islam) ini.”

Saya hairan bagaimana mereka berfikir! Dengan alasan undang-undang mereka meluluskan hukuman mati keatas beberapa orang yang (dituduh) menyeludupkan sepuluh gram heroin. Saya diberitahu bahawa mereka sebelum ini telah menghukum mati sepuluh orang semata-mata kerana menyeludupkan sepuluh gram heroin, kemudian diikuti dengan seorang yang lain. Ketika mereka menguatkuasakan undang-undang yang tidak berperikemanusiaafl itu dengan alasan untuk mencegah keburukan tidakkah mereka nampak pada hukuman itu sesuatu kekasaran? Saya tidak pula mengesahkan layanan baik terhadap penyeludup dadah tetapi saya menolak hukuman mati sebagai balasan keatas mereka. Malahan dadah mesti ditentang, tetapi dengan alasan yang munasabah sesuai dengan kesalahan yang dilakukan.

Hukuman sebat lapan puluh rotan keatas peminum arak dikatakan kasar. Sebaliknya menghukum mati keatas orang-orang yang menyeludupkan sepuluh gram heroin pula tidak dianggap demikian, sedangkan dalam banyak hal keburukan sosial adalah disebabkan oleh arak ! Setengah pihak mendakwa bahawa kemalangan jalanraya, bunuh diri dan juga ketagih dadah - sebagaimana yang dikatakan oleh setengah-setengah orang - adalah akibat mabuk dan ketagih arak. Dalam pada itu pun mereka tidak mengharamkan arak

sematamata kerana Barat mengharuskannya. Justeru itu mereka mambenarkan penjualan dan pembelian arak dengan penuh bebas. Celakalah Islam ditangan mereka. Bila Islam hendak menyebat lapan puluh kali rotan ke atas peminum arak atau menyebat seratus rotan ke atas penzina yang belum berkahwin, atau merejam penzina lelaki atau perempuan yang sudah berkahwin maka mereka bertempik melaungkan:

> "Ia adalah undang-undang yang kejam dan kasar yang diambil dari kekasaran orang-orang Arab sendiri."

Pada hal undang-undang keseksaan jenayah dalam Islam adalah datang untuk mencegah perkara keji, mungkar dan juga keburukan di kalangan satu umat yang besar yang berada di segenap pelusuk. Kini keburukan telah menjadi lumrah sehingga belia-belia kita hanyut di dalamnya sebab keburukan itu telah menyediakan, mendorong dan melengkapkan kemudahan-kemudahan yang wajar kepada mereka.

Dalam suasana begini apabila Islam ingin campur tangan dan menyebat peminum arak dihadapan segolongan orang-orang Mu'min maka mereka akan menuduh Islam sebagai kasar dan kejam. Sebaliknya tidak setimpal dengan penentangan yang diberikan ke atas pertumpahan darah yang berlaku di Vietnam sejak lima belas tahun itu ditangan ketua-ketua pemerintah tersebut. Juga tidak ada tentangan terhadap penggunaan secara membazir yang banyak atas wang rakyat. Ada pun bila Islam ingin mewajibkan pertahanan dirinya dan mengumumkan perang untuk membenteraskan perosak-perosak mereka melaungkan:

> "Mengapa peperangan ini terjadi?"

Perancangan-perancangan ini telah disusun rapi sejak beratus-ratus tahun yang silam dan mereka melaksanakannya secara beransur-ansur. Pada mulanya mereka mengasaskan sekolah disatu tempat tertentu, tetapi kita tidak bergerak dan hanya berdiam diri Kita dan orang-orang yang seumpama kita cuai untuk menyekat hal ini. Maka bertambahlah pembinaan sekolah-sekolah itu beransur-ansur. Sekarang kamu boleh melihat bahawa telah ramai penda'wah-penda'wah mereka di kampung-kampung dan mereka berusaha menjauhkan anak-anak kita dari agama. Sebahagian dari tektik-tektik mereka jelas dalam usaha mereka untuk membiarkan *kita* dalam kemunduran dan kelesuan serta

penderitaan kita agar mereka mendapat hasil dari kekayaan, galian, bumi dan tenaga manusia kita. Mereka berpendapat (adalah baik) kita kekal menderita dan miskin tanpa meneliti dan mencari pada apa yang disyariatkan oleh Islam untuk mengatasi masalah kemiskinan supaya hiduplah penjajah-penjajah, talibarut dan kuncu-kuncunya di istana-istana dan mahligai dengan kehidupan yang selesa dan angkuh. Perancangan-perancangan mereka ini telah meninggalkan kesan-kesannya di institusi-institusi agama dan ilmiah dimana kalau seorang hendak berbicara tentang tajuk kerajaan Islam maka ia mestilah berselindung di sebalik prinsip *"at-Taqiyyah'* " *(at-Taqiyyah* bererti menunjuk takut pada lahirnya dalam keadaan terdesak kepada pemerintah zalim atau kufur) atau terpaksa berbalah dengan kuncu-kuncu penjajah. Buku ini umpamanya bila terbit dalain cetakan pertamanya telah menggemparkan talibarut Shah di Iraq dan telah mendedahkan gerakan-gerakan mereka yang terkecewa dan tidak mendatangkan faedah itu.

Benar! Masalah kita telah sampai ketahap terdapatnya setengah-setengah dari kalangan kita yang menganggap bahawa unifom perang sebagai bercanggah dengan maruah dan keadilan, pada hal pemimpin-pemimpin kita sendiri telah memakainya untuk berperang dan menggunakannya dalam peperangan serta mereka mengharungi medan perang. Amir al-Mu'minin Ali ('a.s)) telah berselepang dengan unifom perang dan menyandang pedang. Demikian juga dengan al-Husin ('a.s) dan al-Hasan ('a.s). Kalau melintas sahaja peluang nescaya Imam Muhammad al-Baqir dan orang-orang yang kemudiannya akan bertindak segera. Kenapa pula berselepang dengan unifom perang itu (dianggap) sebagai bercanggah dengan keadilan masyarakat dan maruah sedangkan kita ingin membentukan kerajaan Islam? Adakah boleh kita laksanakan apa yang kita kehendaki dengan hanya serban dan jubah kerana yang lain darinya adalah bercanggah dengan maruah dan keadilan?

Apa yang kita alami sekarang sebenamya adalah diantara kesan-kesan propaganda yang menyesatkan dimana pencanang-pencanangnya telah pun sampai ketahap yang mereka kehendaki hingga mendesak kita supaya menggembelingkan tenaga yang besar demi mempastikan bahawa didalam Islam terdapat prinsip-prinsip dan cara-cara untuk membentuk kerajaan.

Demikianlah kedudukan kita. Merekalah seteruseteru yang telah menerapkan kepalsuan-kepalsuan dalam jiwa orang ramai dengan kerjasama talibarut mere-ka. Mereka telah menjauhkan tatacara kehakiman dan politik Islam dari medan

perlaksanaannya. Mereka menggantikannya dengan undang-undang Eropah di-samping menghinakan Islam dan menyingkirkannya dari masyarakat. Dalam keadaan demikian mereka akan menyambar semua peluang yang melintas. Inilah perencanaan penjajah untuk meruntuhkan (Islam dan umatnya). Bila di tambah dengan unsur-unsur kelemahan dalaman yang terdapat pada setengah-setengah individu-individu Islam, maka hasilnya ialah bahawa golongan ini mula memperkecilkan dan manghina dirinya bila berdepan dengan kemajuan kebendaan yang dibawa oleh musuh-musuh. Ketika beberapa buah negara maju dalam bidang teknologi dan sains, maka segolongan dari umat Islam merasa rendah diri dan mula menganggap bahawa kekurangannya berpunca dari agamanya, serta tidak ada jalan lain untuk mencapai kemajuan tersebut melainkan dengan mengasingkan agama dan undang-undangnya dan keluar meninggalkan ajaran-ajaran dan aqidah Islam. Di waktu penjajah menjelajah ke bulan, golongan itu menganggap bahawa agama menegah mereka berbuat demikian ! Saya ingin memberitahu mereka bahawa bukanlah undang-undang blok Timor atau Barat yang membolehkan mereka sampai kebulan dan mencapai kemajuan yang memeranjatkan dalam menerokai alam luar ini. Sesungguhnya undangundang di kedua-dua blok tersebut adalah berbeda sama sekali. Pergilah mereka ke Marikh atau ke mana sahaja yang mereka mahu. Mereka tetap ketinggalan dalam memberikan kebahagiaan kepada manusia, dan mereka ketinggalan dalam menyebarkan ketinggian akhlak dan juga dalam melahirkan kemajuan kejiwaan dan kerohanian selaras dengan kemajuan kebendaan itu. Mereka masih tidak mampu untuk menyelesaikan masalah-masalah sosial mereka kerana penyelesaian terhadap problem-problem dan penghapusan kesusahan itu adalah memeriukan kepada kesedaran aqidah dan akhlak. Pencapaian kebendaan dengan maksud meninggalkan sesuatu yang semulajadi serta memenuhi kekosongan itu tidak akan berupaya untuk membangunkan ciri-ciri tersebut. Kekayaan kemampuan dan kemudahan-kemudahan memerlukan kepada iman, aqidah dan akhlak Islam sehingga ia lengkap dan seimbang, dapat berkhidmat kepada insan dan mengatasi masalah kemiskinan dan penderitaan. Hanya kita sahaja yang memiliki aqidah, akhlak dan undang-undang ini. Oleh kerana itu tidaklah wajar kita membuang agama dan undang-undang kita yang mempunyai hubungan yang rapat dan langsung dengan hidup msan yang membawa benih-benih baik untuk manusia dan kebahagian mereka di dunia dan di akhirat.

Di antara pemikiran-pemikiran yang telah disebarkan oleh penjajah di kalangan umat Islam dakwaan mereka:

> “Dalam perundangan Islam tidak ada pemerrntahan dan tidak ada institusi pemerintah, andainya ada hukum-hukum syara’ tertentu maka *ia* masth memerlukan kepada sesuatu yang lain yang boleh menjamin perlaksanaannya dan seterusnya Islam hanyalah agama dan tidak lebih dan itu !“

Adalah nyata bahawa kata-kata im merupakan sebahagian daripada langkah-langkah yang tidak terpisah dari tektik penjajah yang bertujuan menjauhkan umat Islam dari memikirkan soal politik, undang-undang dan pentadbiran. Dakwaan ini adalah amat bertentangan dengan perinsip-perinsip pokok (agama kita). Kita berpegang dengan konsep pemerintahan dan perlunya Nabi melantik penggantinya selepasnya, dan baginda telah pun melakukannya. Apa erti penentuan pengganti? Adakah maknanya penerangan undang-undang semata-mata. Setakat menerangkan undang-undang sahaja tidaklah memerlukan kepada seorang pengganti. Ianya sudah memadai dengan sekadar Nabi (s.’a.w) menyebarkan.. nya kepada orang ramai kemudian menyimpannya kedalam buku-buku yang ditinggalkannya kepada orang ramai supaya mereka merujuk kepadanya selepas ketiadaan baginda. Peri perlunya pengganti ini adalah demi melaksanakan undang-undang bukan kerana menghormati undang-undang tanpa ada pelaksanaannya. Didunia keseluruhannya, perundangan semata-mata tidak memadal dan tidak mempu menjamin kebahagian manusia. Oleh kerana itu mestilah ada kuasa pelaksana. Ketiadaannya didalam mana-mana negara adalah merupakan suatu faktor kekurangan dan kelemahan. Inilah sebabnya Islam telah memutuskan untuk menubuhkan kuasa pentadbir bagi melaksanakan hukum-hukum Allah. Pemerintah adalah orang yang bertanggungjawab dalam melaksanakan undang-undang. Itulah yang telah dilakukan oleh Rasulullah (s.’a.w). Sekiranya Rasülullàh tidak melakukannya nescaya baginda tidak menyampaikan risalahnya. Ada pun penentuan pengganti selepasnya dalam melaksanakan undang-undang, mengawasinya dan menyebarkan keadilan dikalangan orang ramai adalah merupakan faktur pelengkap dan penyempurna terhadap risalah Rasül. Dizamannya baginda tidak hanya berpada setakat menerang dan menyampaikan unciang-undang, bahkan baginda juga melaksanakannya. Sesungguhnya Rasulullah (s.’a.w) adalah pelaksana undang-undang. Baginda sendiri yang mendenda dan menjalan hukum seksa seperti memotong tangan pencuri, menyebat dan merejam serta menjatuhkan dengan adil. Penggantinya juga adalah dituntut untuk melaksanakannya. Pengganti bukanlah penyimpan undangundang atau

penggubalnya tetapi ia dituntut untuk melaksanakannya. Disini nyatalah betapa pentingnya pembentukan pemerintahan dan menubuhkan institusiinstitusi pelaksana dan penyelenggaraan. Keyakinan dengan perlunya penbentukkan suatu pemerintahan dan penubuhan agensi-agensi tersebut adalah bahagian yang tidak dapat dipisahkan dari keyakinan kepada pemerintahan itu sendiri. Bekerja dan berusaha untuk mencapai tujuan ini adalah sebahagian dari ciri-ciri keimanan terhadap pemerintahan.

Hendaklah kamu semua menonjolkan Islam seperti yang sepatutnya, nyatakanlah kepada orang ramai tentang konsep pemerintahan. Katakan kepada mereka bahawa sesungguhnya kita berpegang dengan konsep pemerintahan, bahawa Rasulullah telah disuruh memilih pengganti oleh Allah. Demikian juga kita percaya tentang pentingnya pembentukan pemerintahan dan kita berusaha untuk melaksanakan perintah Allah dan hukum-hukumNya bagi mengendalikan urusan orang ramai, politik serta inengawasi mereka. Perjuangan un tuk membentuk kerajaan adalah sejajar dengan keimanan terhadap pemerintahan. Hendaklah kamu tulis dan sebarkan undang-undang Islam dan jangan pula kamu menyembunyikannya. Berpartisipasilah kamu dalam melaksanakan hukuin Islam dan berpeganglah dengan pendirian mu serta yakinlah dengan kemenangan.

Penjajah-penjajah telah bersedia lebih dari tiga abad yang silam dan mereka bertolak dari titik kosong. seka. rang mereka telah mamperolehi apa yang mereka mahu kan. Marilah kita bertolak dari garis permulaan. Jangan biarkan orang-orang Barat dan kuncu-kuncunya menguasai kaniu. Biasakan orang ramai dengan mengenal hakikat Islam supaya jenerasi muda tidak menganggap bahawa Ulama” - ulama’ di bandar Najaf dan Qom berpegang dengan konsep pemisahan agama dari politik dan mereka tidak mengkaji selain dari pelajanan haidh dan nifàs sahaja serta mereka tidak mempunyai hubungan dengan soal politik. Penjajah telah mencanangkan tentang betapa pentingnya memisahkan agama dari pemerintahan melalui sistem-sistem pendidikan dan mengelirukan orang ramai tentang tidak layaknya Ulama' Islam campurtangan dalam urusan politik dan sosial. Katakata itu telah diulang-ulang oleh kuncu-kuncu dan talibarut mereka. Adakah dizaman Nabi (s. ‘a.w) agama itu diasingkan dari politik? Adakah, dikala itu terdapat segolongan yang mementingkan agama sahaja manakala segolongan yang lain mementingkan soal politik? Demikian juga dizaman para Khalifah dan Amir al-Mu’minin

(a.s) adakah politik dipisahkan dari agama? Terdapatkah satu agensi khas untuk agama dan yang lain untuk politik?

Sesungguhnya penjajah-penjajah dan kuncu-kuncunya telah mencanangkan kata-kata itu untuk memisah kan agama dan semua urusan hidup serta sosial, secara tidak langsung menjauhkan 'Ulama'-ulama' dari orang ramai dan orang ramai dari 'Ulama' kerana 'Ulama' memperjuangkan kebebasan dan kemerdekaan umat Islam. Apabila cita-cita mereka untuk memisahkan dan mengasingkan (Islam dari masyarakat) itu terlaksana maka bolehlah mereka membolot kekayaan dan memerintah kita. Saya ingin menyatakan kepada kamu bahawa jika kita menumpukan perhatian terhadap sembahyang, memohon dan mengingati Tuhan serta tidak melampau perkara tersebut maka sudah tentu penjajah dan semua agensi musuh tidak akan menentang kita. Sembahyanglah semahu-mahu dan laungkanlah azan seberapa yang kamu kehendaki! Biarlah mereka membolot apa yang diberikan oleh Allah kepada mu! Balasannya terserahlah kepada Allah Yang Maha Berkuasa! Bila kita mati maka ganjaran kita terserah kepada Allah! Sekiranya inilah pemikiran kita maka tiada sesuatu yang dapat mengatasi dan menakutkan kita.

Adalah dikatakan bahawa salah seorang daripada pemimpin penjajah British di Iraq ketika mendengar azan, ia bertanya mengenai kemerbahayaan yang boleh dilahirkan oleh azan itu terhadap politik British. Apabila ía diberi tahu bahawa azan itu tidak mendatangkan kemerbahayaan, beliau berkata:

> "Katakanlah apa sahaja yang mereka mahu selagi *ia*nya tidak mengkritik kami."

Apabila kamu tidak menyentuh polisi penjajah dan kamu hanya mengkaji undang-undang dan tidak melampaui batas-batas ilmiah maka mereka tidak akan mengganggu kamu. Sembahyanglah berapa banyak yang kamu mahu! Mereka hanya mahukan minyak kamu, apakah hubungan mereka dengan sembahyang kamu? Mereka hanya mahukan galian kita serta menyalurkan barangbarang dan modal mereka di pasar-pasar kita. Kerana itulah kita dapati bahawa kerajaan boneka tidak menukarkan sesuatu negara kepada negara industri, memadai dengan mengadakan kilang pemasangan sahaja, tidak yang lain. Mereka tidak mahu melihat kita meningkat ke taraf kemanusiaan kerana mereka takutkan manusia. Apabila mereka menemui manusia dimana-mana sahaja maka mereka akan mengancamnya kerana manusia itu bergerak cergas,

boleh mempengaruhi orang ramai dan masyarakat untuk menghapuskan semua perkara yang telah dibina oleh musuh serta menggoncang bumi yang berada dibawah penzalim, pengkbianat dan talibarut (musuh). Kerana itulah bila mereka mendapati manusia dalam mana-mana waktu maka mereka mengatur konspirasi, mengurung dan menghalau atau menuduh sebagai ahli politik; Ulama' ini ialah ahli politik! Akan tetapi tidaklah Nabi (s.'a.w) itu seorang ahli politik? Apakah terdapat kecacatan dalam hal ini? Semua dakwaan itu telah dilemparkan oleh pekerja-pekerja dan talibarut musuh untuk memisahkan kamu dari politik dan campurtangan dalam urusan-urusan sosial serta menegah kamu dari memerangi pemerintah-pemerintah khianat dan kejam supaya mereka boleh berlepas tangan, bertindak sesuka hati dan merampas apa sahaja yang mereka kehendaki tanpa tentangan atau pun gangguan.

HUJJAH-HUJJAH PERLUNYA PEMBENTUKAN KERAJAAN

Perlunya Badan-badan Pelaksana

Segugus undang-undang semata-mata tidak memadal untuk memperbaiki masyarakat. Demi untuk menjadikan undang-undang itu sebagai satu bahan bagi memperbaiki dan membahagiakan manusia maka ianya memerlukan kuasa pelaksana. Justeru itu Allah Yang Maha Mulia Dan Agung - disamping segugus undang-undang -telah juga mengadakan di bumi ini suatu pemerintahan dan pentadbiran. Rasül Agung (s.'a.w) telah pun mengetuai semua agensi pelaksana dalam menguruskan masyarakat Islam. Di sampai tugas-tugas menyampai, menerang dan mendalami undang-undang dan peraturan-peraturan baginda juga mengambil berat tentang perlaksanaannya sehingga baginda dapat melahirkan sebuah negara Islam dialam nyata. Di zamannya unpamanya, Rasulullah (s.'a.w) tidak hanya menggubal undang-undang jenayah tetapi baginda juga berusaha melaksanakannya. Baginda sendiri yang memotong tangan, merotan dan merejam. Selepas baginda tugas-tugas Khalifah tidak kurang dari tugas-tugas tersebut. Khalifah bukan hanya ditentukan untuk menerangkan undangundang sahaja tetapi juga untuk melaksanakannya. Inilah matlamat yang diberikan kepada Khalifah sebagai suatu yang penting dan bermakna. Rasülullah (s.'a.w) membayangkan bahawa sekiranya tiada dibuat perlantikan Khalifah selepas baginda maka risalahnya tidak akan dapat disampaikan. Orang-orang yang masih baru dan telah lama dengan Islam memerlukan kepada orang yang dapat melaksanakan undang-

undang dan menjalankan perintah dan kehendak Allah di kalangan orang ramai untuk menjamin kebahagiaan mereka didunia dan di akhirat.

Pada hakikatnya undang-undang dan peraturan-peraturan sosial memerlukan kepada pelaksana (yang tegas). Di samping negara didunia, perundangan sematamata tidak memberi faedah dan tidak dapat menjamm kebahagiaan manusia. Kuasa perundangan mesti diikuti dengan kuasa pentadbiran yang mana merupakan satusatunya kuasa yang mampu membawa hasil perundangan yang adil kepada orang ramai. Sebab inilah Islam telah menentukan kewujudan kuasa pelaksana di sam-ping kuasa perundangan dan melantik pemerintah sebagai orang yang berkuasa untuk melaksana, mengeiar, menyebar dan rnenerangkan (Dalam ayat yang mulia terdapat) (Wahai orang-orang yang beriman taatilah Allah , dan taatilah Rasul serta para penguasa dari kamu ..) Allah telah mewajibkan keatas kita supaya taat kepada Wali al-Amri dan Ulü al-Amri selepas Rasülullãh (s.'a.w) ialah Imàm-imam yang terutama yang di pertanggungjawabkan menerangkan undang-undang dan peraturan-peraturan Islam serta menyebarkannya di kala ngan orang Islam dan kepada penduduk dunia. Mereka juga di pertanggungjawabkan untuk melaksanakan undang-undang dan peraturan-peraturan tersebut. Selepas mereka maka para Fuqaha' yang adil pula diwajibkan untuk bangkit menjalankan kewajipan-kewajipan ini.

CARA RASULULLAH (S.A. W) YANG AGUNG

Kita mengambil pengajaran dan Sunnah dan Sirah Rasulullah (s.'a.w) tentang pentingnya pembentukan kerajaan. *Pertama*, kerana baginda dengan peranannya telah membentuk sebuah kerajaan. Sejarah menunjukkan demikian. Rasulullah telah mengetahui urusan-urusan masyarakat, mengutus pemerintah-pemerintah, bertmdak untuk menghakimkan orang ramai dalam masalah yang mereka perselisihan dan mengutuskan orang yang menjalankan hukuman dengan adil dikalangan orang ramai keseluruh negara. Menghantar duta-duta keluar sempadan-sempadan kerajaannya, kepada ketuaketua suku dan raja-raja. Baginda mengikat perjanjianperjanjian, mengetuai peperangan dan seterusnya melaksanakan semua undang-undang Islam.

Kedua, baginda telah melantik pengganti (Khalifah) sebagai perintah dari Allah untuk menjalankan tugas-tugas ini selepasnya. Perlantikan pengganti ini menunjukan dengan jelas tentang betapa pentingnya penerusan kerajaan

selepas baginda. Memandangkan perlantikan pengganti ini satu perintah Allah maka penerusan kerajaan, agensi-agensi dan institusi-institusinya juga semuannya adalah merupakan perintah dari Allah.

Pentingnya Penerusan Perlaksanaan Undang-undang

Adalah nyata bahawa keperluan melaksanakan undang-undang itu tidak dikhususkan bagi zaman Nabi sahaja, malah keperluan (tuntutan) itu berterusan lantaran Islam itu tidak dibataskan dengan masa atau ternpat. Disebabkan Islam itu kekal maka ia mesti di peraktikkan, dilaksanakan dan diikuti selama-lamanya. Apabila sesuatu perkara itu dihalalkan oleh Muhammad maka halallah ia sehingga ke hari Qiamat dan apa yang diharamkan oleh baginda maka haramlah ia sehingga ke hari Qiamat. Tidak harus digendalakan segala Hudud yang telah ditentukan, dicuaikan ajaran-ajarannya, mengggugurkan hukum Qisas atau menghentikan pungutan cukai-cukai harta dan tidak mempertahankan umat Islam dan bumi mereka. Kepercayaan bahawa Islam itu datang untuk masa atau tempat yang tertentu adalah bercanggah dengan tuntutan-tuntutan aqidah Islam itu sendiri. Memandangkan bahawa perlaksanaan uandanundang selepas zaman Rasülulläh (s. ‘a.w) yang mulia selarna-larnanya adalah diantara tuntutan hidup, maka kerana itulah juga pentingnya wujud sebuah kerajaan yang mengandungi kuasa perlaksanaan yang mentadbir. Jika tidak maka berlakulah kacaubilau, kerosakan sosial uan penyelewengan aqidah serta akhlak. Keadaan ini hanya boleh dicegah melalui pembentukan kerajaan yang adil yang mengendalikan semua urusan hidup.

Menurut tuntutan syara’ dan rasional telah pastilah bahawa apa yang menjadi tuntutan dizaman Rasul ullàh (s.’a.w) dan Imam Amir al-Mu'minin ‘All bin Abi Talib (‘a.s) tentang kewujudan kerajaan masih lagi menjadi tuntutan hingga ke zaman kita ini. Untuk menerangkan perkara tersebut saya tujukan kepada kamu satu soalan seperti berikut:

> Kehilangan besar bagi Imam Mahdi as. kita telah berlaku lebeh dari seribu tahun, sebelum berlakunya muslihat kedatangan Imam al-Muntazhuar. Sepanjang tempoh yang lama ini adakah undang-undang Islam tinggal terbiar (tergendala)? Adakah orang ramai menurut kehendak mereka sendiri? Tidakkah pekerja tersebut akan menyebabkan kacaubilau ? Undang-undang yang dijalankan oleh Nabi dan baginda bersungguh--

sungguh menyebar, menerang dan melaksanakannya selama dua puiuh tiga tahun, adakah semuanya itu untuk tempoh yang terbatas ? Adakah Allah telah membataskan umur syari'ah dengan dua ratus tahun sahaja misalnya? Patutkah Islam menanggung kerugian dalam setiap perkara selepas kehilangan kecil?

Pada pendapat saya berpegang dengan pendapat seperti ini adalah lebeh buruk daripada meyakini bahawa Islam itu telah dimansuhkan! Seorang yang beriman kepada Allah dan hari Qiamat tidak boleh mengatakan:

"Sesungguhnya tidak wajib mempertahankan sempadan negara!."
Atau:

Harus menegah diri dari menggeluarkan zakat atau Khumus!"

dan sebagainya, atau memperkatakan tentang peninggalan undang-undang jenayah dalam Islam, membekukan hukum keseksaan dan pampasan. Oleh kerana itu setiap orang yang menonjolkan diri dengan pandangan yang mengatakan tidak pentingnya pembentukan kerajaan Islam adalah merupakan orang-orang yang ingkar dengan kesempurnaan.dan keabadian agama Islam yang suci.

ZAMAN AMIR AL-MU'MININ 'AU BIN ABI TALIB (A.S)

Tidak ada seorang pun dikalangan orang Islam meragui tentang perlunya meneruskan kewujudan kerajaan selepas Rastiluliãh (s.'a.w). Semuanya bersetuju dengan perkara itu. a itu. Cuma terdapat perseisihan dalam masalah orang yang menjalankan perkara terse but. Sesungguhnya kerajaan telah wujud selepas Rasülullãh (s.'a.w) juga dizaman Amir al-Mu'minin 'Ali ('a.s) khu-susnya dengan segala institusi pengurusan dan perlaksanaan tanpa diragui lagi.

HAKIKAT UNDANG-UNDANG ISLAM

Undang-undang Islam itu sendiri merupakan satu lagi bukti tentang perlunya pembentukan kerajaan. Ianya menunjukan kepada kita bahawa ia datang untuk membentuk sebuah negara yang mengandungi pentadbiran, ekonomi yang kukuh dan kebudayaan yang tinggi nilainya.

Pertamanya, undang-undang syara' mengandungi berbagai undang-undang bagi satu sistem sosial yang menyeluruh. Dibawah sistem inilah akan tertunainya semua kehendak manusia, bertolak dari hubunganhubungan jiran, anak-anak dan keluarga, anak negeri, semua bidang hidup berkeluarga dan berumahtangga dan berakhir dengan undang-undang yang khusus mengenai perang dan damai, hubungan-hubungan antarabangsa, undang-undang keseksaan, hak-hak pemiagaan, perindustrian dan pertanian. Sepertimana Islam mengaturkan sistem nikah yang menurut hukum syara' , makanan yang dimakan oleh suami isteri semasa perkahwinan juga dimasa penyusuan, maka ia juga menentukan tanggungjawab-tanggungjawab kedua ibu bapa yang diamanahkan kepada mereka untuk mendidik anak-anak, hubungan suami isteri serta isteri dengan suami dan hubungan tiap-tiap keduanya dengan anak-anak. Dalam semua perkara ini Islam mempunyai undang-undang dan peraturan untuk mendidik manusia menjadi sempurna dan mulia. Islam menggubal, mendaulat dan melaksanakannya dan bekerja semata-mata untuknya. Adalah diketahui ketahap mana pun Islam mengambil berat tentang hubungan politik dan ekonomi masyarakat, maka ia tetap berusaha untuk melahirkan manusia yang terdidik dan mulia.

Al-Qur'ãn dan Sunnah yang mulia kedua-duanya mengandungi undang-undang dan peraturan-peraturan yang membahagiakan manusia dan memimpin mereka kearah kesempurnaan.

Terdapat didalam buku *al-Kâfi* satu fasal dibawah tajuk "Huraian semua perkara yang diperlukan oleh manusia dalam al-Kitãb dan Sunnah" dan didalam al-Qur' an (terdapat ungkapan): (penerangan segala sesuatu). Maka Imãin bersumpah - seperti yang terdapat dalam setengan-setengan Hadith - bahawa semua perkara yang diperlukan oleh manusia adalah wujud didalam al-Qur'ãn dan Sunnah tanpa ragu-ragu lagi.

kedua: bila penelitian dilakukan terhadap undangundang syara" itu sendiri maka kita pasti tidak ada jalan lain untuk melaksanakan undang-undang itu melainkan dengan perantaraan sebuah kerajaan yang mempunyai agensi-agensi yang berwibawa. Saya hanya menyebutkan kepada kamu contoh-contoh yang mudah. Adalah menjadi tanggungjawab saudara-saudara Mu'min untuk mendalami yang selebihnya.

UNDANG-UNDANG KEWANGAN

Dalam cukai-cukai yang telah disyaria'atkan oleh Islam tidak ada sesuatu yang menunjukkan bahawa ianya hanya ditentukan untuk mengalas perut orang-orang faqir atau ketua dikalangan mereka khususnya. Tetapi ia menunjukkan bahawa penggubalannya adalah untuk menjamin perbelanjaan-perbelanjaan negara yang terbesar dan mempunyai kedaulatan.

Sebagai contohnya, *al-Khumus* (cukai seperlima daripada pendapatan) adalah suatu sumber besar yang menyumbangkan kepada *Baitul Mal* harta-harta yang banyak dan menampung sebahagian besar Baitul Mãl. Menurut mazhab kita cukai seperlima itu diambil dari semua perolehan, faedah dan keuntungan sama ada dari pertanian, perniagaan, galian dan harta karun. Seorang penjual sayur-sayuran juga turut sama mengeluarkan cukai seperilma itu manakala ia memperolehi lebih dari pada keperluan tahunannya sesuai dengan dasar ajaran syari'at dalam masalah perbelanjaan dan belanjawan, sepertimana juga kapten kapal dan pengeluar harta karun dan galian turut sama mengeluarkannya. Disumbangkan seperlima daripada lebihan keuntungan kepada Imam atau pemerintahan Islam untuk disalurkan kepada *Baitul Mãl*. Nyatalah bahawa sumber yang besar ini adalah untuk mempermudahkan urusan-urusan negara Islam dan menutup semua keperluan keewangan. Apabila kita hendak mengira semua cukai seperlima keuntungan perolehan dalam negara Islam atau dunia seluruhnya - andainya mereka beragama Islam - maka ternyata kepada kita bahawa harta yang banyak itu bukanlah untuk memenuhi keperluan-keperluan pemimpin atau penuntut ilmu tetapi adalah untuk perkara-perkara yang lebih besar dan lebih menyeluruh darinya, iaitu untuk memenuhi keperluan-keperluan umat seluruhnya. Apabila terbentuk negara Islam maka untuk memudahkan urusan-urusannya, ia mesti meminta bantuan dari harta cukai seperlima, zakat, jizyah dan cukai-cukai yang lain.

Bilakah golongan atasan perlukan harta seperti ini? Cukai seperlima yang dipungut daripada pasar Baghdad telah memadai untuk men ampung semua keperluan golongan atasan, semua pembiayaan institusi-institusi ilmiah dan agama serta bagi semua orang faqir dari kalangan umat Islam, lebih daripada pasar Tehran, Istanbol, Qaherah dan pasar-pasan lain. Belanjawan yang sebegitu besar adalah diperlukan untuk memudahkan umat yang besar, untuk

memenuhi kehendak-kehendak asasi yang penting bagi orang ramai juga untuk menyelenggarakan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan awam, kebudayaan, pendidikan, pertahanan dan pembangunan.

Penyelarasan yang diwajibkan oleh Islam dalam mengumpul, memelihara dan membelanjakan harta-harta ini boleh menjamin keselamatan simpanan awam dari penyelewengan dan ketikadilan. Bagi ketua negara, pegawai-pegawai atau kakitangan kerajaan tidak ada apaapa keistimewaan yang boleh cliselenggarakan, bahkan rakyat semuanya dari segi undang-undang khazanah umat adalah sama sahaja.

Patutkah kita lemparkan kekayaan yang besar ini kedalam laut? Atau kita benamkan kedalam bumi menunggu sehingga datangnya kembali al-Hujjah (Imãm al-Mahdi) ? Atau patutkah kita membahagi-bahagikannya kepada lima puluh orang keluarga Hãsyimi atau pun kepada lima ratus ribu orang dari keluarga Hasyimi? Adakah tidak pembayaran yang banyak ini kepada mereka akan mempersona dan menghanyutkan mereka? Tidakkah kita mengetahui bahawa hak golongan Hasyimi terhadap harta ini hanya sekadar keperluan mereka untuk berbelarija dengan tujuan sederhana. Dalam semua hal bahawa golongan Hãsyimi hanya boleh mengambil sebahagian daripada cukai seperlima dan tidak lebih dari itu. Didalam sebuah Hadith didapati bahawa mereka hendaklah mengembalikan apa yang lebih dari pada keperluan tahunan mereka kepada Imam sepertimana juga Imãm akan membantu mereka bila apa yang mereka ambil dari Baitul Mal atau tidak mencukupi untuk keperluan tahunan mereka.

Bila kita meihat kepada harta-harta yang dipungut daripada jizyah dan cukai, kita akan dapati bahawa kekayaan yang besar ini tidak boleh diambil dengan sewenang-wenangnya. Pemerintah atau penguasa hendaklah mewajibkan jizyah keatas orang-orang Zimmi sesuai dengan kemampuan kewangan mereka. Demikian juga menentukan cukai-cukai keatas tanah-tanah yang dikenakan cukai pelaburan dengan pengawasan negara dan meletakkan cukai-cukai ini di Baitul Mãl. ini semuanya memestikan pembentukan badan khas, pengiraan yang Patutkah kita lemparkan kekayaan yang besar ini kedalam laut? Atau kita benanikan kedalam bumi menunggu sehingga datangnya kembali al-Hujjah (Imãm al-Mahdi) ? Atau patutkah kita membahagi-bahagikannya kepada lima puluh orang keluarga Hãsyimi atau pun kepada Jima ratus ribu orang dari keluarga Hasyimi? Adakah tidak

pembayaran yang banyak ini kepada mereka akan mempersona dan menghanyutkan mereka? Tidakkah kita mengetahui bahawa hak golongan Hasyimi terhadap harta ini hanya sekadar keperluan mereka untuk berbelanja dengan tujuan sederhana. Dalam semua hal bahawa golongan Hãsyimi hanya boleh mengambil sebahagian daripada cukai seperlima dan tidak lebih dari itu. Didalam sebuah Hadith didapati bahawa mereka hendaklah mengembalikan apa yang lebih dari pada keperluan tahunan mereka kepada Imam sepertimana juga Imãm akan membantu mereka bila apa yang mereka ambil dari Baitul Mal atau tidak mencukupi untuk keperluan tahunan mereka.

Bila kita melihat kepada harta-harta yang dipungut daripada jizyah dan cukai, kita akan dapati bahawa kekayaan yang besar ini tidak boleh diambil dengan sewenang-wenangnya. Pemerintah atau penguasa hendaklah mewajibkan jizyah keatas orang-orang Zimmi sesuai dengan kemampuan kewangan mereka. Demikian juga menentukan cukai-cukai keatas tanah-tanah yang di-kenakan cukai pelaburan dengan pengawasan negara dan meletakkan cukai-cukai ini di Baitul Mãl. ini semuanya memestikan pembentukan badan khas, pengiraan yang teliti, pengurusan dan lembaga dan berpandangan jauh supaya tidak berlaku kacaubilau. Semuanya ini menunjukan dengan jelas bahawa betapa perlunya pembentu kan sebuah kerajaan kerana undang-undang harta itu tidak boleh dilaksanakan secara praktikal melainkan setelah penyempurnaan dan penerusan agensi-agensi kerajaan.

UNDANG-UNDANG PERTAHANAN

Dari segi lain kita dapati bahawa undang-undang perjuangan dan pertahanan keagungan orang-orang Islam ialah untuk menjainin kemerdekaan dan kehormatan umat, maka ia adalah satu lagi dalil yang menuniukkan peri pentingnya pembentukan sebuah kerajaan Islam ini.

Islam telah menghukumkan wajib untuk menyedia dan bersiap-siaga dengan lengkap dan berwaspada walau pun dalam keadaan aman dengan firman Allah:

> “Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa sahaja yang kamu sanggupi dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang

> (yang dengan persia-pan itu) kamu menggentarkan musuh Allah dan musuh kamu.” (al-Anfal :60)

Jika orang Islam terlibat langsung dengan kehendak ayat ini dan bersiap sedia untuk berperang dalam setiap keadaan maka tidaklah semudah itu penceroboh-pencoroboh dan kalangan Yahudi dapat menduduki bumi kita, memperkosa dan membakar masjid kita (masjid al-Aqsa) tanpa ditentang oleh apa-apa halangan. Segala-galanya itu telah sempuma sebagai satu keputusan yang tidak dapat dielakkan lagi untuk membantutkan orang-orang Islam dari meláksanakan. hukum Allah serta mencuaikan mereka dari tugas pembentukan sebuah kerajaan yang suci dan jujur. Andainya pemerintapemerinta Islam semasa berusaha untuk mempraktikkan undang-undang Islam, meninggalkan segala percanggahan mereka, meninggalkan persengketaan dan perpecahan, dari kesatuan itu mereka membentukan satu tangan untuk menghadapi pihak lain dari mereka, maka tentulah dalam keadaan seperti ini sekutu-sekutu Yahudi serta boneka-boneka Amerika dan Inggeris tidak mampu untuk sampai kepada apa yang telah mereka capai sekali pun mereka dibantu oleh Amerika dan Inggeris. Sebab berlakunya demikian berbalik kepada hakikat tidak adanya kebolehan dan kelayakan dikalangan pemerintah-pemerintah di negeri-negeri Islam. Ayat..

> Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa sahaja yang kamu sanggupi dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah dan musuh kamu.

memerintahkan umat Islam mencari kekuatan bersiapsiaga dan berwaspada supaya seteru-seteru tidak dapat meracuni kita dengan keburukan seksaan. Tetapi kita tidak bersatu, malali menganggaP bahawa kita ramai sedangkan hati kita bercerai berai. Kita tidak bersedia, maka orang-Orang zalim telah melampaui batas-bataS mereka dan berlaku kejam dan zalim terhadap kita.

UNDANG-UNDANG HUDUD, PAMPASAN DAN HUKUMAN BUNUH

Undang-undang ini tidak boleh dijalankan tanpa kuasa-kuasa kerajaan. Hanya dengan perantaraannya sahaja gantirugi boleh diambil daripada penjenayah-

penjenayah dan diberikan kepada orang yang berhak keatasnya. Dengan perantaraannya juga dapat dilaksanakan hukum Hudüd. Hukum Qisãs juga berjalan dibawah penyeliaan dan pengawasan pemerintah yang menurut hukum syara , (pemerintah yang sah).

PERLUNYA PEMBERONTAKAN POLITIK

Di zaman perlunya Islam golongan Umayyah dan penyokong-penyokong telah berusaha untuk menghalang kestabilan kerajaan Imãm ‘All bin AbI Tãlib (‘a.s) sedangkan kerajaan itu adalah diradhi oleh Allah dan RasulNya. Dengan sumbangan-sumbangan mereka yang dimurkai itu maka berubahlah corak pemerintahan dan sistemnya dan terselewenglah ia daripada Islam. Ini kerana program-program mereka bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam secara langsung. Selepas mereka datang pula golongan ‘Abbasiyyah yang mengikut terus acuan yang sama. Panggantian silih berganti dan bertukarlah ia kepada .corak kesultanan dan sistem beraja berketurunan, sehmgga pemerintahan bertukar menjadi seperti maharaja Parsi, Rome dan Firaun Mesir. Keadaan ini berterusan hingga kezaman kita sekarang.

Syara’ dan rasional mewajibkan keatas kita supaya jangan membiarkan begitu sahaja kerajaan-kerajaan dan umsan-urusannya. Bukti-bukti mengenainya adalah nyata. Berterusannya kerajaan itu dalam kesesatannya bererti ia meninggalkan sistem Islam dan undang-unangnya. Dimasa yang sama terdapat banyak dalil yang mensifatkan semua sistem yang tidak Islami itu sebagai syirik, dan pemerintah atau penguasa didalamnya adalah Tãghüt. Kita bertanggungjawab untuk mengehilangkan kesan-kesan syirik dari masyarakat Islam dan menjauhinya terus dari kehidupan kita. Dimasa yang sama juga kita bertanggungjawab untuk menyediakan suasana yang sesuai bagi mendidik dan melahirkan jenerasi Mu’min yang mulia yang akan menghancurkan tahta-tahta golongan Täghüt dan memusnahkan kekuasaan mereka yang tidak sah kerana kerosakan dan penyelewengan hidup subur dibawah kuasa mereka. Kerosakan ini mestilah dihilangkan dan dihapuskan, dan hukuman keras mesti dikenakan keatas mereka yang melakukannya. Sesungguhnya Allah mensifatkan didalam kitab Nya yang mulia bahawa Fir’aun adalah diantara perosak dunia. Dibawah undang-undang yang bercorak Fir’aun, ia telah pun menghukumkan secara melulu dan merosakkan masyarakat, bukan memperbaikinya. Tiada orang Mu’min yang bertaqwa boleh hidup patuh dan terpelihara keimanan dan

petunjuknya. Dihadapannya hanya ada dua jalan dan tidak ada yang ketiganya: sama ada dipaksa untuk melakukan keija-kerja yang terkutuk atau mendurhakai dan memerangi undang-undang Taghüt serta cuba menghapuskannya, atau sekurang-kurangnya mengurangkan pengaruh mereka. Tidak ada lagi cara bagi kita melainkan cara yang kedua ini. Tidak ada jalan lain lagi bagi kita melainkan bertindak untuk menghancurkan sistem yang rosak dan merosakkan itu, juga memecahkan kumpulan-kumpulan pengkhianat dan penzalim dikalangan pemerintah-pemerintah rakyat.

Tanggungjawab ini dibebankan keatas seluruh orang Islam walau pun dimana mereka berada, demi mencipta satu revolusi politik Islam yang menang dan berjaya.

PERLUNYA PERPADUAN UMAT ISLAM

Dari aspek lain pula penjajah telab mencaing-caingkan watan dan telah membelah bagikan umat Islam kepada berbagai bangsa. Sebaik-baik sahaja lahir kerajaan Othmãniyyah sebagai sebuah kerajaan yang padu maka penjajah telah berusaha untuk mencebis-cebiskannya. Russia, Inggeris dan sekutu-sekutu mereka telah bersumpah setia dan memerangi golongan ‘Othmãniyyah. Kemudian mereka membahagi-bahagikan harta-harta rampasan sepertimana yang kamu ketahui. Kita tidaklah menafikan bahawa kebanyakan pemerintah-pemerintah kerajaan ‘Othmãniyyah itu adalah kurang disegi kemampuan, kelayakan dan keseriousan. Setengah dari mereka diselubungi oleh keburukan dan kebanyakan dari mereka menghukum orang ramai mengikut cara raja menghukum. Dalam pada itu pun penjajah merasa gerun dengan beberapa golongan yang baik dan mampu dengan bantuan orang ramai - menduduki kerusi pimpinan kerajaan ‘Othmaniyyah - dengan kepaduan, kemampuan, kekuatan dan kekayaan. Golongan ini boleh melebur segala cita-cita dan mimpi penjajah. Inilah sebenarnya mengapa bila sebaik-baik sahaja Perang Dunia Pertama berakhir penjajah telah membelahbagikan negara-negara kepada negeri-negeri kecil yang banyak dan menjadikan setiap negeri kecil itu sebagai agen mereka (talibarut mereka). Biar pun demikian sebahagian dari pada negeri-negeri kecil itu telah terkeluar dari cengkaman penjajah dan talibarut-talibarut mereka.

Kita tidak mempunyai cara untuk menyatupadukan umat Islam, membebaskan bumi mereka dari tangan penjajah dan manjatuhkan kerajaan boneka meneka melainkan kita sendiri yang berusaha untuk menegakkan kerajaan Islam. Peranan-peranan kerajaan ini akan dimahkotakan dengan jayanya bila ia mampu untuk menghancurkan pemimpin-pemimpin khianat serta meleburkan berhala-berhala dan patung-patung kemanusiaan dan Taghüt yang menyebarkan kezaliman dan kerosakan di muka bumi.

Pembentukan kerajaan adalah bertujuan untuk memelihara perpaduan orang-orang Islam selepas ianya tercapai. ini telah pun digambarkan didalam ucapan Sayyidah Fatimah az-Zahra'('a.s);

> "Kesetiaan kita adalah satu peraturan agama dan Imãmah kita adalah benteng keamanan dari perpecahan."

PERLUNYA MENYELAMATKAN GOLONGAN YANG DI ZALIMI DAN TERTINDAS

Penjajah-penjajah telah meminta bantuan dari agen-agen mereka di negeri-negeri kita untuk melaksanakan cita-cita ekonomi mereka yang zalim. Sebagai hasilnya terdapatlah berjuta-juta .manusia menderita kelaparan, kehilangan kemudahan kesihatan dan pelajaran. Sebaliknya ada pula individu-individu yang mempunyai kekayaan yang kotor dan keburukan yang meluas. Golongan yang lapar dari kalangan manusia adalah dalam perjuangan yang berpanjangan untuk memperbaiki kedudukan mereka serta melepaskan diri dari tekanan zalim pemerintah-pemerintah mereka yang melampau. Tetapi golongan minoriti yang memerintah juga agensi-agensi kerajaannya adalah satu lagi pihak yang berusaha untuk memadamkan peijuangan ini. Kita telah pun diamanahkan untuk menyelamatkan orang-orang yang tertindas dan dizalimi, kita diperintahkan supaya membantu orangorang yang teraniaya dan menentang penzalim-penzalim sepertimana perkara tersebut telah digambarkan didalam wasiat Amir al-Mu'minin 'Ali ('a.s) kepada dua orang anaknya;

> "Hendaklah kamu berdua menjadi penentang bagi orang-orang zalim dan pembantu kepada orangorang yang dizalimi."

‘Ulama’ Islam adalah diamanahkan untuk berjuang menentang golongan ‘oportunist’ yang gelojoh supaya tidak terdapat didalam masyarakat pengemis-pengemis yang dizalimi ditengah-tengah kegelojohan dan kemewahan yang berleluasa. Kata Amir al-Mu’minin (‘a.s):

> ‘Demi Dia yang telah memerekahkan benih dan meniupkan bayu, kalaulah tidak kerana wujud Dia yang hadir dimana-mana, dan kerana mantapnya dalil-dalil dengan bantuan Dia yang sentiasa menolong, kalaulah tidak kerana Allah rnengarahkan Ulamã’ supaya jangan membiarkan penzalim memeras dan yang dizalimi menderita, nescaya saya tidak akan mencampakkan tali kepada orang yang akan tenggelam, saya akan memberikan air dalam bekas orang yang terawal kepada orang yang terakhir dan kamu tidak akan mendapati didunia kamu ini suatu yang lebih suci padaku daripada bersin seekor anak kambing.” (Nahjul Balaghah 1/41)

Bagaimana kita akan bertindak sekarang untuk menutup mulut dari beberapa orang *oportunist*, dan orang asing yang berkuasa melalui kekuatan senjata. Mereka telah membelenggu kemewahan dan ni’mat hidup dengan kadar yang terlalu sedikit terhadap beratus-ratus juta orang yang memerlukannya. Kewajipan Ulama' dan semua orang Islam ialah meletakkan garis penamat bagi kezaliman ini serta berusaha untuk membahagiakan berjuta-juta manusia, demi menghancurkan dan menghapuskan kerajaan yang zalim dengan menegakkan kerajaan Islam yang bekerja dengan jujur.

PERLUNYA PEMBENTUKAN KERAJAAN DIDALAM HAD1TH-HADITH

Bukti mengenai perkara tersebut telah *pun* pasti melalui tuntutan akal dan syara’ Sirah Rasulullah *(s.’a.w)* Sirah Amir al-Mu’minin (‘a.s) serta penganjuranpenganjuran yang banyak dari ayat-ayat dan Hadith-hadith. Sebagai satu contoh mengenainya kita sebutkan riwayat daripada Imam ar-Rida (‘a.s):

> ‘Abdul Wahid bin Muhammad Abduh an-Nisaburi al-’Attar telah berkata: Abu al-Hasan ‘Ali bin Muhammad bin Qutaibah an-Nisaburi telah menceritakan kepada ku, katanya: Abü Muhammad al-Fadi bin Syadhan

> an-Nisaburi telah berkata: Jika sesorang bertanya; beritahu kepadaku adakah harus seorang yang bijaksana memerintah ... dan kalau seorang bertanya: kenapa dijadikan Ulil al-Amri dan diarah mentaati mereka ? Jawapannya mungkin banyak, diantaranya ialah, sesungguhnya makhluk diminta berhenti disatu tahap tertentu dan diperintahkan supaya jangan melampaui batasan tertentu kerana melanggarnya menyebabkan kerosakan mereka sendiri. Im tidak dapat ditegakkan dan dilaksanakan melainkan dengan melantik seorang yang dipercayai keatas mereka untuk menyekat mereka setakat mana yang diharuskan serta menegah mereka dari perkara yang membahayakan mereka kerana tanpa ini, maka tiada seorang pun akan meninggalkan keseronokkan dan kesenangan agar ia tidak merosakkan yang lain."

Demikianlah yang terdapat dalam salinan sementara, yang sebenarnya ialah:

> Tidak ada seorang pun akan meninggalkan keseronokkannya."

Darinya kita tidak mendapati puak atau bangsa yang kekal dan hidup tanpa orang yang jujur dan ketua untuk menguruskan urusan agama dan dunia mereka. Dalam keadaan kebijaksanaanNya Allah tidak akan meninggal kan menusia tanpa perkara yang mesti ada buat mereka juga sesuatu yang tanpanya mereka tidak dapat hidup, denganyalah mereka membunuh musuh. membahagibahagikan hadiah mereka, menyatukan kumpulan dan perhimpunan-perhimpunan mereka serta menegah mereka yang zalim dari melakukan kezaliman terhadap yang lain. Alasan ini iuga mengandungi hakikat bahawa sekiranya Tuhan tidak melantik Imãm yang lurus, jujur dan pemelihara serta pendamai maka pupuslah bangsa, lenyaplah agama, berubahlah peraturan-peraturan dan undang-undang, bertambahlah didalamnya orang-orang bid'ah, berkuranganlah darinya orang-orang atheis dan semuanya serupa bagi orang-orang Islam kerana kita dapati bahawa manusia itu kekurangan, memerlukan dan tidak sempurna disamping perbedaan mereka, perbedaan kehendak dan kepelbagaian suasana mereka. Sekiranya Tuhan tidak melantik orang yang jujur dan pemelihara nescaya Rasul yang pertama tidak akan melantik seseorang dan manusia akan menjadi rosak sepertimana yang telah kami terangkan. Berubahlah undang-undang, peraturan-peraturan,

hukum-hukum dan keimanan. Kerosakan ini akan menyebabkan rosaknya manusia seluruhnya. (‘Ilal ash-Shara’i, 1/183)

Kamu boleh mendapati bahawa Imam ar-Ridä telah barhujjah dengan beberapa aspek sebagai bukti tentang perlunya kewujudan seorang Wali al-Amri yang menjalankan pemerintahan keatas orang ramai. Alasan-alasan yang telah disebutkan itu terdapat pada setiap zaman. .Ini bermakna bahawa perlunya pembentukan kerajaan Islam pada setiap masa. Disebabkan perlanggaran terhadap ketentuan-ketentuan Allah, usaha disebalik keseronokan peribadi, penyebaran keseronokan dimuka bumi, pemusnahan hak-hak golongan lemah, semuanya terdapat pada setiap masa dan tidak hanya disatu zaman sahaja maka kebijaksanaan Ilãhi telah menuntut supaya manusia hidup dengan adil dalam batas-batas yang telah ditentukan oleh Allah kepada mereka. Kebijaksanaan itu tetap kekal dan abadi. Atas sebab inilah kewujudan pemerintahan yang melaksanakan peraturan-peraturan dan undang-undang Islam merupakan satu kemestian kerana ianya mampu untuk mencegah kezaliman, perlanggaran batasan dan keburukan. Ia juga membawa amanah, memujuk manusia kejalan yang benar dan menghalang perbuatan bid’ah golongan atheis dan golo ngan-golongan yang degil. Bukankah penggantian Amir al-Mu’minin (‘a.s) telah dimeteraikan untuk ini? Alasan-alasan dan tuntutan-tuntutan yang telah mendorong Imam ‘Ali memegang jawatan pemerintah itu wujud juga sekarang cuma dengan satu perbedaan iaitu bahawa jawatan Imãm untuk Sayyidinã ‘Mi itu dinaskan dengan tepat manakala sifat seorang hakim pemerintah yang mengikut hukum syara’ dizaman kita im hanya ditentukan dengan menentukan bendanya, sifat-sifat dan kewibawaannya secara umum.

Apabila kita ingin mengekalkan undang-undang syara’ secara praktikal, mencegah kezaliman dan pencerobohan ke atas hak-hak orang yang lemah dikalangan manusia serta mencegah kerosakan dimuka bumi, dan demi mempraktikkan undang-undang syara’ dengan bentuknya yang adil, memerangi bid’ah dan kesesatan.. kesesatan yang telah diputuskan oleh Majlis-majljs Perwakilan (Parlimen) yang palsu, mencegah pengaruh dan campurtangan musuh-musuh dalam urusan-urusan orang Islam, semuanya ini adalah mewajibkan pembentukan kerajaan kerana ini semuanya adalah merupakan beban tugas kerajaan dengan pimpinan seorang pemerintah yang jujur dan baik, tiada kezaliman, penyelewengan dan keburukan disisinya.

Dimasa lalu kita tidak bekerja dan tidak bangkit bersama-sama untuk membentuk sebuah kerajaan yang boleh menghancurkan pemerintah-pemerjntah yang khianat dan perosak. Setengah-setengah dari kita telah me-nunjukan kelesuan walau pun dibidang teori dan gagal untuk menyeru kepada Islam dan menyebarkan undangundangnya serta mungkin sebahagian dari kita telah terpaku dengan seruan ini terhadap mereka; hasil dari perkara tersebut maka terdapatlah keadaan-keadaan yang demikian, pengaruh undang-undang Islam telah berkurangan dikalangan masyarakat Islam sendiri; umat ditimpa bala perpecahan, kelemahan dan kemunduran, undang-undang Islam jadi tergendala, suasana berubah, penjajah-penjajah telah menggunakan peluang terbuka ini dengan mengemukakan undang-undang asing yang tidak disahkan oleh Allah, mereka menyebarkan budaya dan pemikiran mereka yang beracun dan menyiarkannya ketengah-tengah orang-orang Islam. Ini semua adalah disebabkan kita telah kehilangan pemimpin yang melaksanakan urusan-urusan orang-orang Islam dan kerana kita kehilangan agensi-agensi kerajaan yang baik. Ini adalah jelas.

SISTEM PEMERINTAHAN ISLAM

Keistimewaannya Berbanding Dengan Sistem Politik

SISTEM pernerintahan Islam tidak rnenyamai bentukbentuk kerajaan yang biasa. Ia bukan semata-mata sebuah kerajaan dimana ketua negaranya memerintah dengan pendapatnya sendiri, mensia-siakan harta dan hidup rakyat. Rasulullah (s.'a.w), Khalifah-Khalifah Arnir al-Mu'minin 'Ali ('a.s) dan semua Imam tidak mempunyai kuasa untuk mensia-siakan harta dan hidup rakyat. Kerajaan Islam bukan semata-mata kerajaan malah ia juga adalah perlembagaan tetapi bukan dengan makna perlembagaan biasa yang digambarkan dalam sistern parlimen atau dewan-dewan rakyat, sebaliknya ia adalah perlembagaan dengan ertikata bahawa orang-orang yang menjalankan pernerintahan adalah terikat dengan sekumpulan syarat-syarat dan dasar-dasar yang telah disyarai'atkan didalam al-Qur'ãn dan Sunnah serta yang cligambarkan tentang kemestian menjaga sistem dan mempraktikkan undang-undang Islam juga peraturan-peraturannya. ini bererti bahawa kerajaan Islam itu adalah kerajaan undang-undang Ilahi. Terdapat perbedaan diantara kerajaan Islam dengan kerajaan-kerajaan monarchy berperlembagaan juga republik dalam mana wakil rakyat atau wakil raja adalah merupakan orang yang membuat undang-undang dan menggubalnya sedangkan kuasa penggubalan

adalah terbatas kepada Allah Yang Maha Mulia Dan Agung. Tiada seorang walau bagaimanapun kedudukannya, boleh menggubal, tiada seorang pun boleh menghukum tanpa kuasa yang diturunkan oleh Allah. Inilah sebabnya mengapa Islam telah menukar majlis perundangan dengan majlis lain yang bertugas untuk merancang, bekerja untuk menyusun peijalanan kementrian-kementrian disegi tugas-tugas serta sumbangan khidmatnya dalam semua bidang.

Setiap yang terdapat didalam al-Qur'an dan Sunnah mesti diterima dan dipatuhi pada pandangan orang-orang Islam. Kepatuhan ini memudahkan negara disegi tanggungjawab-tanggungjawabnya sedangkan didalam kerajaan monarchy berperlembagaan atau republik apabila majoriti telah menggubal sesuatu maka kerajaan selepas itu akan bertindak memaksa rakyat supaya mematuhi dan mengikut walau pun dengan menggunakan kekerasan bila ianya (dianggap) perlu.

Kerajaan Islam adalah kerajaan undang-undang. Pemerintah (sebenar) hanyalah Allah, Dialah yang menggubal bukan yang lain, undang-undang Allah mesti dilaksanakan pada semua manusia bahkan terhadap kerajaan itu sendiri. Setiap individu, Rasiilulläh (s.'a.w), pengganti-penggantinya, semua manusia mengikut apa yang telah disyari'atkan keatas mereka oleh Islam yang diturunkan bersamanya Wahyu dan diterangkan oleh Allah didalam al-Qur'ãn atau melalui lidah RasülNya.

Rasülulläh (s.'a.w) yang mulia telah dilantik oleh Allah sebagai khalifah dimuka bumi untuk menghukum keatas manusia dengan adil dan tidak mengikut hawa nalsu, Allah telah menurunkan kepadanya Wahyu supaya baginda menyampaikan apa yang telah diturunkan keatasnya kepada orang yang akan menggantikannya. Rasül telah mengikut ketentuan ini dan telah melantik Amir al-Mu'minin 'Ali sebagai penggantinya. Baginda didalam membuat penentuan ini bukanlah didorong oleh faktur bahawa 'Ali adalah menantunya, atau 'All telah bekerja keras dan mempunyai khidmat-khidmat yang cemerlang, tetapi adalah kerana Allah yang telah memerintahkannya supaya berbuat demikian.

Demikianlah, sesungguhnya kerajaan didalam Islam bererti mengikut undang-undang dan melaksanakannya. Kuasa-kuasa yang terdapat pada Nabi dan pemerintah pemerintah yang berautorjtjas selepasnya adalah didatangkan

daripada Allah. Sesungguhnya Allah telah memerintahkan (kita) supaya mengikut Nabi dan pemerintah selepasnya:

"Dan taatilah Rasul dan penguasa dari kamu."

Tiada lagi tempat bagi pendapat-pendapat dan hawa nafsu dalam kerajaan Islam. Nabi, khalifah, Imam dan orang ramai semuanya menurut kehendak Allah dan syari'atNya.

Kerajaan Islam tidak berbentuk monarchy (beraja), tidak Shãhanshãh dan tidak juga empayar, kerana Islam itu suci dari pemborosan dan mempermudah-mudahkan nyawa dan harta orang ramai tanpa hak. Justeru itu didalam pemerintahan Islam tidak terdapat istana-istana yang besar sepertimana yang terdapat dengan banyaknya dikalangan raja-raja, khadam-khadam yang ramai, Balai-balai Rong, Dewan Tengku Mahkota dan lam-lain perkara yang sebenarnya hina tetapi menelan setengah atau sebahagian besar dari kekayaan negara. Kehidupan Rasülullãh (s.'a.w) yang agung sepertimana yang kamu ketahui adalah dalam tahap yang amat sederhana, sekali pun baginda mengetuai negara, menjalan dan memerintahnya sendiri. Cara ini berterusan selepas baginda hingga kesatu masa sebelum golongan Umayyah merebut kuasa. Pemerintahan 'All bin Abi Tãlib ('a.s) sebagaimana yang kamu ketahui adalah pemerintahan *Islah***,** belau hidup dengan begitu sederhana. Beliau mengendalikan negara yang sangat luas, merangkumi Iran, Mesir, Hijãz dan Yaman yang semata-mata menjadi daerah yang menurut perintahnya. Saya tidak menyangka bahawa sesiapa sahaja dari kalangan orang faqir kita mampu untuk mengikuti caragaya hidup yang dialami oleh 'Ali('a.s). Pernah diceritakan bahawa ketika beliau mempunyai dua helai baju (Jubah), beliau telah memberikan yang lebih baik diantara keduanya kepada Khadamnya (Qanbar) sementara dia memakai yang satu lagi. Manakala beliau mendapati lebihan dilengan bajunya maka beliau memotongnya. Sekiranya cara tersebut berterusan hingga ke hari ini tentulah orang ramai akan mengenal rasa kebahagian dan perbendaharaan negara tidak akan dirampas untuk dibelanjakan kepada perkara-perkara yang keji dan mungkar, perbelanjaan dan pembiayaan istana. Kamu semua mengetahui bahawa sebab kerosakan masyarakat kita adalah berbalik kepada kerosakan keluarga pemerintah serta keluarga diraja. Manakah undang-undang yang membolehkan pemerintah--pemerintah itu membangunkan runiah-rumah hiburan, tempat-tempat *fasad*, kekejian dan kemungkaran ini, padahal mereka meruntuhkan rumah-rumah

dimana Allah mengizinkan namaNya disebut dan dikumandangkan disitu. Kalaulah tidak istana berbelanja dengan membazir dan menggelapkan peruntukan maka tentulah belanjawan negara tidak akan mengalami kekurangan dan mendorong negara supaya berhutang daripada Amerika dan England dengan penuh hina dan nista kerana mengambil pinjaman itu. Adakah minyak kita telah kurang? Atau adakah galian kita yang tersimpan dibawah bumi yang baik ini telah kering? Kita memiliki semuanya. Kita tidak perlukan bantuan daripada Amerika dan yang lainnya, kalau istana tidak membelanja dan membazirkan harta-harta rakyat. Ini dan satu segi. Dari segi yang lain pula disana terdapat agensi-agensi kerajaan yang tidak diperlukan. Ia telah memusnahkan rakyat, tenaga, kertas dan perkakas-perkakas. Pembaziran ini adalah haram dalam syari'at kita, kerana ianya menambahkan lagi problem orang ramai, membuang masa dan tenaga mereka, mengeringkan harta-harta yang mereka perlukan secara langsung. Didalam Islam - dizaman pe-merintahannya - kehakiman telah dijalankan, hukum-hukum Hudud dan Ta'zir telah dilaksanakan dan segala perbalahan telah diselesaikan dengan penuh kesaksamaan. Untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut hakim telah berpuashati ianya dilakukan oleh sejumlah kecil (orang) tertentu dengan menggunakan beberapa batang pensel, sedikit dakwat dan kertas. Disebalik ini semua hakim akan mengarahkan orang ramai supaya bekerja untuk hidup terhormat dan mulia. Tetapi kini hanya Allah sahaja yang mengetahui bilangan jabatan keadilan dan biro-biro pegawainya. Semuanya telah gersang, tidak dapat mnyumbangkan manfaat kepada orang ramai selain dari menyebabkan mereka(berada didalam) ketenatan dan penderitaan, membuang masa dan harta seterusnya kehilangan pengadilan dan hak-hak.

Syarat-Syarat Bagi Seorang Pemerintah.

Syarat-Syarat yang sayugia terdapat pada seorang pemerintah adalah terserlah daripada sifat-sifat kerajaan Islam itu sendiri. Dengan mengalihkan pandangan danpada syarat-syarat umum seperti berakal, cukup umur dan cekap pentadbiran, disana terdapat dua syarat lagi yang penting, iaitu:

Pengetahuan terhadap undang-undang Islam dan bersifat adil.

1. Pengetahuan Terhadap Undang-Undang Islam

Disebabkan kerajaan Islam itu adalah merupakan kerajaan undang-undang, maka sudah semestinya bagi seorang pemerintah Islam itu mengetahui undang-undangnya, sepertimana yang terdapat didalam hadith. Sesiapa sahaja yang bertugas atau memegang jawatan tertentu maka dia adalah bertanggungjawab mengetahui batas-batas pengkhususannya berdasarkan kepada keperluannya. Bahkan pemerintah mesti lebih mengetahuinya dari orang lain. Imam-imam kita telah menetapkan kemampuan mereka terhadap amanah orang ramai dengan menyelidikinya terlebih dahulu di segi pengetahuannya. Apa yang dikira salah oleh 'Ulamã' Syi'ah terhadap yang lain pada keseluruhannya adalah berkisar disekitar tahap keilmuan yang diperolehi oleh Imam Imam kita, sedang yang lain adalah terbatas disegi ilmunya.

Pengetahuan terhadap undang-undang dan bersikap adil adalah diantara rukun-rukun kepimpinan yang terpenting. Sekiranya seorang itu hanya mempunyai pengetahuan yang luas tentang sifat semulajadi serta rahsianya dan mempunyai pengetahuan yang baik tentang seni, sebaliknya ia jahil tentang undang-undang maka ia tidaklah dianggap sebagai layak untuk menjadi khalifah dan tidak akan diutamakan daripada orang-orang yang mengetahul undang-undang dan bersikap adil. Telah menjadi suatu perkara yang diterima dikalangan orang-orang Islam sejak dahulu kala hingga kini bahawa Seorang pemerintah atau khalifah mesti mempunyai pengetahuan terhadap undang-undang dan bakat keadilan disampmg betul aqidah dan baik akhlaknya. Inilah yang diperlukan oleh akal yang sihat khususnya sejak kita mengetahui bahawa kerajaan Islam itu adalah penjelmaan sebenamya terhadap undang-undang dan bukannya menurut hawa nafsu. Oleh kerana itu seorang yang jahil tentang undang-undang adalah tidak layak untuk memerintah kerana sekiranya ia hanya menjadi 'pak turut' dalam keputusan-keputusannya maka hilanglah kehebatan kerajaannya. Andainya ia tidak menurut pula maka ia akan lemah untuk melaksanakan undang-undang di samping andaian-andaiannya yang terlalu jahil mengenainya. Adalah merupakan satu fakta yang diteruna bahawa,

> "Ahli Fiqh adalah merupakan pemerintah-pemerintah
> keatas para raja."

Sekiranya sultan-sultan itu terdiri daripada orang-orang yang beragama maka tidak ada pilihan lain baginya selain dari menjadikan Fuqahã' sebagai sumber untuk bertindak dan menghukum. Didalam keadaan ini pemerintah yang

sebenarnya ialah ahli-ahli Fiqh itu sendiri, sementara para sultan adalah pegawai mereka semata-mata.

Biasanya tidaklah untuk mengetahui undang-undang dan mendalaminya tetapi memadai sekadar membiasakan dirinya dengan undang-undang yang berkaitan dengan tugas atau kerjanya ataupun jawatan yang diamanahkan kepadanya. Beginilah berlalunya Sirah dizaman Rasulullah dan juga di zaman Amir al-Mu'minin.

Pemerintah tertinggilah yang mengetahui semua undangundang Islam. Sementara orang-orang suruhan, orangorang yang diutus, pekerja-pekerja dan wakil-wakil daerah cukup setakat mengetahui undang-undang dan penggubalan-penggubalan yang berkaitan dengan tanggungjawab mereka serta merujuk dalam masalah yang mereka tidak mengetahuinya kepada sumber-sumber perundangan yang telah dirangkakan untuk mereka.

2. Bersikap Adil

Seorang pemerintah mesti mempunyai setinggitinggi kesempurnaan aqidah, kemurnian akhlak di sam-ping bersifat adil dan bersih dari sebarang dosa kerana orang yang berjanji untuk menegakkan ketentuan-ketentuan dan melaksanakan hak-hak, menyusun sembersumber dan perbelanjaan *Baitul Mal* maka ia tidak harus menjadi zalim, kerana Allah Ta'ala telah berfirman di-dalam kitabNya yang mulia.:

Janji Ku ini tidak termasuk (mengenai) orang-orang yang zalim.

Justeru itu pemerintah apabila tidak berlaku adil adalah tidak dipercayai bahawa ia tidak mengkhianat amanah dan tidak membawa dirinya, keluarga dan saudara maranya untuk mengatasikan orang lain. Menurut Syi'ah, mereka yang berhak untuk memerintah orang ramai ialah telah diketahui sejak dari wafatnya Rasulullah (s.'aw) lagi hinggalah kezaman 'Ketiadaan Imam . Kerana itu bagi mereka Imam adalah seorang yang mulia, mengetahui undang-undang dan peraturan-peraturan, adil dalam melaksanakannya dan tidak melakukan perkara yang tercela.

PEMERINTAH DI ZAMAN IMAM MENGHILANG DIRI /GHAIBAH (KETIADAAN IMAM)

Bila kita meyakini bahawa hukum-hukum yang bersangkutan dengan pembentukan satu pemerintahan Islam masih kekal dan syari'ah menolak suasana 'permissive' dan kucar-kacir, maka kita mestilah benisaha mewujudkan pemerintahan tersebut. Lagi pun rasional memandang perlu kepada kewujudannya, terutama dalam suasana umat Islam, diancam musuh dan dicerobohi seteru yang mana memerlukan perjuangan dan penentangan terhadapnya. Malah syari'at Islam memerintahkan kita supaya bersiap siaga dalam kekuatan yang termampu dengan tujuan menggerunkan musuh-musuh kita yang juga merupakan musuh Allah, disamping mendorong kita membalas setiap pencerobohan dengan setimpal. Demikian juga Islam menyeru kita menyelamatkan orang-orang yang dizalimi, mengembalikan hak diri mereka dan menghapuskan kezaliman. Semuanya itu memerlukan satu kekuatan yang tersusun. Mengenai sumber kewangan pemerintahan pula maka ianya diambil daripada *Baitul Mal* yang hasilnya diperolehi dari kutipan cukai tanah, cukai seperlima dan zakat juga lain-lain sumber.

Sekarang - di zaman ketiadaan Imãm - ini tidak terdapat satu nas yang menentukan individu tertentu buat menguruskan hal ehwal negara. Jadi bagaimana pandangan kita ? Apakah kita akan membiarkan hukum-hukum Islam tergendala atau terbatas? Atau kita berpandangan bahawa Islam itu hanya buat dua kurun yang lampau, tidak untuk masa kini, atau mengatakan Islam tidak pemah menyentuh soal pentadbiran negara? Sedangkan kita tahu ketiadaan sebuah negara Islam itu menandakan umat Islam lemah dan hilangnya kekuatan orang-orang Islam dan petanda kita kehilangan hak dan tanah air sendiri. Adakah Islam menerima keadaan ini? Bukankah pemerintahan itu satu tuntutan hidup ? Walaupun tidak ada satu nas (peruntukan teks) yang menentukan pengganti Imam namun ciri-ciri istimewa pemerintah mengikut kehendak syara' tetap ada pada diri orang yang berkebolehan melaksanakan undangundang Islam dalam masyarakat. Ciri yang dimaksudkan ialah pengetahuan terhadap undang-undang dan bersifat adil. Kedua-dua ciri ini wujud dalam kebanyakan diri ahli-ahli Fiqh masa kini. Andaikata mereka bersepakat pastilah mudah bagi mereka untuk membentuk satu pemerintahan yang adil dan sejagat yang tiada tandingnya.

PEMERINTAHAN AHLI FIQH

Bila seorang ahli fiqh yang ‘alim dan adil mula menjalankan usaha untuk membentuk satu pemerintahan maka ianya memberi erti bahawa ia melaksanakan persoalan kemasyarakatan yang telah diamanahkan oleh Nabi (s. ‘a.w) kepada mereka sementara orang ramai wajiblah mematuhi dan mendengarnya.

Pemerintahan ini berkuasa mengurus dan memerintah orang ramai sama sepertimana kuasa dan keistimewaan Rasulullah (s.’a.w) dan Amir al-Mu’minin kerana kelebihan dan keistimewaan itu tidak akan membawanya melanggari ajaran agama atau menghukum manusia diluar titah perintah Allah. Sesungguhnya Allah telah memberikan kuasa kepada pemerintahan Islam yang praktikal itu yang diwajibkan pembentukannya dimasa ketiadaan Imäm ini sendiri sama seperti apa yang telah diberikan kepada Nabi (s.’a.w) dan Amir al-Mu’mintn dalam soal-soal pemerintahan dan kehakiman, menyelesaikan pertelagahan-pertelagahan, perlantikan pan penguasa dan pegawai, pungutan cukai tanah dan pembangunan negara, dengan penentuan bahawa orang yang terlantik itu mestilah memiliki dua ciri yang terdahulu iaitu berilmu dan bersifat adil.

Pemerintahan Yang Relatif

Tidak patut di salah tanggapkan dari perkara yang lalu untuk seorang menggambarkan bahawa kuasa yang ada pada seorang ahli Fiqh itu akan mengangkat dirinya ketaraf Nabi atau Imãm kerana perbicaraan kita hanya ber-kisar disekitar soal melaksanakan tugas semata-mata, bukan soal darjat dan martabat. Pemerintahan bermaksud memerintah masyarakat, mentadbir negara dan melaksanakan hukum-hukum syara’. Tugas ini penting dan mencabar, dilaksanakan oleh mereka yang berkelayakan bukan untuk mengangkat din ketaraf mengatasi manusia biasa. Dengan kata lain ia bermakna kerajaan, pent-adbiran dan pengurusan negara, bukan - sepertimana yang di gambarkan oleh setengah-setengah orang - bahawa ianya adalah satu keistimewaan atau tempat mengampu atau demi kepentingan diri. Bahkan ianya adalah satu tugas praktikal yang mengandungi risiko yang besar.

Pemerintahan ahli Fiqh adalah perkara relatif yang ditentukan oleh syara' sebagaimana ianya menganggap bahawa setiap orang dari kalangan kita mestilah menjaga kanak-kanak. Tugas menjaga bangsa dan segala masalahnya adalah tidak bercanggah dengan tugasnya menjaga kanak-kanak kecuali hanya disegi kuantiti sahaja. Bila Nabi (s.'a.w) dan Amir al-Mu'minin mewajibkan kita menjaga kanak-kanak maka tugas kedua-duanya dalam bidang ini tidak ada bedanya sama ada disegi kuantiti maupun caranya dari mana-mana individu lain bila dinisbahkan kepada penjaga dengan tugas mana-mana ahli Fiqh yang berilmu dan di zaman Ketiadaan Imäm ini.

Kalau ahli Fiqh yang adil itu dianggap berkuasa untuk menjalankan Hudud, maka adakah ia akan menjalankan perkara yang berlainan dari apa yang telah dilaksanakan di zaman Rasulullah (s.'a w) dan zaman Amir al-Mu'minin ('a.s)? Apabila Nabi menyebat penzina yang belum berkahwin itu lebih dari seratus rotan, adakah seorang ahli Fiqh boleh mengurangkan bilangan tersebut? Tentu sekali tidak ! Sebab seorang hakim sama ada dia Nabi atau ahli Fiqh yang adil ia hanyalah melaksanakan perintah dan hukum Allah.

Sesungguhnya Rasulullah (s.'a.w) telah memungut berbagai cukai; cukai seperlima, zakat, jizyah dan cukai tanah. Adakah disana terdapat perbedaan antara apa yang dipungut oleh Nabi dengan apa yang dipungut oleh Imam ('a.s) dan ahli Fiqh masa kini?

Allah telah melantik Rasulullah (s.'a.w) sebagai pemimpin seluruh orang Mu'min dan kuasanya itumerangkumi hingga keatas individu yang akan menggantikannya serta orang yang selepasnya menjadi pemimpim iaitu Imam ('a.s). Maksud kekuasaan bagi kedua-duanya ialah bahawa seluruh orang. Kepada keduanyalah akan dirujukkan soal perlantikan hakim-hakim dan pemerintah-pemerintah, mengawasi dan memecat mereka bila keadaan memerlukan.

Kekusaan dan pemerintahan ini sendiri adalah wuju'd di sisi ahil Fiqh ke atas ahli-ahli Fiqh yang lain tidak bererti membolehkannya untuk memecat atau melantik mereka kerana ahli-ahli Fiqh disegi kuasa adalah sama sahaja dari sudut kelayakan.

Selepas ini para Fuqaha' mestilah bekerja, sama ada secara sendirian atau pun kolektif untuk menegakkan kerajaan yang sah, bertindak untuk menegakkan

hukum Hudud dan menjaga sempadan serta melaksanakan peraturan. Andainya kelayakan itu hanya terdapat pada individu tertentu maka tugas tersebut adalah menjadi fardu ‘ain keatasnya, sekiranya tidak maka ia menjadi fardu *kifayah*. Ada pun dalam keadaan tidak ada kemainpuan untuk membentuk kerajaan tersebut maka kekuasaan tetap tidak gugur, sebab Fuqaha’ telah dilantik sendiri oleh Allah. Maka wajiblah keatas seorang ahli Fiqh untuk melaksanakan tuntutan kuasanya berdasarkan tahap kemampuannya. Hendaklah ia memungut zakat, cukai seperlima, cukai tanah, dan jizyah sekiranya ia mampu, supaya semuanya itu dapat dibelanjakan untuk kepentingan-kepentingan umat Islam. Ia juga wajib melaksanakan ketentuan-ketentuan Allah sekiranya termampu. Kelemahan sementara untuk menegakkan kerajaan yang kuat dan sempurna dalarn apa sahaja bentuknya tidak boleh dijadikan alasan untuk kita melarikan diri bahkan memenuhi kehendak-kehendak umat Islam dan melaksanakan hukum-hukum yang mudah untuk dipraktikkan dikalangan mereka semuanya itu adalah wajib menurut kadar keupayaan yang ada.

Kuasa Membentuk

Pastinya kekuasaan dan pemerintahan bagi Imam tidaklah bermakna terpencilnya dia dan kedudukannya yang sebenar disisi Allah, dan kuasa itu tidak akan menjadikannya seperti pemerintah-pemerintah yang lain daripadanya. Sesungguhnya Imam mempunyai kedudukan yang terpuji, darjat yang tinggi juga merupakan khalifah yang mempunyai kuasa pembentukan yang tunduk kepada pemerintahan dan kuasa semua unsur di alam ini. Dan di antara perkara-perkara yang tidak dapat dipertikaikan lagi menurut madzhab kita ialah bahawasanya Imam-imam kita telah mempunyai kedudukan tinggi tetapi tidaklah sampai ke tahap yang dicapai oleh Malaikat yang sentiasa berdampingan (dengan Allah) juga Nabi yang diutus. Riwayat-riwayat dan hadith yang ada pada kita telah mempastikan bahawa Rasul Agung (s.a.w) dan para Imam (‘a.s) di sebalik dunia ini mereka adalah merupakan cahaya-cahaya yang telah diterbitkan oleh Allah dari ‘ArasyNya, dan Allah menganugerahkan kepada mereka kedudukan dan darjat yang hampir dengan Allah yang hanya Imam sahaja yang mengetahuinya. Sesungguhnya Jibril pernah berkata – sepertimana yang terdapat dalam riwayat-riwayat berkenaan Mi’raj – berbunyi:

“Andai hujung jari mendekati (cahaya-cahaya itu) nescaya terbakarlah ia.”

Terdapat juga dari kalangan Imam-imam (‘a.s) sebagai berkata:

“Sesungguhnya bagi kami ada berbagai keadaan yang tidak dapat dicapai kecuali oleh Malaikat yang sentiasa berdampingan (dengan Allah) serta Nabi yang diutus.”

Kedudukan seumpama ini ada juga pada Fatimah az-Zahra (‘a.s) tetapi tidaklah bererti beliau adalah seorang khalifah, pemerintah atau pun hakim. Kedudukan ini adalah satu perkara lain yang berada di sebalik status khalifah dan kekuasaan. Sesungguhnya Fatimah bukanlah seorang hakim atau pemerintah atau pun khalifah, (ungkapan ini) tidaklah bermakna bahawa Fatimah tidak mempunyai kedudukan yang hampir (kepada Allah) itu, sebagaimana perkara tersebut tidak memberi erti bahawa ia adalah seorang perempuan biasa seperti perempuan-perempuan yang ada di masa kita ini. Bila seorang berkata:

“Bahawa Nabi adalah penjaga kepada orang-orang Mu’min kepada diri mereka.”

Maka bermakna bahawasanya telah disahkan iaitu baginda menduduki martabat yang mengatasi seorang Wali atau seorang pemerintah atau golongan orang-orang Mu’min. Dalam hal ini kita tidak menentang, bahkan kita menyokong sekalipun perkara tersebut adalah di antara perkara yang berada di dalam ilmu Illahi.

Kerajaan Adalah Wadah Bagi Perlaksanaan MatlamatMatlamat Yang Tinggi

Berusaha melaksanakan urusan negara tidaklah memberi status yang lebih kepada orang yang melaksanakannya, sebab pemerintahan adalah satu agensi perlaksanaan kepada semua hukum serta mengesahkan sistem Islam yang adil. Sesuatu pemerintahan tidak ada nilainya sekiranya ia dilaksanakan bagi kepentingan tertentu. Amir al-Mu’minin pernah berkata kepada Ibn Abbas - dan ditangan Imam (‘a.s) terdapat ladam kasut yang telah diletakkan - (katanya):

> "Berapa nilai ladam ini ? Kata Ibn 'Abas Tidak ada nilai baginya. Kata Imam (a.s): Demi Allah, ianya lebih ku sayang daripada arahan kamu melainkan aku berjaya melaksanakan kebenaran dan menolak kebatilan."
>
> (*Nahjul Balaghah*, 1/80)

Imam 'Ali berebut pemerintahan dan tidak juga tamak hatinya terhadap pemerintahan, dialah yang berkata:

> "Demi Dia yang telah memerekahkan benih dan meniupkan bayu, kalaulah tidak kerana wujud Dia yang hadir dimana-mana, dan kerana mantapnya dalil-dalil dengan bantuan Dia yang sentiasa menolong, kalaulah tidak kerana Allah mengarahkan 'Ulama' supaya jangan membiarkan penzalim memeras dan yang dizalimi menderita, nescaya saya tidak akan mencampakkan tali kepada orang yang akan tenggelam, saya akan memberikan air dalam bekas orang yang terawal kepada orang yang terakhir dan kamu tidak akan mendapati didunia kamu ini suatu yang lebih suci pada ku daripada bersin seekor anak kambing."

Pemerintahan itu sendiri bukanlah matlamat tetapi ia adalah satu jalan yang mempunyai nilai selagi matlamatnya mulia. Sekiranya ia dicari dan dianggap sebagai matlamat semata-mata dan menggunakan semua cara untuk mencapainya maka usaha seperti itu akan mendekati satu kesalahan dan pelakunya akan tergolong dalam golongan orang-orang yang melakukan jenayah. Peluang telah tidak diberikan kepada Imam-imam kita untuk memegang tampuk pemerintahan kerana mereka menganggap pemerintahan itu sebagai penyelesaian terakhir. Sebenarnya menjadi tanggungjawab para Fuqaha' yang adil itu untuk mencari dan mengambil peluang bagi menyusun dan menubuhkan kerajaan yang terarah dan dikehendaki supaya melaksanakan perintah Allah, menegakkan sistem yang adil sekali pun perkara itu mendesak mereka untuk berkorban dan berusaha bermati-matian. Dalam hal ini tiada dalih dari Fuqaha' yang boleh diterima sebab penguasaan ahli Fiqh keatas urusan orang ramai itu sendiri adalah berdasarkan kadar kernampuan, sesuai dengan taat setianya kepada urusan Allah dan menunaikan tanggungjawab kewajipan agama.

Untuk menunjukan bahawa kerajaan itu adalah satu alat semata-mata dan bukannya matlamat maka kita ingatkan sernula apa yang telah diperkatakan oleh Amir al-Mu'minin ('a.s) dalam satu ucapan yang disampaikannya di Masjid ar-Rasul selepas orang ramai berbai'ah kepadanya;

> "Ya Allah sesungguhnya Engkau mengetahui bahawa apa yang berlaku pada kami bukanlah perlumbaan merebut kuasa, bukan juga mengejar sesuatu dari kelebihan=kelebihan di celah-celah keruntuhan, tetapi kami akan mengembalikan ajaran-ajaran dari agama Mu, melahirkan Islah di bumi Mu supaya hambahamba Mu yang dizalimi terselamat dan batas-batas Mu yang tergendala dapat ditegakkan."

Sifat-Sifat Pemerintah Yang Melaksanakan Matlamat-Matlamat ini

Di dalam kandungan khutbahnya ini Amir al-Mu'minin menunjukkan sifat-sifat yang semestinya ada pada pemerintah yang hendak melaksanakan matlamat-matlamat yang suci yang telah disebutkan oleh Imam dalam khutbahnya dengan katanya;

> "Ya Allah sesungguhnya aku adalah orang yang pertama mengganti, mendengar dan menyahut, tiada seorang pun yang mendahului aku didalam bersembahyang melainkan Rasulullah. Tidak patut bagi seorang pemerintah menerima bayaran yang tertanggung (atas kesenangan orang ramai), atas bayaran *Dam*, atas harta rampasan perang, atas hukum-hukum dan atas pimpinan umat Islam, bersikap bakhil sehingga hartanya menjadi fitnah kepadanya, atau menjadi jahil sehingga ia menyesatkan orang ramai dengan kejahilannya, dan menjadi kikir sehingga orang ramai memulaukannya, atau jadi pengecut sehingga in mengutamakan satu kaum dan mengenepikan satu golongan lain, atau memakan rasuah semasa dalam pemerintahannya, sehingga hak-hak yang benar itu hilang dan rasuah tidak terkawal dan tidak ada pengendalaan terhadap Sunnah sehingga umat menerima padah."

Hal ini adalah berkisar di sekitar - seperti yang kamu ketahui - pengetahuan dan keadilan pemerintah. Kedua-duanya adalah merupakan syarat-syarat yang mesti terdapat path seorang pemerintah Islam. Dia menunjukkan dengan katanya:

"...dan tidak menjadi jahil sehingga ia menyesatkan orang ramai dengan kejahilannya. .,"

itu sebagai syarat yang pertama, dan bahagian berikutnya dan ucapan itu adalah sebagai (keterangan mengenai) keadilan yang bermakna bahawa ia harus ada pada pemerintahannya dan hubungan serta pergaulannya dengan orang ramai mesti mencontohi Sirah Amir al-Mu'minin ('as) juga apa yang terdapat didalam perjanjiannya yang dibuat kepada Asytar seorang pemerintah di Mesir. Ianya membolehkan kita melihat kepada perjanjiannya ini sebagai perjanjian kepada seluruh penguasa,pekerja, pemerintah dan para Fuqaha' pada setiap masa dan tempat.

PEMERINTAHAN GOLONGAN FUQAHA' ADALAH SUATU GAGASAN DIPETIK DARI HADITh-HADITH

PENGGANTI-PENGGANTI RASUL (S.'A.W) ADALAH GOLONGAN FUQAHA' YANG ADIL

KATA Amir al-Mu'minin 'Ali ('a.s);

"Rasulullah telah bersabda tiga kali Ya Allah, rabmatilah pengganti-pengganti ku, kemudian baginda ditanya; "Ya Rasulullah, siapakah pengganti mu Jawab baginda "Mereka yang datang selepas ku, meriwayat Hadith dan Sunnah ku dan mengajarkannya kepada orang ramal selepas ku."

Syeikh_as-Saduq *rahimahullah* menyebut riwayat,
ini dalam *Jami' al-Akhbar*, *'Uyun Akhbar ar-Rida* dan *al-Majalis* dalam lima belas *Isnad* atau sekurang-kurang nya dalam empat belas *Isnad* disebabkan terdapatnya persamaan disegi nama dua perawi. Kerana riwayat ini tidak menyebutkan ungkapan;

dan mereka mengajarkannya kepada orang ramai selepasku,"

maka ia dianggap *Mursal*, sebab bila dilihat kepada sumber-sumber lain maka riwayat tersebut mengandungi ungkapan;

"...dan mereka mengajarkannya..

Perbincangan kita mengenai hadith ini akan berkisar disekitar dua tanggapan;

1. — Mari kita anggapkan bahawa hadith ini *Khabar A/iad*, ia ditambah dengan ungkapan;

"...dan mereka mengajarkannya..."

atau ungkapan itu ada tetapi digugurkan - kemungkinan ini lebih hampir kepada kenyataan - kerana kita tidak boleh mendakwa membuat tambahan, sebab mereka tiga orang dan tidak ada apa-apa kaitan antara satu sama lain. Seorang darinya tinggal di Balakh, dan seorang lagi di Nisabur sementara yang ketiga di Maru. Disebabkan terlalu jauh jarak antara mereka itulah mereka sukar mengenali antara satu sama lain - mengenai penambahan ungkapan ini. Kerana itu kita boleh memutuskan bahawa ungkapan;

"...dan mereka mengajarkannya.. . .,"

dalam riwayat yang dipindahkan melalui as-Saduq telah digugurkan dari tulisan perawi atau pun as-Saduq yang terlupa mengenainya.

2. Kita anggapkan bahawa disana terdapat dua riwayat, salah satu darinya tidak terdapat ungkapan;

dan mereka mengajarkannya.. .

sementara yang lain ada. Anggaplah juga bahawa ungkapan ini memang wujud. Maka hadith itu tidak mengandungi - langsung - mereka yang hanya bekerja memindahkan hadith semata-inata tanpa kajian, penelitian, mengeluarkan pendapat, membuat kesimpulan di samping tiadanya keupayaan untuk mencapai hukum yang realistik. Kita tidak boleh mensifatkan perawi-perawi seperti ini sebagai berkelayakan untuk meujadi khalifah selagi mereka hanya memindah atau menulis hadith-hadith semata-mata, mendengar dan kemudian memindahkan riwayat kepada orang ramai. Kita mengatakan begini

adalah berdasarkan kepada nilai perkhidmatan yang telah mereka tawarkan kepada Islam. Memindah dan meriwayatkan hadith sahaja bukanlah suatu yang melayakkan pemindahan atau perawi itu sebagai pengganti Rasul kerana terdapat setengah-setengah perawi dan ahli hadith yang tergolong dalam ungkapan;

> “Mungkin orang yang membawa Fiqh itu bukan ahli Fiqh.”

Ini tidak pula bererti bahawatidak adanya ahil Fiqh dikalangan perawi dan ahil hadith kerana ramai juga ahli hadith yang menjadi ahli Fiqh seperti al-Kulaini, Syaikh as-Saduq dan bapanya dimana mereka juga merupakan Fuqaha’ yang mengajar orang ramai. Sewaktu kita membedakan antara Syaikh as Saduq dengan Syeikh al-Mufid, tidaklah kita bermaksud untuk mengatakan bahawa Syeikh as-Saduq itu bukan ahli Fiqh atau pun ia kurang dari segi ilmu Fiqahnya daripada Syeikh alMufid Bagaimana pula, sedangkan telah pun diriwayatkan kan bahawa ia telah mengambil dari as-Saduq. Bagaimana kita boleh mengatakan demikian sedangkan Syeikh as-Saduq dikatakan telah menerangkan asas-asas penting dan perkara cabangan agama dalam satu majlis. Perbedaan antara kedua-duanya ialah bahawa Syeikh al-Muffd lebih banyak menggunakan *ijtihad* dalam membuat kesimpulan juga lebih berhati-hati dan cermat meriwayatkan hadith.
Hadith ini ditujukan kepada orang yang berusaha dalam menyebarkan pengetahuan dan undang-undang Islam dan rnengajarkannya kepada orang ramai sepertimana Rasulullah (s.’a.w) dan para Imam (‘a.s) telah mengajar, menyebar dan berjaya melahirkan beribu-ribu ulama'. Kalau kita katakan bahawa Islam adalah agama bagi dunia - ini jelas dan nyata - maka Ulama' Islam mestilah menyebar, memperkembang dan menyiarkan undang-undang agama di dunia seluruhnya. Katakanlah bahawa ungkapan;

> “….dan mereka mengajarkannya kepada orang ramai,”

bukan dari kandungan hadith itu maka marilah kita teliti apa yang dimaksudkan oleh sabda Rasulullah (s.’a.w):

> “Ya Allah rahmatilah pengganti-pengganti ku………………………….
> iaitu mereka yang datang selepasku dan meriwayatkan hadith dan Sunnah ku.”

Dalam hal ini hadith tidak memaksudkan bahawa perawi bukan ahli Fiqh, kerana Sunnah Rasül adalah juga merupakan Sunnah Allah. Sesiapa yang hendak menyebarkannya mestilah mengetahui keseluruhan undang-undang Ilahi mampu untuk membedakan antara hadith-hadith yang sahih dan tidak sahih mahir mengenai *al-Am* dan *al-Khas*, *al-Mutlaq* dan *al-Muqayyad,* boleh mengendalikan kedua-duanya dengan bijak dan rasional, mengenali riwayat-riwayat yang timbul dalam suasana *at-Taqiyyah* yang memaksa Imãm-imäm untuk "berselindung-selidung" dalam menyampaikan undang-undang yang benar dalam keadaan *itu.* Ahli hadith yang tidak sampai kepada tingkat *Ijtihad* malah berpada dengan pemindahan hadith sahaja tidak akan sampai kepada hakikat Sunnah. Menurut pendapat Rasulullah (s.'a.w) mereka adalah orang yang tidak berkemampuan. seperti yang diketahui bahawa Rasululluh (s.'a.w) tidak mahu orang ramai hanya berpada dengan (kata-kata); yang bermaksud,:

> Rasulullah (s.'a.w) telah bersabda,"

atau (kata-kata);

> "Daripada Rasulullah (s.'a.w),"

semata-mata tanpa memperdulikan orang meriwayat dan sandarannya. Tetapi baginda mahu Sunnah disebarkan menurut hakikatnya. Ada pun mengenai riwayat:

> 'Sesiapa yang menghafaz empat puluh hadith dari kalangan umatku maka Allah akan menjadikannya ahli Fiqh."

dan riwayat-riwayat lain yang memuji orang ramai yang berusaha dalam menyebarkan hadith-hadith bukanlah ditujukan kepada ahli hadith yang memahami apa yang dipindahkannya dan mungkin ia memindahkannya ke-pada orang yang lebih faham darinya, tetapi ia adalah ditujukan kepada orang yang mengajarkan undang-undang Islam yang sebenarnya kepada masyarakat. Im tidak boleh berlaku kecuali dari Mujtahid terpelajar yang memahami undang-undang yang sebenar dan membuat kesimpulan dari sumber-sumbernya melalui ciri-ciri yang telah ditentukan sendiri oleh Islam dan para Imam terhadap mereka. ParaMujtahid ini adalah merupakan pengganti-pengganti Rasulullah (s.'a.w) yang akan menyebarkan ilmu-ilmu Islam dan Sunnah, juga menyampai dan mengajarkannya kepada orang ramai. Inilah

sebabnya mereka berhak menerima doa Rasulullah (s.’a.w) supaya Allah memberi rahmat keatas mereka.

Tidak ragu lagi bahawa hadith;

“Ya Allah, rahmatilah pengganti-pengganti ku,”

itu tidak ada hubungannya dengan pemindahan hadith dan juga perawinya yang tidak mengetahui Fiqh kerana penulisan hadith semata-mata tidak akan melayakkan Seseorang untuk mengganti Rasul. Tetapi yang dimaksudkan ialah ahli Fiqh Islam yang telah mendalami pengajaran-pengajaran dan tatasusila Islam serta orang yang dapat menggabungkan keadilan dan kebenaran agama dalam ilmu Fiqh dan pengetahuan mereka.

Ahli Fiqh juga mampu untuk membedakan antara orang yang boleh dipakai kata-katanya dengan orang yang tidak boleh dipakai kata-katanya. Di kalangan perawi-perawi terdapat juga orang yang mengada-adakan kata-kata yang tidak diucapkan oleh Nabi (s.'a.w) dalam hadith-hadithnya. Seorang perawi seperti Samrah bin Jundub telah memalsukan kata-kata menyentuh kehormatan Amir al-Mu’minin 'Ali (‘a.s). Mungkin seorang perawi itu tidak menegah dirinya dari meriwayatkan beribu-ribu hadith untuk membantu pemerintah yang zalirn juga kebanyakan perlakuan-perlakuan mereka melalui bantuan-bantuan kotor dan ‘Ulama’ kerajaan, sebagai pujian terhadap sultan-sultan dan memperaku-kan tindakân-tindakan mereka Perkara seumpama ini seperti yang kamu lihat sedang berlaku sekarang. Saya tidak tahu kenapa setengah-setengah orang ber-pegang dengan dua hadith yang lemah bertentangan dengan al-Qur’ãn dimana di dalamnya Allah telah memerintahkan Musã bangkit menentang Fir’aun, yang merupakan salah seorang daripada raja-raja, dan bertentangan juga dengan semua yang datang dari hadith-hadith yang banyak yang memerintahkan supaya memerangi dan menentang penzalim. Orang-orang yang malas dari kalangan orang ramai adalah merupakan orang yang menolak semua pegangan tersebut untuk membolehkan mereka berpegang dengan dua hadith yang lemah tadi demi menghormati kerajaan dan membenarkan kompromi bersama mereka. Kalau mereka benar-benar beragama nescaya mereka meriwayatkan kedua-dua hadith yang lemah itu secara menggabungkan hadith-hadith yang dipertentangkan dengan kezaliman dari penyokong-penyokong mereka. Perawi-perawi seperti im tidak dianggap adil sebab mereka menghalalkan diri mereka memihak kepada musuh-musuh Allah dan menjauhkan diri dari ajaran-ajaran al-Qur’an dan Sunnah yang sebenarnya. Perkomplotan merekalah yang menyebabkan mereka berbuat demikian, kerana

helah dan ingin mencapai pangkat itulah yang mendesak mereka supaya berkongsi dengan golongan-golongan yang zalim.

Oleh kerana itulah penyebaran hukum-hukum dan undang-undang Islam menjadi tanggungjawab yang harus dipikul oleh semua ahli Fiqh yang adil yang mampu membedakan antara yang benar dan yang salah serta memahami suasana-suasana *at-Taqiyyah* yang telah dilalui oleh para Imam (‘a.s). *At-Taqiyyah* mi digunakan adalah demi memelihara ugama dari lenyap, bukannya untuk menyelamatkan diri sendiri semata-mata.

Sudah tidak ada lagi tempat untuk diragui tentang pernyataan hadith bahawa ahli Fiqh itu adalah sebagai pemerintah dan pengganti dalam semua hal. Pengganti (khalifah) yang terdapat dalam ungkapan,

“Ya Allah, rahmatilah pengganti-pengganti ku .
itu adalah tidak berbeda sedikit pun dengan perkataan

pengganti (khalifah) yang digunakan dalam ungkapan,

'Ali adalah pengganti (khalifah) ku."

Ada pun ungkapan,

“Orang ramai yang datang selepas ku dan meriwayatkan hadith.. .

adalah menjelaskan bahawa ianya mengenai keperibadian seseorang khalifah, bukannya bertujuan menerangkan makna khalifah sebab khalifah itu sendiri adalah merupakan satu konsep yang sudah pun jelas sejak zaman permulaan Islam lagi. Ini nyata bila orang yang menyoal tidak lagi bertanyakan makna khilafah atau pun khalifah (kepenggantian). Tetapi *ia* menyoal dengan katanya,

“Siapakah khalifah (pengganti) mu ?“

Tidak ada seorang pun yang mentafsirkan bahawa kedudukan khalifah di zaman Amir al-Mu’minin (‘a.s) dan di zaman pam Imam (‘a.s) kemudiannya, hanya sebagai kedudukan untuk mengeluarkan fatwa semata-mata. Malah orang orang Islam mentafsirkan jawatan ini

sebagai pemerintahan, negara dan perlaksanaan perintah Allah. Mereka membawa bukti yang panjang lebar untuk menjelaskannya. Tetapi kenapa sebahagian dari kita terhenti dengan makna ungkapan,

“Ya Allah, rahmatilah pengganti-pengganti (khulafa').”

Kenapa setengah-setengah orang seperti ini menganggap bahawa pengganti Rasül hanya terbatas kepada orang tertentu? Kerana hanya para Imam (‘a.s) yang merupakan pengganti Rasul, maka tidaklah ada ‘Ulama’ lain yang boleh memerintah dan mengendalikan urusan masyarakat. Kalau begitu keadaannya maka kekallah orang-orang Islam tanpa pemerintah yang diákui oleh agama, dan kekallah undang-undang Islam dalam keadaan tergendala, bentengnya akan terdedah kepada musuh. Anggapan dan sikap demikian adalah terkeluar jauh dari (ajaran) Islam kerana ianya merupakan penyelewengan di segi pemikiran yang tidak diterima oleh Islam.

Muhammad bin Yahya meriwayatkan dari Ahmad bin Muhammad dari Ibn Mahbub dari ‘Ali bin Hamzah dengan katanya,

> “Saya mendengar Abu al-Hasan Musa bin Ja’far (‘a.s) mengatakan “Apabila seorang Mu’min mati, Malaikat, tompok tanah tempatnya menyembah Allah dan pintu-pintu langit melalui mana ia bersama amal--amalnya naik, akan meratapinya, dan ia meninggalkan Islam (berada didalam keadaan) kehilangan sesuatu (yang sangat bernilai) dan tidak dapat dicari ganti kerana golongan Fuqaha’ yang beriman adalah merupakan benteng Islam sama seperti benteng tembok kebal kota Madinah ...“ *(al-kafi,bahagian* ‘kelebihan ilmu,’ bab ‘Kehilangan ‘Ulama’,’ hadith 3)

Tinjauan Terhadap Nas Hadith ini

Dalam bab yang sama dalam kitab *al-kafi* terdapat satu riwayat lain yang berbunyi;

“Apabila seorang Mu’min yang faqih itu mati….”

Sedangkan di bahagian awal riwayat yang pertama tidak terdapat sedangkan dibahagian awal riwayat yang pertama tidak terdapat perkataan *faqih*, akan tetapi dibahagian hujung riwayat kita yang lalu mengandungi kata-kata;

"Kerana orang-orang Mu'min yang faqih..

Sesungguhnya perkataan *faqih* telah digugurkan dari permulaan riwayat lagi memandangkan ianya sepadan dengan kata-kata Nabi,

"Berlakulah suatu kehilangan dalam Islam," dan sabda baginda;

"…..benteng,"

dan perkataan-perkataan yang seumpamanya yang sepadan dengan kedudukan orang-orang Mu'min yang faqih.

Tentang Pengertian Hadith

Kata-kata 'Ali ('a.s) yang berbunyi

"Kerana orang-orang Mu'min yang faqih adalah benteng Islam….."

adalah sebagai satu tugas bagi golongan Fuqaha' untuk memelihara Islam berserta dengan semua perisip hukum dan peraturannya. Kenyataan ini bukanlah lahir dari Imam itu untuk memuji, menyanjung atau sebagai satu cara untuk mengambil hati di kalangan kita, bila saya katakan kamu (bergelar) Hujjatul Islam dan kamu pun mengatakan kepada saya demikian juga.

Sekiranya golongan Fuqaha' mengasingkan diri daripada orang ramai berserta urusannya dan hanya tinggal disatu ceruk mmahnya sahaja, tidak menjaga hukumhukum Islam dan menyebarkannya, tidak berusaha memperbaiki keadaan masyarakat dan tidak memperdulikan orang-orang Islam, maka dapatkah dikatakan bahawa mereka adalah sebagai benteng atau pagar bagi Islam?

Apabila seorang ketua kerajaannya mengutuskan seorang kesatu daerah kecil, memerintahkannya supaya menjaga dan memelihara daerah tersebut, adakah tugasnya itu membenarkannya untuk duduk sahaja di rumah, membiarkan musuh-musuh dan melakukan kerosakan kerana membalas dendam didaerah itu atau tidakkah jawatannya itu menuntutnya supaya menumpukan sepenuh tenaga untuk menjaga dan memelihara apa yang telah diamanahkan kepadanya?

Bila kamu berkata,

“Kami akan memelihara sebahagian dan undangundang,”
maka saya akan menyoal kamu dengan satu soalan,
‘Adakah kamu akan menjalankan hukum hudud dan melaksanakan undang-undang jenayah Islam ?‘ Kalau jawabnya ‘tidak’, maka disini bererti kamu telah mewujudkan keretakan dalam kebangkitan Islam. Wajiblah keatas kamu memperbaiki dan menampalnya atau mencegahnya dari terjadi sejak dari awal-awal lagi

‘Adakah kamu akan mempertahankan perbatasan-perbatasan dan memelihara keselamatan serta kemerdekaan bumi Islam?’ Kalau jawabnya ‘Tidak,’ maka kami memohon kepada Allah untuk melaksanakannya.’

Dengan ini sebahagian lagi pembangunan Islam telah musnah disamping bahagian lain yang memang telah pun sedia musnah.

‘Adakah kamu akan mengumpulkan cukai-cukai untuk orang-orang faqir seperti yang diwajibkan oleh Allah keatas harta orang-orang yang kaya dan dibahagi-bahagikan kepada orang yang berhak menerimanya sebagai melaksanakan apa yang telah diperintahkan oleh Allah terhadap kamu?’

Kamu tentu jawab ‘Tidak! Itu bukan urusan kami. Jika Allah menghendakinya maka ia akan terlaksana ditangan orang lain.’

Apakah kesan dari pembangunan itu? Sesungguhnya seluruh pembangunan itu diragui (bahawa ia) mem bawa keruntuhan. Maka kamu dalam hal ini adalah sama sahaja dengan Shah Sultan Husin dan Asfahan.

Apakah dia benteng Islam pada kamu ? Sebaik-baik sahaja salah seorang dari kamu diberi amanah untuk memelihara sesuatu, dia mengundurkan diri dari

nya. Apakah yang dimaksudkan dengan benteng Islam itu dalam keadaan kamu sekarang?

Oleh kerana itu kata-kata ‘Ali (‘a.s),

“Golongan Fuqaha’ adalah benteng Islam,”

bererti bahawa mereka adalah dipertanggungjawabkan untuk memelihara Islam dengan sepenuh keupayaan mereka. Memelihara Islam adalah salah satu daripada kewajipan-kewajipan yang mutlaq tanpa ikatan dan syarat. Inilah perkara yang mesti difikirkan oleh institusi-institusi dan badan-badan ilmiah agama dengan sungguh-sungguh untuk menyediakan diri mereka dengan agensi-agensi, kemudahan-kemudahan dan suasanasuasana yang boleh menjaga dan menyelamatkan Islam, hukum-hukum, aqidah dan sistem-sistemnya sepertimana Rasulullah (s.’a.w) yang agung, juga para Imam (‘a.s) yang mendapat hidayah itu telah menyelamatkan.

Kita telah memadai dengan kadar yang sedikit dari hukum-hukum Islam yang telah dibincangkan dari satu generasi kesatu generasi dan kita telah mengemukakan banyak masalah pokok, cabang dan rantingnya. Kebanyakan masalah itu adalah asing bagi kita malah Islam itu pada keseluruhannya menjadi asing pada kita. Yang ada hanya namanya sahaja. Hukuman-hukumannya telah dilupakan. Hukuman-hukuman yang terdapat di dalam al-Qur’an hanya dibaca sebagai ayat-ayat semata-mata. Tidak ada yang tinggal dari al-Qur'an melainkan hanya tulisannya sahaja. Kita membaca al-Qur’an tidak untuk sesuatu selain dari menjaga ***Makhraj*** seperti keadaannya yang biasa. Pada hal keadaan masyarakat yang rosak, penyebaran keburukan keseluruh negara dan pengembangannya di bawah pendengaran dan penglihatan kerajaan atau dengan bantuan daripadanya sendiri untuk mencabul dan melakukan kekejian, juga menyebarkannya, maka kita tidak ambil peduli terhadap Semua hal tersebut. Sudah memadai pada kita setakat mengetahui bahawa penzina lelaki dan perempuan telah ditentukan keatas kedua-duanya hukum Had tertentu. Ada pun perlaksanaan hukuman itu, juga hukuman-hukuman yang lain kita biarkan sahaja.

Kita tanya; Apakah Rasuluilah (s.’a.w) yang agung bersikap demikian ? Adakah baginda berpuashati hanya dengan membaca al-Qur'an dengan betul tanpa menegakkan hukum-hukumnya atau pun melaksanakan undang-

undangnya ? Adakah khalifah-khalifah selepasnya juga hanya memadai dengan menyampaikan hukum-hukum syara' kepada orang ramai, kemudian membiarkan mereka meraba-meraba sesudahnya ? Tidakkah Rasulullah (s.'a.w) dan orang-orang yang selepasnya menjalankan hukuman rotan, rejam, penjara dan buang negeri? Kembalilah mengkaji bab Hudud, Qisas dan Diat untuk menemui bahawa semua perkara itu adalah diantara intisari Islam. Islam datang untuk menyusun masyarakat dengan perantaraan kerajaan yang adil yang tegak padu dikalangan orang ramai.

Kita bertanggungjawab memellhara Islam, dan ini adalah diantara kewajipan yang sangat penting. Mungkin tidak kurang pentiñgnya dari sembahyang dan puasa. Inilah dia kewajipan yang boleh menumpahkan darah suci untuk melaksanakannya. Tidak ada darah yang lebih bersih dari darah Husin ('a.s) yang ditumpahkan di jalan Islam. Hendaklah kita memahami hal ini dan memahamkannya kepada orang ramai. Kamu adalah dianggap sebagai khalifah-khalifah Rasulullah (s.'a.w) bila kamu mengajar dan memperkenalkan Islam yang sebenarnya kepada orang ramai. Janganlah kamu katakan, 'Kami biarkannya dahulu sehingga, terbit kembali al-Hujjah (al-Mahdi)!' Adakah kamu akan meninggalkan sembahyang semasa menunggu al-Hujjah (al-Mahdi)? Janganlah kamu berkata seperti setengah-setengah orang lain berkata;

> "Harus disebarkan perkara-perkara ma'siat supaya al-Hujjah (al-Mahdi) terbit kembali,"

dengan ertikata bahawa bila kekejian tidak tersebar maka al-Hujjah (al-Mahdi) tidak akan terbit! Janganlah kamu berpuashati dengan hanya duduk disini dan membincangkan perkara-perkana tertentu. Tetapi dalamilah pengkajian semua undang-undang. Sebarkanlah hakikat-hakikat Islam, tulis dan sebarkanlah apa yang kamu tulis kerana ianya akan boleh mempengaruhi orang ramai dengan keizinan Allah. Saya telah pun mencubanya sendiri.

Golongan Fuqaha' Adalah Pemegang Amanah Para Rasul

'Ali memetik daripada bapanya, dari an-Naufali daripada as-Sukuni daripada Abi 'Abdullah ('a.s) sebaga berkata, Rasulullah telah bersabda,

> Golongan Fuqaha' ' adalah pemegang amanah para Rasul selagi mereka tidak tercebur dalam keduniaan maka Rasul ditanya : "Ya Rasulullah

apakah maksud terceburnya mereka dalam keduniaan itu? jawab baginda : (Mereka) mengikut sultan, apabila mereka bersikap demikian maka hendaklah kamu awasi mereka daripada agama mu." ***(al-Kafi,*** dalam bahagian Kelebihan Ilmu,' bab ketiga, hadith yang ke-5) Ini ialah di antara ayat yang diriwayatkan oleh an-Niraqi. Al-Marhum an-Nuri juga telah meriwayatkannya dalam buku 'Mustadrik al-Waisal dalam bab ke-38 daripada bab-bab yang terdapat didalamnya, hadith yang ke-8 daripada petikan yang terdapat dalam bukunya ***an-Nawadir.*** Oleh ar-Rawandi dengan sanad yang sabit daripada Imam Musa bin Ja'far ('a.s). Demikian juga petikan dari buku ***Da*** *'a 'im al-Islam* dalam bab yang ke-11 dari pada bab-bab yang berkenaan dengan sifat-sifat *Qadi*, hadith yang ke-5 iaitu daripada Imam Ja'afar bin Muhammad ('a,s) dalam buku ***al-Kafi*** sendiri tendapat satu riwayat yang lain mengenai kandungan ini daripada Abi 'Abdullah ('a.s), katanya:

"Para 'Ulamä' adalah pemegang-pemegang amanah, orang-orang yang bertaqwa adalah sebagai benteng dan para Nabi adalah sebagal pemimpin."

Kita tidak dapat mengkaji sesuatu riwayat dengan terperinci kerana ianya memerlukan kepada kajian yang panjang lebar. Kita mesti menumpukan perhatian terhadap ayat;

'Golongan Fuqaha' adalah pemegang amanah para Rasul.'

Kita mesti mengetahui terlebih dahulu tanggungjawab-tanggungjawab, tugas-tugas, kuasa dan kelayakan para Rasul dan Nabi supaya kemudiannya kita boleh mengetahui bebanan yang dipertanggungiawabkan kepada golongan Fuqaha' yang diamanahkan oleh para Rasul.

MATLAMAT-MATLAMAT RISALAH

Menurut tuntutan hukum akal, matlamat perutusan para Rasul bukanlah hanya untuk menerang dan menjelaskan hukum-hukum dan syari'at-syari'at yang telah disampaikan kepada mereka dengan cara Wahyu itu. Mereka tidak hanya ditentukan untuk menunaikan segala hukum itu kepada orang ramai dengan amanah semata-mata. Demikian juga para Rasul tidak menjanjikan kepada golongan Fuqaha' mereka berpada dengan hanya menerangkan berbagai

masalah yang mereka pelajari daripada mereka (Rasul-Rasul) kepada masyarakat. Ayat;

> 'Golongan Fuqaha' adalah pemegang amanah para Rasul,'

tidak bermaksud bahawa mereka hanya diamanahkan untuk membuat pemindahan daripada mereka. Sesunggulmya perkara yang lebih penting yang dibebankan kepada para Nabi ialah menegakkan sistem yang adil dan melaksanakan undang-undang dalam masyarakat. Yang demikian itu semuanya adalah dipetik dari firman Allah, (yang bermaksud):

> 'Sesungguhnya Kami telah mengutus Rasul-Rasul Kami dengan keterangan-keterangan dan kami turunkan bersama-sama mereka Kitab dan neraca supaya mereka berlaku adil dalam masyarakat.' [al-Hadid : 35]

Tujuan sebenar dari perutusan para Nabi ialah untuk menegakkan keadilan dan kesaksamaan dalam masyarakat dan menyusun kehidupan mereka bersesuaian dengan neraca-neraca syara'. Ini hanya boleh dilaksanakan oleh sebuah kerajaan yang dapat melaksanakan segala undang-undang sepertimana kerajaan yang pernah dijelmakan melalui peribadi Nabi atau Rasul, juga para Imam ('a.s), Fuqaha' yang beriman lagi adil selepasnya. Ini adalah kerana memerintah masyarakat, menegakkan kebenaran dan sistem yang adil itu adalah dituntut di-dalam semua hal.

Ketika Allah berfirman (yang bermaksud)

> 'Ketahuilah, sesungguhnya apa sahaja yang dapat kamu peolehi sebagai rampasan perang, maka seperlimanya adalah untuk Allah, Rasul dan kerabat Rasul...' [al-Anfal : 41]

Dan juga firmannya (yang bermaksud):

> 'Ambillah dari harta-harta mereka sedekah,' [at-Taubah :104]

serta perintah-perintah lain tidaklah bermakna bahawa Rasul (s.'a.w) dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan perintah tersebut kepada orang ramai semata-mata, tetapi baginda juga adalah dituntut supaya bertindak dan

melaksanakannya, disamping diperintahkan memungut cukai-cukai itu daripada ahli-ahlinya bagi dibelanjakan untuk kepentingan-kepentingan orang-orang Islam. Demikian juga Rasulullah dituntut menyebarkan keadilan, menegakkan batas-batas Allah, menjaga semua sempadan orang Islam, mempertahankan negara dari musuh dan mencegah khazanah rakyat dari diselewengkan oleh seseorang. Di dalam al-Qur'an yang mulia terdapat ayat (yang bermaksud):

> 'Taatilah oleh kamu akan Allah, dan taatilah Rasul dan pemermtah-pemerintah dikalangan kamu.' [an-Nisa' : 63]

Ayat itu tidak bermaksud wajibnya pembenaran terhadap berita-berita yang disampaikan kepada kita semata-mata, tetapi maksudnya ialah supaya kita beramal dan mengikutnya. Tujuannya adalah untuk mencapai keredhaan Allah sebab dalam satu ayat yang lain dalam KitabNya Allah menegaskan (yang bermaksud):

> 'Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka terimalah dia, dan apa yang dilarangnya bagi mu maka tinggallah, dan bertaqwalah kepada Allah.' [al-Hashr: 7]

Mentaati Rasul bermakna juga mentaati Allah kerana Rasiil tidak bercakap menurut hawa nafsunya, sebaliknya bercakap melalui wahyu yang diturunkan kepadanya. Oleh itu apabila Rasul memerintahkan supaya bersepakat dalam masalah perlantikan pimpinan, maka tidak ada seorang pun berhak untuk membantah atau mengundurkan diri darinya sebab perbuatan tersebut merupakan keingkaran terhadap Rasul dimana baginda telah diberikan kuasa keatas umat Islam untuk mengelolakan semua urusan mereka, memberi petunjuk, memandu serta melantik wakil-wakil, pemerintah-pemerintah dan hakim-hakim bagi mereka dan mengasingkan diri darinya bila keadaan memerlukan (untuk berbuat demikian).

GOLONGAN FUQAHA' ADALAH PEMEGANG AMANAH PARA RASUL DALAM MEMIMPIN TENTERA, MENTADBIR MASYARAKAT, MEMPERTAHANKAN UMAT DAN MENJALANKAN KEHAKIMAN SESAMA MANUSIA

Hadith lalu yang menyebutkan golongan Fuqaha' di wakilkan bagi pihak Rasul-Rasul, mensyaratkan keatas golongan Fuqaha' supaya mereka tidak terjerumus dalam keduniaan, kerana apabila seorang ahli Fiqh itu cenderung untuk mengumpulkan kebendaan, maka ia tidaklah adil dan tidak dianggap sebagai pemegang amanah Rasul dan perlaksana undang-undang syari'atnya. Golongan Fuqaha' yang adil sahajalah yang berkelayakan untuk melaksanakan undang-undang Islam dan menegakkan sistemnya, menegakkan batasan-batasan Allah dan mengawal sempadan orang-orang Islam. Pada umumnya pam Nabi telah menyerahkan kepada golongan Fuqaha' semua perkara yang telah diserahkan oleh Allah kepadanya dan mengamanahkan ke atas mereka semua perkara yang telah diamanahkan oleh Allah. Mereka memungut cukai-cukai untuk dibelanjakan bagi kepentingan orang-orang Islam dan memperbaiki semua kerosakan yang berlaku dikalangan umat Islam. Sesungguhnya Rasulullah telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan undang-undang dan menegakkan sistem. Demikianlah halnya dengan golongan Fuqaha', mereka berkewajipan untuk memerintah, ke atas merekalah terletak beban melaksanakan undang-undang, menegakkan batasan-batasan Allah, memerangi musuhNya dan menghapuskan semua punca kerosakan

PEMERINTAHAN YANG MULTAZIM DENGAN UNDANG-UNDANG

BAHAWASANYA disebabkan pemerintahan Islam itu sebuah pemerintahan undang-undang, maka seorang ahli Fiqh adalah orang terkemuka dalam urusan pemerintahan, bukannya yang lain. Dia harus menegakkan semua perkara yang telah ditegakkan oleh Rasulullah (s.'a.w), tidak lebih dan tidak kurang sedikitpun. Dia harus melaksanakan hukum Hudud sepertimana yang telah di-laksanakan oleh Rasul dan menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah, mengumpulkan lebihan-lebihan harta orangramai sepertimana ianya telah dijalankan di zaman Rasulullah (s.'a.w), menyusun Baitul Mal dan berlaku amanah keatasnya. Bila seorang ahli Fiqh itu menyeleweng daripada undang-undang syara' - mohon perlindungan dan Allah - maka dengan secara

automatis terpecatlah ia dari kepimpinan disebabkan sudah tidak ada lagi ciri-ciri amanah padanya. Pada hakikatnya pemerintah tertinggi adalah undang-undang itu sendiri dan orang ramai berlindung dibawah naungannya. Orang ramai dilahirkan bebas untuk melakukan kegiatan mereka menurut batasan yang telah disyariatkan. Tiada seorang pun mempunyai hak ke atas yang lain dan tiada seorang pun - selepas perlaksanaan undang-undang - boleh memaksa yang lain untuk duduk di tempat tertentu atau pergi ketampat tertentu tanpa hak. Kerajaan Islam memberikan ketenangan dan keamanan kepada orang ramai dan tidak menafikan keamanan dan ketenteraman mereka seperti kerajaan-kerajaan dimana di bawahnya orang-orang Islam hidup dalam keadaan penderitaan, bimbang diintip, ketakutan pada setiap masa kalau-kalau rumah mereka diserbu, nyawa dan harta mereka diragut, malah apa sahaja yang ada pada mereka, sepertimana yang kamu saksikan sendiri. Keadaan seperti ini, telah pun berlaku di zaman Mu’awiyah. Ia telah membunuh orang ramai berdasarkan kepada sangkaan dan tuduhan, memenjara bertahun-tahun, membuang negeri dan menghalau rakyat dari tempat tinggal mereka tanpa hak, semata-mata kerana mereka berkata,

“Tuhan kami adalah Allah."

Pemerintahan Mu’ãwiyah tidak menggambarkan pemerintahan Islam atau pun menyerupainya secara dekat atau jauh. Apabila Allah telah menentukan bagi pemerintahan Islam untuk bangun - ini bukanlah suatu yang jauh dari Allah - maka setiap orang akan merasa selamat ke atas diri harta, keluarga dan apa sahaja yang mereka miliki kerana tidak ada pemerintah yang diberikan kuasa untuk melangkah ditengah-tengah orang ramai dengan perkara yang bercanggah dan ditentukan dalam undang-undang Islam yang suci. Inilah yang dimaksudkan oleh perkataan *‘Amin’* (pemegang amanah). Telah pun dimaklumi - sebelum ini - bahawa amanah itu tidak terbatas kepada amanah dari segi nukilan riwayat dan memberi fatwa sahaja, malah ianya merangkumi amanah disegi tindakan, amalan dan perlaksanaan sekali pun amanah dalam riwayat dan memberi fatwa itu mempunyai kepentingan yang besar. Sesungguhnya Rasulullah (s.’a.w) dan Amir al-Mu’minin - (‘a.s) telah bercakap dan bertindak dan Allah telah rnengamanahkan risalahNya ke atas mereka. Rasul-Rasul telah mengamanahkan pula kepada golongan Fuqaha' supaya mereka bercakap dan bertindak, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menyuruh kepada yang baik dan mencegah dari pada yang mungkar dan menjalankan urusan-urusan orang ramai dengan saksama.

Sesungguhnya Islam menganggap bahawa undang-undang itu adalah satu alat dan cara untuk melaksanakan keadilan dalam masyarakat. Juga sebagai satu cara untuk mendidik manusia disegi akhlak. aqidah dan tindak tanduknya. Tugas para Nabi ialah menjelmakan undang-undang dan menyelesaikan perbalahan di kalangan orang ramai, mengandalikan urusan dan mengetuai mereka ke arah kebahagiaannya di dunia dan di akhirat.

Bahawa sesungguhnya didalam sebuah hadith dari Imam ar-Rida (‘a.s) telah disebut,

> ‘Kalau tidak dilantik bagi mereka seorang Imam yang jujur, pemelihara lagi penyimpan amanah nescaya terhakislah agama….’ *(hal ash-Shara'i,* 1/172, hadith yang ke-9).

Dalam hadith ini sendiri beliau telah berkata;

> ‘Golongan Fuqaha' adalah pemegang amanah para Rasul.’

Dengan itu dapatlah difahami dari kedua-dua ayat tadi bahawa hanya golongan Fuqaha’ sahaja yang bertanggungjawab mengetuai perjalanan orang ramai supaya Islam tidak terhakis. Penghapusan Islam dan rintangan terhadap batasan-batasannya sebenarnya adalah merujuk kepada bahawa golongan Fuqaha’ di negara Islam tidak berupaya untuk memerintah orang ramai. Pengalaman telah mengukuhkan lagi pendapat Imam (‘a.s) seperti yang terdapat dalam kata-katanya yang bermaksud,

> “Kalau tidak dilantik bagi mereka seorang Imam nescaya terhakislah agama.”

Tidakkah Islam sedang terhakis ? Tidakkah Islam telah terhakis sekarang ? Tidakkah undang-undang dinegara Islam yang luas itu telah tergendala ? Adakah hukum-hukum dijaga dan sistemnya diikuti? Tidakkah semua keadaan jadi kacau bilau ?
Adakah Islam itu hanya dakwat di atas kertas semata-mata? Adakah kamu menyangka bahawa agama kita memainkan peranannya dalam hidup ini sekadar terkumpul hukum-hukumnya didalam kitab *‘al-Kafi’* kemudian diletakkan di atas rak? Terpeliharakah Islam setakat hanya kita menerima al-

Qur’an dan menjunjungnya diatas kepala kita dan sekadar membaca ayat-ayat-nya dengan suara yang merdu diwaktu dinihari, pagi dan petang?

Sesungguhnya Islam telah mengharungi kesudahan yang menyedihkan ini kerana kita tidak memikirkan tentang penyusunan masyarakat dan kebahagiaan mereka melalui pemerintahan Islam. Sesungguhnya undangundang kejam yang memusnah dan menjauhkan pengetahuan Islam telah digunakan ke atas orang-orang Islam sebab Allah tidak lagi menurunkan bersama-samanya. Islam telah terhakis dari pemikiran setengah-setengah pemimpin agung dan mereka hampir lupa kepada batasan yang dibawa oleh setengah-setengah golongan dalam mentafsirkan kata-kata 'Ali (‘a.s);

‘Golongan Fuqahä’ adalah pemegang amanah para Rasul,’

dengan erti amanah dalam menjaga masalah-masalah, mentafsirkan ayat-ayat al-Qur’an dan hadith yang menunjukkan bahawa golongan Fuqaha’ harus memerintah orang ramai di masa ‘Ketiadaan Imam’, yang bermakna juga bahawa golongan Fuqaha, hanya harus menerangkan masalah - masalah dan syarahan-syarahan undang -undang. Inikah dia amanah? Tidakkah orang yang diamanahkan itu bertanggungjawab untuk manjaga undang-undang Islam seusai dengan kehidupan sebenarnya serta mengawasinya dari kecuaian dan pengabaian ? Bukan’kah orang yang di amanahkan disatu-satu negara itu tidak boleh membiarkan pelampau-pelampau bergerak tanpa hukuman ? Tidakkah menjadi tanggungjawab mereka untuk mencegah huru-hara memerangi bid’ah dan kesesatan, bertmdak ke atas orang-orang yang mensia-siakan harta dan nyawa rakyat? Benar Inilah yang dituntut oleh amanah dan pengamanahan para Rasul terhadap mereka.

SIAPA YANG HARUS DIAMANAHKAH DENGAN TUGAS KEHAKIMAN?

DARIPADA Muhammad bin Yahya, daripada Muhammad bin Ahmad dari Ya’qub bin Yazid, dari Yahya bin Mubarak dari ‘Abdullah bin Jamilah, dari Ishaq bin Ammar, dari Abi ‘Abdullah (‘a.s), katanya,

"Amir al-Mu’minin (‘a.s) berkata kepada Syuraih’

Wahai Syuraih, Sesungguhnya engkau telah menduduki tempat yang tidak pernah diduduki malainkan oleh Nabi, atau wakil Nabi atau orang yang selalu merasa susah". *(Wasail asy-Syiah*, bahagian 'Kehakiman bab ke-3 Man *la Yahduruhu al-Faqih*, Juzu' ke-3 hal. 4, *rawahu mursalan).*

Syuraih pada ketika itu telah bertugas sebagai hakim hampir lima puluh tahun. Beliau memujuk, memuji dan memuja, juga menyebutkan perkara yang tidak layak Mu'ãwiyah menerimanya. Sikapnya ini menghancurkan apa yang diasaskan oleh kerajaan Amir al-Mu'minin ('a.s), tetapi 'Ali tidak boleh memecat Syuraih sebab ia telah dilantik oleh orang yang sebelumnya dan orang itu pula tidak pun memecatnya. Justeru itu Amir al-Mu'minin tidak berkuasa untuk memecatnya. Walau bagaimana pun 'Ali berpuashati dengan mengawasi dan menyelamatkannya dari terlibat dalam perkara yang bercanggah dengan ajaran syara'.

KEHAKIMAN ADALAH DIANTARA TUGAS-TUGAS FUQAHA' YANG ADIL

SEKALI pun terdapat perbedaan pendapat dalam masalah pemerintah, sebahagian 'Ulama' seperti al-Marhum an-Niraqi dan al-Marhum an-Na'ini berpendapat bahawa seorang ahli Fiqh itu mempunyai tugas yang sama banyak dengan jawatan-jawatan dan tugas-tugas dalam bidang pemerintahan, pentadbiran dan politik, sementara sebahagian lagi berpendapat bahawa kuasa seorang ahli Fiqh tidak merangkumi semua kuasa Imam ('a.s). Sekali pun terdapat perseisihan mengenainya, saya tidak nampak bahawa perselisihan itu berlaku dalam masalah tugas kehakiman adalah di antara pengkhususan golongan Fuqaha' yang adil, memandangkan kepada hadith merangkumkan dengan menyebut;

"Nabi dan wakilnya adalah orang yang selalu merasa susah wakil Nabi".

Telah pun diketahui bahawa golongan Fuqaha' bukannya Nabi, dan tidak syak lagi bahawa mereka juga bukannya dalam golongan orang-orang yang selalu susah. Jadi secara otomatis mereka adalah (tepat sebagai) wakil-wakil. Kerana kerapnya penggunaan perkataan 'khalifah' (yang ditujukan) terhadap khalifah yang pertama Amir al-Mu'minm ('a.s) maka kita dapati ada golongan yang tidak menerima petikan ini sebagai bukti bagi tajuk kita. Kita telah pun mengatakan bahawa tidak seorang pun harus menyangka bahawa tugas peme-

rintah mengatasi kedudukan para Imam (‘a.s) kerana menjalankan pemerintahan keatas orang ramai dan mengendalikan urusan-urusan mereka itu adalah tidak lebih dari bangun dengan tanggung jawab, membenarkan perkara yang benar, memperbaiki masyarakat dan menyebarkan keadilan di kalangan orang ramai. Imam mempunyai darjat yang tinggi dan kedudukan yang tidak diketahui melainkan oleh Allah sahaja. Sama ada mereka dilantik untuk mengganti atau tidak dilantik, dalam kedudukan-kedudukan tersebut bukanlah merupakan suatu yang menambahkan kesan atau pun mengurangkan, sebab tugas ini bukannya suatu yang boleh meninggikan kedudukan manusia atau memberikannya kedudukan malah siapa sahaja yang mempunyai sikap tanggungjawab, kefahaman dan bersifat salih adalah berkelayakan untuk ini sebagai sebahagian daripada tanggungjawab -tanggungjawab hidupnya.

Pada keseluruhannya kita faham daripada hadith bahawa golongan Fuqaha’ adalah merupakan penggantipengganti Rasul (s.’a.w) selepas daripada Imam-imam juga dimasa ketiadaan mereka. Mereka telah diamanahkan untuk menjalankan semua tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh para Imam (‘a.s).

Terdapat hadith lam yang menyokong tajuk kita, dan mungkm ianya lebih jelas daripada yang pertama tadi disegi sandaran dan keterangannya. Hadith ini diriwayatkan oleh al-Kulaini dengan cara yang lemah. Tetapi as-Saduq menwayatkannya dengan cara memetik daripada Sulaiman bin Khalid. Ianya adalah hadith sahih dan mu’tabar.

Daripada beberapa kalangan sahabat-sahabat kita, daripada Suhil bin Ziad, daripada Muhammad bin Isa daripada Ibn ‘Abdullah al-Mu’min daripada Ibn Makan daripada Sulaiman Khalid daripada Abi ‘Abdullah (‘a.s) katanya;

> “Takutilah kerajaan kerana sesungguhnya kerajaan itu hanya bagi Imam yang mengetahui tentang kehakiman yang adil dikalangan orang-orang Islam, bagiNabi (atau seperti Nabi) atau pemegang wasiat Nabi.” *(al-Wasa ‘il,* bahagian ‘Kehakiman’, bab yang ke-3, hadith yang ke-3, vol. 7, hal.18, cetakan baru.)

Diriwayatkan oleh as-Sadiq dengan sandarannya dari pada Sulaiman bin Khalid.

Kamu boleh melihat bahawa orang yang memerintah atau mengadili di kalangan orang ramai mestilah seorang Imam yang mengetahui undang-undang dan peraturan juga sikap adil. Syarat-syarat ini tidak boleh didapati kecuali pada Nabi atau pun penggantinya sahaja. Saya telah menerangkan sebelum ml adalah di antara ketentuan-ketentuan Fiqh bahawa tugas kehakiman adalah merupakan hak ahli Fiqh yang adil untuk manjalankannya. A1-Faqih bermakna mengetahui aqidah-aqidah, undang-undang dan peraturan-peraturan juga akhlak Islam. laitu mengetahui semua yang dibawa oleh Rasulullah (s.'a.w) Imam ('a.s) membataskan kehakiman itu kepada Nabi atau penggantinya sahaja, memandangkan bahawa al-Faqih itu bukan Nabi maka sebab itu ia adalah pengganti Nabi. Di masa 'Ketiadaan Imam dia adalah Imam dan ketua bagi orang-orang Islam, dan mengadili mereka dengan saksama, bukannya orang lain.

SIAPA TEMPAT RUJUKAN DALAM PERISTIWA - PERISTIWA HADUP?

RIWAYAT yang ketiga adalah dipetik daripada al-Qa'im al-Mahdi ('a.s) imam yang kedua belas. Kita akan membentangkannya di samping menerangkan cara-cara pengambilan daripadanya.

Dalam buku *Ikmal ad-Din Wa Itmam an-Ni 'mah* telah dipetik daripada Muhammad bin Muhammad bin 'Asam daripada Muhammad bin Ya'qub, daripada Muhammad bin Ya'qub, daripada Ishaq bin Ya'qub sebagai berkata,

> "Saya meminta muhammad bin Uthman al-Umri supaya menyampaikan bagi pihaknya satu buku yang didalamnya saya telah bertanya berkenaan dengan problem-problem yang mendatangkan masalah keatasku, maka datang satu jawapan bertandatangan dengan tulisan pemimpin kita Sahib az-Zaman ('a.s)" Ada pun apa yang kamu tanyakan mengenainya maka Allah akan menunjuk dan memperkukuhkan kamu hingga dia mengatakan - mengenai peristiwa-peristiwa yang berlaku maka hendaklah kamu merujukkannya kepada perawi-perawi hadith kita, kerana mereka adalah Hujjah ku keatas kamu, sementara aku pula adalah Hujjatullah. Ada pun Muhammad 'Uthman al-'Umri maka Allah telah meredhainya dan terhadap bapanya yang sebelumnya. Sesungguhnya dia adalah

> kepercayaan ku, kitabnya adalah kitab ku juga.” *(Al-Wasa’il,* 101/18, bahagian ‘Kehakiman’, bab ke-Il, hadith yang ke-9, diriwayatkan oleh asy-Syeikh at-Tusi dalam buku *Al-Ghaibah,* dan diriwayatkan juga oleh at-Tabrasi dalam buku *Al-Ihtijaj).*

Adalah nyata bahawa maksud peristiwa-peristiwa yang berlaku itu bukanlah masalah-masalah dan hukum-hukum syara’. Orang yang bertanya tentu telah mengetahui tampat rujukan bagi masalah-masalah dan hukum-hukum itu. Orang raniai pun merujukan perkara mereka kepada ahli Fiqh bila mempunyai beberapa masalah daripada masalah-masalah syara’ dan hukum-hukumnya. Perkara ini berlaku hingga ke zaman para Imam sendiri, bila orang ramai telah jauh daripada Imam dan berada ditempat yang tidak sama dengan tempat Imam. Penyoal semasa dizaman-zaman awal ‘Ketiadaan Imam' (‘as) sentiasa berhubung dengan pengganti-penggantinya dan mengutus Imam dan meminta *fatwanya* - tidak akan bertanya tentang rujukan dalam masalah fatwa -kerana dia telah mengetahui perkara itu dengan baik. Dia hanya akan bertanya mengenai tampat rujukan dalam masalah problem-problem sosial semasa, juga tentang peranan-peranan dalam hidup orang ramai yang dilihatnya. Apabila dia tidak dapat merujukkan perkara-perkara tersebut kepada Imam dengan sebab ketiadaannya, sedangkan ia ingin mengetahui tempat rujukan mengenai masalah pergolakan hidup dan peranan-peranan masyarakat serta pertistiwa-peristiwa yang terjadi, maka dia tidak tahu apa yang hendak dilakukannya. Pertanyaannya adalah umum tidak mengkhususkan dengan menyebut aspek tertentu. Oleh itu jawapannya juga adalah berbentuk umum sesuai dengan soal itu. jawapannya sepertimana yang kamu ketahui (adalah seperti berikut);

> “Hendaklah kamu merujuk kepada perawi-perawi
> hadith kita kerana mereka adalah Hujjah ku dan aku
> pula adalah Hujjatullah.”

Apakah yang dimaksudkan dengan Hujjatullah ? Apa yang kamu faham mengenainya? Adakah ia bermakna Khabar al-Wahid (berita dari seorang)? Adakah makna Hujjatullah itu ialah bahawa bila seorang pembawa berita menceritakan tentang Rasul dengan satu cerita maka kita mesti menerimanya sepertimana kita menerima berita Zararah? Adakah ia Hujjatullah dalam menerangkan masalah-masalah dan hukum-hukum sahaja? Apabila Rasulullah (s.’a.w) bersabda,

> “Sesungguhnya aku jadikan *‘Ali* (‘a.s) sebagai Hujjah keatas kamu.”

Maka adakah ia bermakna;

> Sesungguhnya aku akan pergi dan melantik ‘Ali sebagal pengganti (khalifah) dikalangan kamu bagi menerangkan dan juga menjelaskan kepadamu akan masalah-masalah dan hukum-hukum?

Hujatullah memberi makna bahawa Imam adalah sebagai tempat rujukan bagi orang ramai dalam semua perkara dan Allah yang telah menentukannya. Dimana kepadanya semua urusan dan pentadbiran daripada Allah untuk memberi manfaat dan membahagikan orang ramai. Demikian juga ahli-ahli Fiqh, mereka adalah tempat-tempat rujukan dan pemimpin bangsa. Hujjatullah adalah orang yang telah ditentukan oleh Allah untuk menjalankan urusan-urusan orang ramai. Perbuatan-perbuatan dan percakapan-percakapannya adalah menjadi hujjah bagi orang-orang Islam, wajib melaksanakannya, tidak boleh bercanggah pendapat mengenainya didalam melaksanakan hukum-hukum Hudud, pungutan cukal seperlima, zakat, cukai tanah dan harta rampasan perang serta membelanjakannya. Ini bermakna bahawa bila kamu merujuk kepada pemerintah-pemerintah zalim - sedangkan Hujjatullah ada - maka kamu akan di hitungkan di balas disebabkan olehnya di Hari Qiamat kelak. Maka Allah maha Suci Ia - telah memberi kuasa (Hujjah) kepada Amir al-Mu'minin (‘a.s) untuk memburu orang-orang yang memberontak menentangnya dan orang-orang yang berpaling daripada pemerintahnya, sepertimana Mu’awiyah pernerintah-pemerintah Bani Umayyah, Bani Abbasiyyah, pembantu-pembantu dan penyokong-penyokong mereka diberikan kuasa (Hujjah) untuk merampas hak dan memegang tanggungjawab yang mereka tidak mempunyai kelayakkan terhadapnya.

> Allah akan mengira perbuatan-perbuatan pemerintah zalim dan setiap kerajaan yang menyeleweng dari ajaran Islam dan mengambil kira apa yang telah mereka lakukan. Mengira untuk apa harta-harta orang-orang Islam dibelanjakan, dan menghitung ke atas harta-harta yang telah mereka buang diupacara-upacara pertabalan dan upacara ulang tahun Abad ke *25* bagi pemerintahan sultan di Iran. Apa yang akan mereka katakan bila mereka dihisab nanti? Mungkin dia meminta ampun dan berkata,

> “Suasana (berkenaan dimasa) kami itulah yang telah menyebabkan ini tidak dapat dielakkan dan ia telah mendesak pembinaan istana yang besar serta pensiasiaan dan pembaziran yang besar dalam upacara-upacara pertabalan dan seumpamanya untuk tujuan mencari kemasyhuran dan nama balk di dunia.”

Dia akan ditanyanya lagi,

> Tidakkah Ali itu ikutan yang baik bagi kamu? Tidakkah Ia sebagai pemerintah orang-orang Islam?
> Dan Amir keatas umat yang besar? Adakah kamu telah melakukan lebih banyak daripada apa yang telah dilakukan oleh Amir al-Mu’mlnm (‘a.s) terhadap orang ramai? Adakah kamu mahu menlnggikan Islam ke satu tahap yang tidak pernah ditingkatkan oleh 'Ali (‘a.s)? Mana satu negara yang lebih besar di antara kedua-duanya? Negara kamu hanya terdiri daripada salah satu dari kawasan negara yang merangkumi Mesh, ‘Iraq, Hijaz dan Yaman? Disamping ini semua adakah kamu mengetahul bahawa pejabatnya adalah didalam masjid, kerusi kehakimannya terletak disalah satu sudut masjid, beliau mengikatkan panji-panji tentera dan askar di masjid supaya perjalanan dan pergerakannya bermula dari masjid? Tidakkah kamu lihat bahawa mereka pergi berperang diatas keyakinan mereka terhadap tugas mereka dan sembahyang memenuhi sayap sayap mereka ?

Ahli-ahli Fiqh hari ini adalah Hujjah terhadap orang ramai sepertimana Rasulullah (s. ‘a.w) juga sebagai Hujjatullah ke atas mereka. Setiap apa yang dipertanggungjawabkan kepada Nabi (s.‘a.w) maka ia juga di-pertanggungjawabkan oleh Imam-imam kepada ahli-ahli Fiqh selepas mereka. Merekalah tempat rujukan dalam semua perkara, problem dan kepincangan. Kepadanyalah diserahkan kerajaan, memerintah dan menjalankan urusan orang ramai, memungut cukai dan membelanjakannya. Orang yang berpaling dari mentaatinya maka Allah akan mengambil kira dan menghitungnya dalam perkara tersebut.

Inilah riwayat yang telah kami nukilkan dan pendalilannya adalah jelas sekali. Sekali pun ia *tidak* sampai ke mertabat dalil pada pandangan kita dalam

tajuk ini namun sekurang-kurangnya ia adalah sebagai penyokong bagi pendapat dan dasar kami.

AYAT-AYAT DARIPADA AL-QUR'AN AL-MAJID

TERDAPAT riwayat lain yang menyokong tajuk perbahasan kita, malah ia membuktikannya. laitu penerimaan hadith Umar bin Hanzalah. Di dalamnya terdapat satu ayat al-Quran. Mari kita bentangkan setengah-setengah ayat itu sekarang dan mempelajarinya serba sedikit supaya lepas itu kita boleh berpindah pula untuk menyebutkan riwayat-riwayat tersebut dan lain-lainnya.

> "Aku berlindung dengan Allah dari Syaitan yang direjam. Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum diantara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil, sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada mu, sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar Lagi Maha Melihat. Wahai orang-orang yang beriman, taatilah oleh kamu akan Allah, dan taatilah Rasul dan penguasa dikalangan kamu, jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Qur'an) dan Rasul (Sunnahnya) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan Hari Kemudian, yang demikian itu lebih utama (bagi mu) dan lebih baik akibatnya." [an-Nisa' *58-59]*

Setengah-setengah orang meyakini bahawa yang dimaksudkan dengan *amanah* itu ialah harta orang ramai yang dipertaruhkan kepada seseorang serta undang-undang syari'ah yang dipertaruhkan oleh Allah kepada orang ramai yang mana beramal dengan tuntutannya dan menguatkuasakannya merupakan pengambilan amanah terhadap empunyanya. Yang pertama tadi amanah manusia dan yang kedua ini adalah amanah Allah. Sementara setengah yang lain mentafsirkan amanah itu sebagai Imamah (kepimpinan). Im terdapat dalam kandungan-kandungan setengah hadith-hadith yang menunjukkan bahawa apa yang dimaksudkan oleh ayat itu ialah kami, para Imam. Allah telah memerintahkan Rasulullah (s.'a.w) supaya mengembalikan amaanah iatu kepimpinan - kepada yang empunyanya iaitu Ainir al-Muminin ('a.s) dan dia mesti mengembalikannya pula kepada orang yang berikutnya dan begitulah seterusnya.

Di bahagian akhir ayat yang pertama terdapat;

> Apabila kamu menetapkan. hukum diantara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil,

adalah ditujukan kepada mereka yang memegang dengan tangan mereka teraju pemerintahan. Ia tidak ditujukan hanya kepada Qadi-qadi sekali pun hukum datang dari mereka kerana Qadi-qadi hanyalah sebahagian daripada kerajaan yang menjaga setiap urusan orang ramai. Mereka bukanlah kerajaan pada keseluruhannya. Sepertimana yang diketahui, di dalam negara-negara modern terdapat tiga bentuk kuasa yang daripadanya terbentuk kerajaan dan agensi-agensi negara, iaitu kuasa perundangan, kuasa kehakiman dan kuasa pentadbiran.
Firman Allah yang bermaksud;

> “Dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil,”

adalah secara umum ditujukan kepada orang-orang yang membentuk negara seperti anggota-anggota pemerintahan. Kerajaan yang adil adalah satu daripada cabang-cabang amanah yang mesti diserahkan kepada empunyanya, dan mereka ini pula mesti menjalankan kerajaan itu dengan sebaik-baiknya. Kerajaan ini akan bertindak menurut neraca undang-undang dan syara’ yang mulia, Qadinya akan menghukum dengan adil dan jujur, bukan dengan kejam dan zalim, mengambil hukum-hukumnya daripada agama yang suci. Kuasa perundangannya berkisar di sekitar ajaran-ajaran syari’at, hukum-hukum dan undang-undang Islam yang sejagat dan menyeluruh. Tidak melampaui dan melebihinya Kuasa pentadbiran pula bertindak sebagaimana yang dikehendaki oleh agama supaya bekerja untuk membahagia dan menjauhkan dari mereka hantu kemiskinan, kelaparan dan kemunduran. Demikian juga bertindak untuk menegakkan ketentuan-ketentuan, menjaga keamanan dan peraturan. Semuanya itu berjalan dengan sederhana dan seimbang tanpa berlebihan atau kekurangan.

Selepas memotong tangan pencuri Amir al-Mu’minin (‘a.s) telah menunjukkan simpatinya keatas pencuri itu, bermesra dengannya, mengubat tangannya dan menyapunya dengan minyak hingga menjadi orang yang dipotong tangannya itu merupakan orang yang paling kasih kepadanya. Bila sampai berita kepada ‘Ali bahawa tentera-tentera Mu’awiyah telah menyerang al-Anbar dan orang-

orangnya telah menangkap perempuan Kristian dan Yahudi serta menanggalkan anting-anting dan gelang kakinya, maka beliau merasa terlalu dukacita dan sedih, lantas berkata,

> Kalaulah seseorang mati kerana keseclihan selepas ini dia tidak akan tercela, malah bagiku itu adalah suatu yang patut baginya *(Nahjul Balaghah, /69)*

Dengan semangat yang kuat ini beliau terus menyandang pedangnya jika perlu untuk memotong kepala-kepala pembuat kerosakan yang melakukan kerosakan di muka bumi inilah dia keadilan.

Rasulullah (s.'a.w) adalah pemerintah yang adil. Apabila baginda diperintahkan supaya menduduki suatu tempat atau membuat pepghakiman keatas kumpulan yang membuat kerosakan dari kalangan orang ramai maka dia telah menghukum dengan adil kerana sekiranya baginda tidak melakukannya maka dia telah membelakangkan keadilan. Ini adalah kerana hukumnya sentiasa sesuai dengan tuntutan-tuntutan kepentingan orang Islam juga terhadap tuntutan-tuntutan hidup manusia seluruhnya.

Pemerintah tertinggi mesti melihat kepada kepentingan umum, jangan memikul beban perasaan dan jangan bimbang dengan pencaci Allah. Sebab itulah kita lihat bahawa kebanyakan kepentingan-kepentingan yang khusus yang mempunyai kepentingan peribadi telah dihapuskan demi menjaga kepentingan umum tadi. Kita lihat juga bahawa Islam memerangi beberapa kelompok daripada orang ramai yang menjadi punca kerosakan. Rasulullah (s. 'a.w) telah menyerang Yahudi Bani Quraizah hingga orang yang terakhir disebabkan kesedaran baginda terhadap kerosakan-kerosakan yang telah mereka lakukan keatas masyanakat Islam, kerajaannya dan seluruh manusia. Keberanian dan kemasyhunan pemerintah di sisi Allah nyata dalam perlaksanaannya terhadap perintah Allah dan menegakkan ketentuan-ketentuanNya, tanpa tunduk kepada perasaan atau condong kepada hawa nafsu serta nyata pada perasaannya, kemesraannya, simpati dan perhatian beratnya terhadap orang ramai. Kedua-dua sifat ini telah menjadikan pemerintah sebagai gua tempat orang ramai berlindung. Ada pun ketakutan dan kacau bilau yang kita lihat dimasa kita ini adalah kerana tidak sahnya kerajaan yang memerintah kerana kerajaan-kerajaan hari ini mengumumkan fahaman kekuasaan, kepentingan diri dan pemaksaan. Tetapi dalam kerajaan seperti kerajaan Amir

al-Mu'minin ('a.s) atau pun mana-mana kerajaan Islam yang sebenar-benarnya tiada ketakutan dan kedukaan dikalangan masyarakat. Manusia akan merasa selamat sepenuhnya selagi ia tidak berlaku khianat zalim atau melampau batasan Allah.

Terdapat didalam suatu hadith bahawa firman Allah, (yang bermaksud):

> Hendaklah kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya,

adalah bersangkut paut dengan para Imam ('a.s) dan firmanNya, (yang bermaksud):

> Dan apabila kamu menetapkan di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil,

adalah bersangkut paut dengan para Amir, sementara firmannya, (yang bermaksud):

> Taatilah Allah dan taatilah Rasul dan pemerintah dari kalangan kamu,

itu adalah umum ditujukan kepada orang Islam sernuanya, memerintahkan mereka supaya mengikuti Uli alAmri - iaitu para Imam - menerima ajaran-ajaran mereka dan mematuhi segala perintahnya.

Kamu telah sedia mengetahui bahawa erti taat kepada Allah ialah mengikuti perintahNya dalam setiap hukum syari'at, ibadah dan sebagainya. Taat kepada Rasul pula bermakna menurut segala perintahnya yang berhubung dengan masyarakat, mengaturnya dan menyediakan kekuatan ma'nawi dan maddi untuk mempertahankan sifat-sifat semulajadi sekali pun itu juga merupakan taat terhadap Allah. Ketaatan kamu kepada Rasulullah (s.'a.w), ialah dengan mengikut segala arahan yang dikeluarkan kepada kamu. Apabila Rasulullah mempertanggungjawabkan atas kamu supaya memasuki pasukan tentera yang dipimpin oleh Usamah atau bergabung dengan tentera yang berada dibarisan depan atau (kamu diarah) membayar atau memungut cukai, bermu'amalah dengan orang ramai dengan cara yang lebih baik, semuanya itu kamu tidak boleh ingkar. Allah telah menyuruh kita mengambil Uli al-Amri

yang menjadi Imam-imam (‘a.s) dengan ingatan bahawa ketaatan kepada Rasul dan *Uli al-Amri* bermakna ta’at kepada Allah, di hujung ayat Allah berfirman, (yang bermaksud):

“Jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Qur’an) dan Rasul (Sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dam Hari Kemudian, yang demikian itu lebih utama (bagi mu) dan lebih balk akibatnya.”

Perselisihan diantara orang ramai kadang-kadang berlaku ke atas perkara-perkara hakikat dimana Qadi mesti membuat keputusan berdasarkan kepada keterangan-keterangan dan keimanan. Kadang-kadang perselisihan itu tidak berlaku keatas sesuatu yang hakiki, bahkan kes itu ialah kes keseksaan, kes kezallman, permusuhan, pembunuhan atau kecurian dan sebagainya. Dalam keadaan yang seumpama ini perkara tersebut akan dibawa kepada pihak yang bertanggungjawab uantuk menjalankan tugasnya terhadap kes-kes balasan atau kedua-duanya sekali iaitu hak-hak dan balasan dan mengeluarkan hukumannya dalam perkara tersebut sebagai melaksanakan apa yang telah diperintahkan oleh syara’ supaya melaksanakannya.

Al-Qur’an memerintahkan kita supaya mengembalikan semua kes-kes ini sama ada hak-hak atau balasan kepada Rasul memandangkan ianya sebagai ketua negara. Baginda dengan peranannya telah diperintahkan supaya membenarkan apa yang benar dan membatalkan apa yang batil. Selepas baginda ialah para Imam (‘a.s) dan selepas mereka pula ialah ahli-ahli Fiqh yang adil.

Selepas itu Allah berfirman (yang bermaksud):

“Apakah kamu tidak memperhatikan orang-orang yang mengaku dirinya telah beriman kepada apa yang telah diturunkan kepada mu dan kepada apa yang diturunkan sebelum kamu ? Mereka hendaklah berhakimkan kepada Taghut padahal mereka telah diperintahkan mengingkari Taghut itu.” [an-Nisa : 60]

Makna Taghut ialah setiap badan dan kuasa kehakiman atau kerajaan yang memerintah atau membuat keputusan dengan selain daripada apa yang telah diturunkan oleh Allah dan bertindak dengan zaiim. dosa dan permusuhan dalam masyarakat. Sesungguhnya Allah telah memerintahkan kepada kita

supaya mengingkari pihak seumpama itu dan mendurhakai setiap kerajaan yang zalim sekali pun itu akan menyebabkan kesusahan dan mendatangkan penderitaan kepada kita.

PENERIMAAN ‘UMAR BIN HANZALAH

SEKARANG kita akan melihat apa yang diperkatakan oleh penerimaan ini dan apa yang dimaksudkan daripadanya, Muhammad bin Ya’qub, daripada Muhammad bin Yahya daripada Muhammad bin al-Husin daripada Muhammad bin Isa daripada Safwan bin Yahya daripada Daud bin al-Husin daripada ‘Umar bin Hanzalah, katanya,

“Saya telah menyoal Aba ‘Abdullah (‘a.s) mengenal dua orang lelaki dan kalangan sahabat-sahabat kami yang bertengkar dalam masalah hutang atau harta warisan. Mereka berhakimkan kepada sultan dan Qadi. Adakah itu dihalalkan ? Dia menjawab:

“Siapa yang berhakimkan kepada mereka dalam masalah kebenaran atau kebatilan maka sesungguhnya dia berhakimkan kepada Taghut, apa yang diputuskan buat mereka adalah merupakan penerimaannya terhadap perkara haram sekali pun ianya benar dan pasti baginya disebabkan penerimaannya terhadap pemerintah Taghut dan apa yang diperintahkan oleh Allah supaya mengkufurkannya. Firman Allah;(maksud):

Mereka hendaklah berhakimkan kepada Taghut, pada hal mereka telah diperintahkan mengingkari Taghut itu. Saya berkata; apa yang harus mereka lakukan?

Dia menjawab: Mereka lihatlah sesiapa dari kalangan kamu yang telah meriwayatkan hadith kita, meneliti halal dan haram kita dan mengetahui undang-undang kita .... Maka hendaklah kamu meredhainya sebagal seorang hakim kerana saya telah melantiknya keatas kamu sebagai seorang pemerintah.” *(al-Wasa'il,* vol. 18,hal: 98)

HARAM BERHAKIMKAN KEPADA PEMERINTAHPEMERINTAH YANG ZALIM

DALAM bahagian awal jawapannya terhadap satu soalan, Imam telah melarang secara umum dari merujuk kepada pemerintah yang zalim tentang masalah-masalah hak-hak atau balasan. Ini bermakna bahawà sesiapa yang merujuk kepada mereka adalah merujuk kepada Taghut didalam pemerintahannya dimana telah diperintahkan oleh Allah supaya mengingkari. Syara' memerintahkan kita supaya jangan menerirna keputusan yang telah diputuskan oleh pemerintah-pemerintah yang zalim,

"Sesungguhnya ia menerima perkara yang hararn sekali pun bak yang pasti buatnya."

Seorang Islam adalah dilarang untuk berhakimkan kepada mereka mengenai hutang seseorang terhadapnya dan sekiranya dia memungut hutangnya itu dengan perintah dan undang-undang mereka, maka dia tidak di benarkan untuk membelanjakan apa yang diberikan kepadanya itu. Setengah-setengah ahli Fiqh berkata bawa sekali pun dalam perkara-perkara kebendaan tidak diharuskan mengambil benda yang dipunyai - sepert kain selimut - dan membelanjakannya bila ia clikembalikan semula dengan perintah dan undang-undang mereka.

Penerimaan ini adalah hukum politik yang mendesak orang Islam supaya meninggalkan rujukan terhadap kuasa-kuasa yang zalim atau agensi-agensi kehakimannya sehingga tergendala agensi-agensi mereka bila dipulaukan oleh orang ramai di samping membuka jalan bagi para Imam ('a.s) serta orang-orang yang telah dilantik oleh para Imam untuk memerintah dikalangan orang ramai. Tujuan sebenar dari hadith ini ialah menyatakan bahawa pemerintah-pemerintah yang zalim itu bukanlah tempat rujuk bagi orang ramai dalarn urusan-urusan mereka kerana Allah telah pun melarang mereka dari merujuk kepadanya serta memerintahkan supaya meninggalkan dan mengingkari juga undang-undangnya disebabkan kezaliman, kekejaman dan penyelewengan mereka dari pada jalan yang sebenar-benarnya.

‘ULAMA’ ISLAM ADALAH PAKAR RUJUK DALAM SEMUA PERKARA

BERDASARKAN apa yang datang dari Imam 'a.s bahawa seorang Pakar Rujuk adalah orang yang meriwayatkan hadith dari Imam mereka, mengetahui halal dan haram, melihat secara terperinci akan undang-undang mereka dan berpandukan kepada neraca-neraca Ijtihad yang ada pada mereka. Imam dalam jawapannya terhadap satu soalan yang terdapat dalam satu hadith tidak langsung meninggalkan kesulitan atau pun keraguan. Di samping meriwayatkan hadith Pakar Rujuk itu juga disyaratkan supaya mempunyai pengetahuan tentang halal dan haram atau pandangan yang terperinci dan pandangan jauh. Memindah hadith tanpa pengamatan dan pengetahuan tidak dianggap sebagai seorang Pakar Rujuk.

‘ULAMA’ ADALAH DILANTIK UNTUK MEMERINTAH

BERKATA Ali (‘a.s),

> “Sesungguhnya aku telah melantiknya sebagai pemerintah ke atas kamu.”

Orang ramai mesti menerimanya sebagai pemerintah yang mereka rujukkan semua perkara (kes) perbalahan-perbalahan mereka, dan mereka tidak berhak merujuk kepada yang lain. Penyelesaian terhadap perbalahan-perbalahan adalah bergantung kepada orang yang telah dilantik oleh Imam, bukan yang lainnya. Hukum syar ‘i ini digunakan untuk semua orang Islam dan ia tidak dikhususkan khas kepada problem ‘Umar bin Hanzalah walau pun jawapan yang datang dari Imam itu adalah ditujukan khas kepadanya. Sepertimana Amir al-Mu’ minin (‘a.s) telah menentukan wakil-wakil dan memerintahkan orang ramai supaya merujuk dan taat kepadanya maka demikian juga Imam as-Sadiq (‘a.s) dengan kedudukannya sebagai pemerintah dan gabenor bagi orang-orang Islam, ‘Ulama’ dan ahli Fiqh. Dia telah melantik pemerintah-pemerintah dan Qadi-qadi dimasa hayatnya dan berterusan hingga selepas kewafatannya. Ini adalah seperti yang digambarkan dalam kata-kata Ali (‘as),

> “Saya telah melantiknya ke atas kamu sebagai pemerintah.”

Dan hukum di sini tidak dikhususkan kepada perkara-perkara kehakiman sahaja bahkan meliputi juga kehakiman dan yang lain-lainnya. Dapatlah disimpulkan dan ayat ini, ayat-ayat yang lepas dan hadith-hadith bahawa jawapan Imam tidak di khususkan kepada perlantikan para Qadi semata-mata tetapi adalah suatu yang lebih umum daripada itu. Periwayatan adalah diantara penjelasan-penjelasan dan tidak ada keraguan dalam soal sandaran atau pendalilannya. Tidak syak lagi bahawa Imam telah pun melantik ahli Fiqh dalam jawatan negara dan kehakiman dan mewajibkan orang-orang Islam seluruhnya supaya menerimanya sebagai satu pertimbangan.
Untuk keterangan yang lebih jelas dan mendalam terhadap tajuk ini kita berpindah pula kepada riwayat Abu Khadijah.

Muhammad bin Hasan dengan sandarannya dari pada Muhammad bin 'Ali bin Mahbub, daripada Ahmad bin Muhammad daripada Husin bin Sa'id, daripada Abi al-Jahm, daripada Abi Khadijah katanya, "Abü 'Abdullah ('as) telah mengutus aku kepada salah seorang sahabat kami, katanya: Katakanlah kepada mereka : Apabila berlaku atau perselisihan dikalangan kamu dalam suatu perkara berkenaan pengambilan atau pemberian maka jauhilah dari kamu berhakimkan kepada salah seorang daripada mereka yang fasiq ini. Hendaklah kamu melantik seorang lelaki di kalangan kamu yang mengetahui tentang halal dan haram kita dan sesungguhnya saya telah melantiknya sebagai Qadi ke atas kamu, jauhilah setengah dari kamu dengan setengah yang lain dan membawa perbalahan kepada sultan yang zalim." *(Al-Wasa 'il*, hadith yang ke-6.)

Maksud orang-orang yang fasiq ialah Qadi-qadi yang dilantik oleh penguasa-penguasa di masa itu. Dalam hadith yang lalu dia telah menegah dari merujuk kepada pemerintah-pemerjntth yang zalim serta Qadi-qadinya. Dalam hadith ini pula dia melantik Qadi yang harus dirujuk kepadanya. Dalam penerimaan Hanzalah dia melantik pemerintah yang melaksanakan serta juga *Qadi*. Dari ekoran hadith nyatalah bahawa sultan adalah sebagai tempat rujukan setengah-setengah perbalahan selain dari Qadi-qadi juga adalah sebagai tempat ruju-kannya.

ADAKAH ULAMA' BOLEH DIPECAT DARI JAWATAN PEMERINTAH

SEKARANG kita akan membincangkan tentang pemerin tah dan Qadi-qadi yang telah dilantik oleh Imam-imam di masa hayatnya menurut hadith, khususnya hadith dari 'Umar bin Hanzalah, dan Imam mewakilkan kepada mereka semua urusan pemerintahan dan kehakiman di kalangan orang-ramai. Adakah mereka ini terpecat daripada jawatan mereka selepas kematian Imam atau tidak?

Kita mengetahui bahawa arahan-arahan para Imam adalah berbeda daripada pemerintah-pemerintah yang lainnya. Menurut mazhab (Syi'ah) kita bahawa semua pemerintah yang datang daripada Imam-imam semasa hayat mereka adalah terus berkuatkuasa dan wajib diikuti hingga selepas kematian mereka. Oleh kerana itu apakah dia pendapat berkenaan dengan orang yang telah dilantik oleh Imam dengan sifat yang khusus atau umum sebagai pemerintah-pemerintah atau Qadi-qadi?

Di negeri-negeri sama ada bercorak monarchy, republik atau apa sahaja bentuk yang lain apabila seorang ketua atau raja mati atau pun berlaku pemberontakan semuanya itu tidak memberi kesan terhadap pangkat, jawatan militer dan pentadbiran secara langsung sekali pun terdapat kemampuan sistem dan pemerintah baru untuk mengubah dan mengganti tugas-tugas tersebut. Malah kedudukan ini tidak terbatal secara langsung. Kita lihat bahawa setengah-setengah urusan lenyap dengan sendirinya sepertimana juga, sebagai contoh, bila seorang ahli Fiqh mewakilkan kepada seseorang di negeri tertentu atau mengurniakan sijil penghargaan kepada seseorang sesungguhnya perkara tersebut akan hilang dan terangkat dengan sendirinya dengan kematian seorang ahli Fiqh yang mewakilkannya itu. Tetapi sekiranya seseorang ahil Fiqh itu melantik seorang yang amanah ke atas seorang kanak-kanak atau mewakilkan seorang keatas harta waqaf maka perkara itu tidak berkesan dengan kematian ahli Fiqh tersebut. Tetapi perkara itu berterusan menurut keadaannya walaupun bagaimana sekali cara perlantikan ahli Fiqh untuk jawatan pemerintahan dan kehakiman di kalangan orang ramai.

JAWATAN 'ULAMA' SENTIASA TERJAMIN

KITA yakin bahawa jawatan yang dikurniakan oleh para Imam ('a.s) kepada ahli Fiqh tetap terpelihara untuk mereka, kerana para Imam yang tidak dapat kita gambarkan pada mereka sebarang kelupaan dan kelalaian dan kita yakin bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang luas tentang kepentingan-kepentingan orang-orang Islam, mereka adalah mengetahui bahawa jawatan mereka itu tidak akan luput daripada ahli Fiqh selepas dan mereka semata-mata dengan kematian mereka. Kalaulah Imam mengetahui bahawa masalah perlantikan ini hanya ditujukan kepada zaman hayatnya sahaja tentulah harus baginya mengalihkan pandangan orang ramai kepada perkara-perkara tersebut dengan menerangkan kepada mereka bahawa jawatan ahli Fiqh ini telah ditentukan untuk zaman hidupnya para Imam, manakala selepasnya ahli Fiqh adalah terpecat. Oleh kerana itu 'Ulama', menurut hadith ini, telah pun dilantik oleh Imam untuk memerintah dan menghakimkan di kalangan orang ramai. Jawatan mereka tetap terpelihara bagi mereka. Kita tidak meletakkan kemungkinan bahawa Imam yang menuruti Imam as-Sadiq ('a.s) telah memecat ahli-ahli Fiqh dari jawatan ini, kerana kemungkinan ini adalah lemah dan tidak ada. Sesungguhnya Imam('a.s) sendiri menegah dari merujuk kepada sultan dan Qadi-qadi yang zalim dan dia menganggap bahawa merujuk kepada mereka adalah bermakna merujuk kepada Taghut. Belau berpegang dengan ayat yang mulia yang melaluinya Allah rnemerintahkan supaya mengingkari Taghut. Kalau Imam yang berkenaan memecat ahli-ahli Fiqh ini dan tidak melantik yang lain maka kepada siapa orang-orang Islam akan merujuk perselisihan dan perbalahan mereka? Adakah mereka akan merujuk kepada orang-orang fasiq dan zalim, kerajaan Taghut atau terus dalam kacau bilau dan kehilangan hak-hak, memakan harta yang batil serta melanggar batasan-batasan Allah tanpa balasan ?

Kita tetap yakin bahawa Imam Musa bin Ja'far ('a.s) tidak berkuasa untuk membatalkan apa yang dibuat oleh Imam as-Sadiq ('a.s) mengenai jawatan'Ulama dan perkara yang lain. Dia tidak berkuasa untuk menegah dari merujuk kepada ahli-ahli Fiqh yang adil atau memerintahkan supaya merujuk kepada kerajaan Taghut atau meredhai kehilangan hak-hak, harta-harta dan nyawa-nyawa. Imam tidak membatalkan dasardasar umum yang telah diterangkan dan ditunjukkan oleh orang-orang yang terdahulu darinya, kecuali dengan adanya kemampuan untuk mengganti dan mengubah di kalangan setengah-setengah pemerintah-pemerintah dan Qadi-Qadi semasa hayatnya,

kerana kepentingan umum menghendakinya. Ini tidaklah dianggap sebagai pembatalan terhadap apa yang telah dibina oleh orangorang yang terdahulu darinya.

Disini terdapat riwayat lain yang menyokong, pandangan kita. Sesungguhnya riwayat-riwayat yang terdahulu terlalu nyata dan jelas. Semuanya menyokong kemantapan pendapat terhadapnya.

HADITH SAHIH DARI QADAH

‘ALI BIN IBRAHIM memetik daripada bapanya, dari Himar bin ‘Isa daripada al-Qadah (‘Abdullah bin Maimün) daripada Abi Abdullah (‘a.s) sebagai berkata; Rasulullah (s.’a.w) telah bersabda; Sesiapa yang mengikuti satu jalan untuk mencari ilmu maka Allah akan memimpinnya mengikuti jalan ke syurga, sesungguhnya Malaikat akan melabuhkan sayap-sayapnya ke atas penuntut ilmu sebagai tanda meredhainya. Sesiapa sahaja yang berada di langit dan di bumi akan mengampunkan penuntut ilmu walau pun ikan paus yang berada di laut. Kelebihan orang yang menuntut ilmu di kalangan hamba adalah seperti kelebihan bulan dari kalangan semua bintang-bintang di malam purnama,’Ulama’ adalah warisan Nabi-nabi dan Nabi-nabi tidak meninggalkan wang dinar dan tidak juga dirham, tetapi mereka meninggalkan ilmu. Sesiapa sahaja yang mengambil daripadanya akan memperolehi ganjaran yang besar. (Al-Kafi juzu' 11, bab ‘Ganjaran Orang Yang Belajar Dan Mengajar, hal. 24.)

Hadith ini hadith sahih, walau pun Abu 'Ali bin Ibrahim (Ibrahim bin Hashim) iaitu salah seorang dari pada orang-orang yang paling dipercayai terlibat dengan nukilan badith. Hadith ini juga terdapat dalam satu nas lain dengan sedikit perbedaan melahii saluran lain yang lemah, iaitu dalam senarai perawinya terdapat orang yang lemah, sekali pun sandaran yang lebihnya adalah sahih. Hadith ini sampai hingga kepada Abi al-Bukhturi, iaitu orang yang lemah. Kerananyalah hadith ini lemah.

RIWAYAT ABU AL-BUKHTURI

DARIPADA Muhammad bin Yahya, daripada Ahmad bin Muhammad bin 'Isa daripada Muhammad bin Khalid daripada Abu al-Bukhturi, daripada Abi 'Abdullah (‘a.s) katanya,

“Sesungguhnya Ulama adalah waris Nati-nabi walau bagaimana pun Nabi-nabi tidak meninggalkan dinar dan dirham, tetapi mereka hanya meninggalkan beberapa hadith dari hadith-hadith mereka. Barang siapa yang mengambil ganjaran yang besar. Lihatlah pengetahuan kamu ini daripada siapa kamu mendapatnya, kerana pada kita terdapat ahli al-Bait, di dalam setiap pengganti terdapat orang yang adil menyelamatkan dari pada penyelewengan puakpuak pelampau, pemalsuan pihak pendusta dan pentafsiran orang-orang yang jahil.”

Tujuan kita memetik hadith yang dipegang oleh al-Marhum an-Niraqi ini ialah untuk menerangkan makna ungkapan, “Ulama' adalah waris Nabi-nabi”

yang terdapat dalam hadith ini Di sini sebenarnya ada beberapa perbincangan lagi:

1. Apa yang dikehendaki dengan Ulama? Setengah-setengah orang menyamakan bahawa makna Ulama itu ialah Imam-imam. Sebenarnya yang di maksudkan dengan’Ulama’ ialah ‘Ulama’ Islam dengan alasan bahawa di antara sifat-sifat Imam itu dapat digambarkan pada mereka untuk boleh dikatakan sebagai demikian dan hadith ini pun tidak terkenal di kalangan mereka walau dalam keadaan apa pun. Dalam riwayat al-Bukhturi, selepas ungkapan;

Ulama adalah waris Nabi-nabi.”

terdapat sabda Rasülullãh (s.’a.w),

“Lihatlah pengetahuan kamu ini, dan siapa kamu mendapatinya.”

Ini tidak pun digambarkan kepada Imam-imam (‘a.s) kerana siapa yang mengkaji perkara-perkara yang berkenaan dengan urusan dan kedudukan mereka di sisi Rasulullah (s.’a.w) adalah ditolak kerana erti ‘Ulama’ dalam kedua-dua riwayat tadi bukanlah Imam-imam tapi ‘Ulama’. Inilah dia kedudukan bagi ‘Ulama’, tidak ada yang lebih dan itu bagi mereka dan tidak juga ada sesuatu yang ganjil padanya, memandangkan banyaknya pengangungan dan penghormatan yang terdapat mengenai keadaan mereka sebelum ini seperti,

“Ulama umat ku seperti semua Nabi-nabi sebelum.”

dan,

“Ulama umat ku adalah seperti para Nabi dari Bani Isra’il.”

Walau bagaimana pun yang dimaksudkan dengan Ulama itu ialah Ulama umat Islam.

2. Mungkin ada orang meyanggah dengan mengatakan; pemerintahan ahil Fiqh bukanlah pengajaran yang diaxnbil dari ungkapan,

“Ulama’ adalah waris Nabi-nabi,"

kerana perwarisan ini kadang-kadang memandangkan kepada ilmu yang diberikan oleh Nabi-nabi melalui peraturan-peraturan atau hukum-hukum. Ungkapan ini tidak merangkumi kuasa mengurus urusan orang ramai disebabkan kekuasaan atau keimanan serta kepimpinan mereka terbukti dengan perhitungan yang lain selain dari perhitungan yang pertama. Lagi pun hadith ini tidak sejelas kata-kata,

Ulama adalah sama kedudukannya dengan Musa dan Isa, hingga dapat diambil pengajaran darinya tentang pemerintahan ahli-ahli Fiqh.

Untuk menolak sanggahan ini saya mengatakan,

Sesungguhnya neraca penilaian dalam memahami hadith ialah dengan mengambil zahir-zahir perkataannya, iaitu mengenali dan memahami perkara yand diperkatakan, bukan huraian secara ilmiah dan ujian kemahiran dan kita harus keluar dari adat menurut faham kita. Bila seorang ahli Fiqh itu mampu untuk menggunakan huraian ilmiah serta falsafah yang mendalam, maka ia akan kehilangan banyak perkara. Kalau kita merujuk kepada adat untuk memahamkan ungkapan 'Ulama' adalah waris Nabi-nabi, dan bertanya kepada adat itu adakah ungkapan ini memberi makna bahawa ahli Fiqh sama kedudukannya dengan Musa dan Isa? Nescaya dia menjawab : Ya! Memandangkan riwayat ini meletakkan Ulama di tempat Nabi dan oleh kerana Musa dan Isa adalah di antara para Nabi, maka Ulama adalah sama kedudukannya dengan Musa dan Isa. Dan kalau kita tanya kepada adat, adakah ahli Fiqh itu waris Rasulullah (s.'a.w)? Nescaya ia menjawab: Ya! Dengan alasan yang sama seperti di atas. Kita tidak menerima makna kenabian itu semata-mata kerana ia menyampaikan Wahyu atau alim melalui peraturan-peraturan atau hukum-hukum. Mungkin kemungkinan ini terdapat dalam sebutan satu *(sighah al-Mufid)* tetapi dia tidak termasuk dalam perkataan 'Nabi-nabi' iaitu sebutan *ramai(sighah* al-Jam'i). Didatangkan perkataan Nabi-nabi itu dengan sebutan ramai adalah untuk ditujukan kepada Semua Nabi-nabi, bukan Nabi-nabi yang terpencil dan menyampaikan Wahyu sahaja, malah Wali-wali juga, kerana memencilkan Nabi-nabi dari setiap sifat dan urusan selain dari urusan ilmu dan Wahyu serta meletakkan pula Ulama setaraf dengan mereka di segi hukum-hukum, peraturan-peraturan dan syari'at-syari'at sahaja adalah fahaman yang salah, bercanggah dengan kebiasaan orang-orang yang menggunakan akal.

3. Walau pun kita meletakkan Ulama itu setaraf dengan Nabi dengan mensifatkan mereka sebagai Nabi-nabi, maka kita mesti memberikan kepada Ulama itu semua hukum perbandingan itu, misalnya, bila saya katakan,

"Si polan itu sama kedudukannya dengan orang adil."

kemudian saya katakan pula,

"wajib memuliakan orang yang adil."

Kita fahami bahawa orang yang diletakkan di tempat orang adil itu mesti dimuliakan. Kita boleh mengambil pengajaran dari firman Allah (yang bermaksud):

> Nabi itu (hendaknya) lebih utama bagi orang-orang Mu'min dari diri mereka sendiri, [al-Ahzab :6]

bahawa tugas pemerintahan sabit juga bagi 'Ulama', dengan bukti bahawa sekurang-kurang andaian tentang apa yang dimaksudkan dengan keutamaan itu ialah pemerintahan dan kerajaan, sepertimana yang terdapat dalam hadith Imam al-Baqir dalam kitab *(Majma' al-Baharain,* sebagai turutan terhadap ayat ini. Katanya,

> Sesungguhnya ia diturunkan bagi masalah kerajaan, iaitu pemerintahan. *(Majma'al-Bahrain,* hal.457)

Oleh kerana itu Nabi adalah pemerintah penguasa bagi orang-orang Mu'min. Semuanya ini sabit bagi Ulama'. Manakala ayat itu menyebutkan Nabi itu sebagai Nabi semata-mata tanpa ada penambahan *sifat* yang lain.

4. Mungkin di sana ada orang yang mengatakan bahawa peninggalan Nabi (s.'a.w) terbatas pada hadith-hadith yang di tinggalkannya sahaja. Barang siapa yang mengambil daripadanya sesuatu maka dia telah mewarisi Nabi (s.'a.w). Ini tidak boleh membuktikan perwarisan ahli-ahli Fiqh itu terhadap jawatan pemerintahan dan kerajaan awam. Hadith im juga tidak menambah tentang perwarisan ilmu, sementara hadith Abi al-Bukhturi hanya menyebut,

> "Sesungguhnya mereka mewariskan beberapa hadith dari hadith-hadith mereka."

Sanggahan ini tidak betul sebab ia ditujukan keatas asas-asas penolak perwarisan pemerintahan dan kerajaan. Kami seperti yang kamu ketahui mengeluarkan terus adat dalam pemikiran kita. Kalau kita bertanya kepada semua orang yang bijak pandai di dunia tentang pewaris tahta tertentu, adakah mereka akan menjawab,

> Sesungguhnya perwarisan tahta adalah tidak mungkin?

Atau adakah mereka akan menyebutkan kepada kita pewaris tahta atau mahkota itu sendiri? Pemerintahan, seperti yang lain-lainnya juga adalah boleh dipindahkan kepada orang lain menurut pandangan adat orang-orang yang bijak pandai. Bila kita lihat kepada firman Allah, (yang bermaksud):

> Nabi itu (hendaknya) kebih utama bagi orang-orang Mu’min dan diri mereka sendiri.

Dan bila kita teliti ungkapan,

> “Ulama adalah waris Nabi-nabi.”

kita akan mengetahui bahawa pemerintahan adalah di antara perkara-perkara yang subjektif yang boleh dipindahkan. Ini tidak mustahil pada adat. Walaupun kita menganggap bahawa ungkapan,

> “Ulama’ adalah waris Nabi-nabi,"

ditujukan kepada Imam-imam (‘a.s) menurut ketentuan yang terdapat dalam setengah-setengah riwayat maka kita tetap tidak ragu bahawa yang dimaksudkan dengan perwarisan itu ialah perwarisan Imam-imam terhadap Nabi-nabi dalam semua perkara bukan dalani undang-undang dan pengetahuan sahaja.
Oleh sebab itu apabila kita menerima ungkapan,

"Ulama adalah waris Nabi-nabi,"

dan mengabaikan bahagian awal dan hujung riwayat ini, dengan keadaan itu kita masih meyakini babawa semua Urusan Rasulullah (s.’a.w) boleh dipindahkan dan diwarisi. Di antara kandungannya ialah memerintah terhadap orang ramai, memegang kuasa terhadap urusan-urusan mereka merangkumi semua perkara yang sabit bagi imam-imam (‘a.s) selepasnya serta ahli-ahli Fiqh yang selepas Imam-imam (‘a.s) kecuali perkara-perkara yang dikhususkan baginya sendiri oleh Nabi (s.a.w) dengan dalil-dalil lain. Kita mengecualikan apa yang telah dikecualikan itu akan kekal dengan keadaannya, sementara yang umum pula menjadi Hujjah mengenainya.

Tunggak yang menguatkan lagi kesamaran yang lalu ialah bahawa ungkapan,

Ulama adalah waris Nabi-nabi,"

datang bersama-sama ungkapan-ungkapan yang lain boleh menjadi bukti bahawa yang dimaksudkan dengan “peninggalan” didalamnya ialah peninggalan hadith hadith, bukan yang lain, sepertimana yang terdapat di dalam hadith sahih Qadah, “Sesungguhnya Nabi-nabi tidak meninggalkan dinar dan tidak juga dirham, tetapi mereka meninggalkan pengetahuan.”

Dan di dalam riwayat Abi al-Bukhturi pula, “Mereka tidak meninggalkan dirham dan tidak juga dinar. Hanya sesungguhnya mereka meninggalkan beberapa hadith daripacla hadith-hadith mereka.” Ini membenarkan bukti tentang pembatasan peninggalan terhadap badith-badith dan Nabi-nabi tidak meninggalkan peninggalan selain darinya. Terutamanya dengan penggunaan perkataan, *innama* (hanya sesungguhnya) di dalam hadith yang terakhir. Ianya digunakan bagi menunjukan makna khusus atau terbatas. Kesamaran ini adalah lemah kerana sekiranya apa yang diwariskan oleh Nabi (s.a.w) itu hanya hadith-hadith semata-mata, tidak yang lain ini adalah bercanggah dengan tuntutan mazhab syiah, sebab Rasulullah (s.’a.w) sendiri menjalankan tiap sesuatu daripada urusan-urusan orang ramai. Baginda juga telah menentukan Amir alMu’minin (‘a.s) sebagai *wali* (penguasa) ke atas orang ramai selepasnya dan berterusanlah pemindahan kepimpinan dan kekuasaan dari seorang Imam kepada seorang Imam hingga sampailah perkara itu kepada al-Hujjah al-Qa’im (al-Mahdi) (‘a.s).

Sebagai tambahan kepadanya ialah bahawa perkataan *innama* (hanya sesungguhnya) tidak semestinya penggunaannya hanya untuk pembatasan selama-lamanya dan perkataan *innama* (hanya sesungguhnya) ini tidak terdapat di dalam hadith sahih al-Qadah, tetapi ianya terdapat di dalam riwayat Abi al-Bukhturi dan telah pun terbukti bahawa ianya adalah lemah di segi *sanad* (senarai perawi)

Marilah kita kaji hadith sahih itu untuk kita lihat adakah di dalamnya terdapat tanda yang menunjukkan kepada pembatasan perwarisan kepada hadith atau tidak?

"Barangsiapa yang mengikuti suatu jalan untuk mencari iilmu maka Allah akan memimpinnya mengikut jalan ke syurga.

Dalam ungkapan ini terdapat pujian ke atas Ulama'. Mengenai pengertian 'Alim' rujuklah kepada apa yang terdapat dalam kitab *'al-Kafi'* iaitu tentang penerangan sifat-sifat dan tugas-tugasnya supaya kamu tahu bahawa sifat ini tidak disebutkan kepada sesiapa sahaja semata-mata kerana pencapaian ilmu yang sederhana dan sedikit. Tetapi disana terdapat banyak syarat dan ketentuan yang menjadikan perkara itu sulit.

> "Sesungguhnya Mala'ikat akan melabuhkan sayap-sayapnya ke atas penuntut ilmu sebagai tanda meredhainya."

Ini adalah sindiran yang menunjukkan penghormatan, pembesaran dan pengagungan.

> "Siapa sahaja yang berada di langit dan di bumi sekali pun ikan paus yang berada di laut akan mengampunkan penuntut ilmu."

Ungkapan ini memerlukan penjelasan yang mendalam luar dan bidang perbincangan kita.

> "Kelebihan orang yang menuntut ilmu dikalangan hamba adalah seperti kelebihan bulan atas semua bintang di malam purnaina. .. ."

Maksudnya adalah jelas.

> "Sesungguhnya Ulama' adalah waris para Nabi..."

Ini adalah diantara kelebihan-kelebihan dan sifat-sif*at* terpuji bagi 'Ulama' sebagai tambahan kepada sifatsifat mereka yang telah digambarkan terlebih dahulu dalam hadith ini. Perwarisan 'Ulama' terhadap Nabi-nabi sesungguhnya merupakan satu kelebihan bila mereka mengambil tempat-tempat Nabi di segi memerintah orang ramai dan menguruskan semua urusan mereka.

Ada pun (ungkapan);

> "Sesungguhnya Nabi-nabi tidak meninggalkan (wang) dinar dan dirham...,"

yang terdapat dibahagian hujung hadith ini tidak bererti bahawa mereka tidak meninggalkan selain dari pengetahuan, syari'at dan undang-undang, tetapi ungkapan ini adalah bererti bahawa walau pun Nabi-nabi menjalankan semua urusan orang ramai serta mempunyai kuasa dan kerajaan di tangan-tangan mereka, namun tetap tidak terdapat kelobaan yang boleh membawa mereka sibuk dengan kesenangan-kesenangan hidup, mengumpul kebendaan dan mementingkan hiasan-hiasan hidup. Itulah cam gaya hidup sederhana yang ditunjukkan oleh Nabi-nabi dalam kuasa berada ditangan mereka seluruhnya. Berbeda sama sekali dengan pembaziran, bongkak dan membesarkan din yang ditunjukkan oleh sultan-sultan dan anggota-anggota kerajaan sekarang yang menjadikan pemerintahan itu sebagai alat untuk melakukan pengumpulan kekayaan secara sewenang-wenang dan haram.

Sesungguhnya kehidupan Nabi (s.'a.w) adalah ditahap sederhana. Baginda sendiri tidak mempunyai harta sedikit pun dalam kehidupannya. Baginda hanya meninggalkan pengetahuan yang merupakan semulia-mulia harta dan pengetahuan yang sumbernya ialah Wahyu Ilahi secara langsung. Sesungguhnya pengetahuan atau hadith telah pun disebutkan di dalam riwayat-riwayat ini sebagai sanggahan terhadap harta dan mata benda kehidupan.

DALIL-DALIL LAIN

KALAU kita menganggap bahawa riwayat-riwayat yang lalu hanya menuniukkan kepada peninggalan ilmu, peraturan-peraturan dan undang-undang sahaja dan Nabi (s.'a.w) tidak meninggalkan selain dari itu dan walau pun Nabi (s.'a.w) berkata,

"Ali adalah mewarisi ku," dan kita anggapkan bahawa ia tidak menuniukkan kekhalifahan 'Ali untuk memerintah dan kerajaannya, dalam tujuan ini maka kita terpaksa merujuk kepada dalil-dalil lain yang menunjukkan tentang kekhalifahan 'Ali bin Abi Talib ('a.s) serta pemerintahan ahll-ahli Fiqh.

DALIL-DALIL DARIPADA FIQH AL-RIDAWI

DI DALAM kitab *'Awa'id an-Niraqi*, halaman 186, hadith yang ketujuh, daripada al-Fiqh ar-Ridawi terdapat riwayat berikut,

> Kedudukan ahli-ahli Fiqh di masa ini adalah seperti kedudukan Nabi-nabi dari Bani Isra'il.

Pada dasarnya kita tidak menganggap setiap perkara yang terdapat di dalam al-Fiqh ar-Ridawi itu betul, tetapi tujuan kita mengambil hadith itu ialah untuk dijadikan sebagal satu sokongan terhadap tajuk perbahasan kita.

Yang dimaksudkan dengan Nabi-nabi dan Bani Isra'il itu ialah ahli-ahli Fiqh yang sezaman dengan Musa. Mungkin mereka dinamakan Nabi-nabi dan segi tertentu. Mereka mengikuti Musa dan berpegang dengan caranya dalam perlakuan dan tindakan mereka. Ketika Musa mengutus mereka ke sesuatu tempat, beliau mewakilkan mereka menjalankan urusan-urusan orang ramai di tempat-tempat mereka itu. Kita tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam dan teliti tentang hal mereka, tetapi kita tahu bahawa Musa ('a.s) sendiri adalah salah seorang Nabi danipada kalangan Nabi dan Bani Isra'il. Setiap apa yang dipertanggungjawabkan kepada Rasul al-Islam (s.'a.w) maka ia juga di pertanggungjawabkan ke atas Musa sebelumnya - sekali pun berbeda di segi martabat kehormatan - Kita fahami dan keumuman perkataan; m*anzilah* (kedudukan) yang tendapat didalam rwayat ini bahawa masalah negara yang dipegang oleh Musa itu adalah pemerintahan orang ramai dan masalah ini juga sabit pada'Ulama'.

HUJJAH LAIN;

DALAM kitab *Jami' al-Akhbar* Nabi dipetik sebagai bersabda,

> "Aku berbangga dengan 'Ulama' umat ku di Hari Qiamat. 'Ulama' umatku ialah seperti semua Nabi-nabi sebelum*ku."('Awa'id an-Niraqi*, petikan daripada *Jami 'al-Akhbar*, hal. 186, hadith yang ke-6)

Didalam kitab *Mustdrik al-Wasa'il* dipetik satu riwayat daripada al-Ghurar dengan kandungannya berbunyi seperti berikut,

> "Ulama' adalah pemerintah-pemenntah bagi orang ramai."

Dan ada dinukilkan juga dengan lafaz,

> "Orang-orang bijaksana di kalangan orang ramai."

Saya tidak menyangka itu betul kerana apa yang diriwayatkan daripada al-Ghurar adalah dengan lafaz,

Hukkamu ‘alan ‘nas (pemerintah-pemetintah kepada orang ramai).

Di sana terdapat lagi Hujjah-hujjah yang lain dan jenis ini.

R1WAYAT DALAM TUHAF AL-UQUL

DI DALAM kitab *Tuhaf a1’Uqul* terdapat suatu riwayat yang panjang di bawah tajuk ‘Perjalanan Urusan-urusan dan Undang-undang Di tangan’Ulama’ Di bahagian pertamanya terdapat Imam al-Husin (‘a.s) memetik daripada bapanya Amir al-Mu’minin mengenal apa yang telah diperkatakannya tentang menyuruh kepada yang ma’ruf dan menegah dari yang mungkar. Di bahagian keduanya terdapat satu ucapan yang ditujukan oleh Penghulu Para Syuhada’ (Syyedasy-Syuhada’) al-Husayn (‘a.s) kepada orang ramai di Mina, iaitu berkenaan pemerintahan ahIi-ahli Fiqh dan kewajipan-kewajipannya dalam memerangi orang-orang yang zalim di negara mereka, menghapuskan dan menggantikan tempat mereka dengan kerajaan Islam yang sah. Didalam ucapannyajuga al-Husin telah menyebutkan sebab-sebab mengapa ia mengistiharkan Jihad melawan kerajaan Umayyah yang zalim. Dan riwayat ini dapatlah diambil dua pengajaran; pertama, tentang pemerintahan ahli-ahli Fiqh dan kedua, ialah tentang betapa perlunya ahli-ahli Fiqh bangun membongkar keburukan pemerintah-pemerintah yang zalim, menggocang tahta-tahta mereka, membangkit dan menyedarkan orang ramai kemudian mengetuai mereka untuk menghancurkan cara-cara zalim dan menegakkan corak pemerintahan Islam yang sah di tempatnya. Cara-caranya ialah dengan berjihad, menyuruh kepada yang ma’ruf dan menegah dari yang mungkar. Berikut adalah teks (ucapannya),

“Wahai manusia, ambilah pengajaran (i’tibar) dan apa yang telah diperingatkan oleh Allah terhadap wali-waliNya mengenai buruknya pujian mereka ke atas al-Ahbar (pendita-pendita Yahudi dan Kristian)bila Dia berfirman(maksudnya):

“Mengapa orang-orang alim mereka, pendita-pendita mereka tidak melarang mereka mengucapkan perkataan bohong dan memakan yang haram?

Sesunggunya amat buruk apa yang telah mereka kerjakan itu.” [al-Ma ‘idah: 63]

Dan Allah berfirman lagi (maksudnya): Telah dila’nati orang-orang Kafir dari Bani Isra’il dengan lisan Daud dan ‘Isa putra Maryam. Yang demikian itu disebabkan mereka durhaka dan selalu melampaui batas. [al-Ma’idah: 78]

dan firmanNya (maksudnya): Mereka satu sama lain selalu tidak melarang tindakan mungkar yang mereka perbuat. Sesungguhnya amat buruklah apa yang selalu mereka perbuat itu. [al-Ma’idah: 79] Sesungguhnya Allah mencerca sedemikian rupa ke atas mereka kerana mereka melihat kemungkaran dan keburukan yang dilakukan oleh orang-orang yang zalim di kalangan mereka dan mereka tidak menegahnya lantaran sukakan kepada apa yLing mereka perolehi daripada orang-orang zalun itu dan takut kepada apa yang mereka pertakutkan Allah juga berfirman (maksudnya):

“Kerana itu janganlah kamu takut kepada manusia (tetapi) takutlah kepada Ku.” [al-Maidah 44]

dan firmanNya lagi (maksudnya):

“Dan orang-orang beriman, lelaki dan perempuan, sabahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lam. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma’ruf, mencegah dari yang mungkar.”[al-Taubah : 71]

Allah memulakan dengan menyuruh kepada yang ma’ruf dan menegah dari yang mungkar’ sebagai satu kewajipan dariNya kerana Dia tahu bahawa ianya bila ditunai dan dilaksanakan maka tertegaklah semua kewajipan, yang senang maupun yang susah. Ini disebabkan menyuruh kepada yang ma’ruf dan menegah dari yang mungkar itu ialah bermakna seruan kepada Islam di samping menolak kezaliman, menentang orang yang zalim, membahagi-bahagikan cukai dan harta rampasan juga memungut zakat-zakat daripada tempat-tempatnya dan bahagi-bahagikannya kepada orang-orang yang berhak menerimanya.

Sebagai kumpulan yang termasyur dengan pengetahuan, disebut-sebut kerana kebaikan, dikenali kerana nasihat yang baik, dihormati oleh orang ramai kerana kurniaan Allah keatas kamu dan dimuliakan oleh orang yang lemah, dimuliakan oleh orang yang tidak ada kepentingan dan tiada kuasa kamu ke atas mereka, membantu dalam menyampaikan setiap kehendak bila ia tersekat dari penuntutnya, barlalu di jalan dengan kehormatan raja dan kemuliaan pembesar-pembesar, sudahkah semuanya im kamu perolehi agar kamu dapat menegakkan hak Allah seperti yang diharapkan kepada mu, sekali pun kamu gagal mencapai kebanyakan hak ini ? Kamu telah meringan-ringankan hak bangsa dan melenyapkan hak-hak orang ramai yang lemah. Kamu menuntut apa yang kamu sangkakan sebagai hak kamu, tiada harta yang kamu belanjakan dan kamu tidak merasa takut dengannya kepada yang menjadikannya serta tiada suku yang jadi musuh kerana Allah. Kamu mengharapkan syurga sdari Allah, menjadi jiran Rasul-rasulNya dan selamat dari seksaanNya. Saya bimbang keatas kamu wahai orang-orang yang mengharapkan Sesuatu dan Allah bahawa kemurkaan Allah akan menimpa kamu kerana dengan kemuliaan Allah kamu telah mencapai kedudukan yang kaniu menjadi mulia dengannya, orang yang mengenali Allah tidak kamu muliakan dan kamu muliakan hamba-hamba Allah beserta denganNya. Kamu melihat janji-janji Allah telah dicabuli tetapi kamu tidak gementar sepertimana kamu merasa gementar terhadap cacian bapa-bapa kamu bila janji-janji Rasulullah (s.’a.w) dihina. Orang buta, bisu dan orang-orang yang sakit di bandar-bandar dilupakan tanpa belas kasihan. Kamu tidak bertindak menurut tuntutan kedudukan kamu dan tidak membantu sesiapa. Melalui pujukan dan pujian kamu telah memperolehi kententeraman dari orang-orang zalim. Semuanya ini adalah diantara perkara-perkara yang telah di perintahkan oleh Allah kepada kamu supaya mencegah dan menghentikannya tetapi kamu melupakannya. Dengan kedudukan Ulama’ yang diperolehi itu kamu adalah merupakan orang yang paling malang jika kamu mendengar. Ini adalah kerana perjalanan semua perkara dan undangundang adalah ditangan’Ulama’ Allah yang merupakan pemegang amanah dalam masalah halal dan haramNya. Kamu telah menafikan kedudukan ini dan kamu telah menafikannya dengan perpecahan kamu dari kebenaran dan percanggahan kamu terhadap Sunnah setelah adanya keterangan yang nyata. Sekiranya kamu sabar menghadapi kesakitan dan sanggup memikul tanggungjawab semata-mata kerana Allah maka semua urusan Allah akan dikembalikan kepada kamu, akan dikeluarkan daripadamu dan akan dirujukkan kepada mu. Tetapi kamu telah membenarkan orang-orang zalim menduduki tempatmu dan kamu telah menyerahkan urusan-urusan Allah ke tangan mereka dan mereka bekerja dengan meragukan dan

menurut hawa nafsu. Pelarian kamu dari mati dan keghairahan kamu dengan kehidupan telah membolehkan mereka menguasai perkara tersebut. Kamu telah menyerahkan orang-orang yang lemah ke tangan mereka. Terdapat orang-orang yang diperhambakan dan orang-orang yang lemah ditindas. Mereka menukarkan pemerintahan dengan pemikiran-pemikiran mereka, merasai kehinaan dengan hawa nafsu mereka sebagai turutan dan keburukan-keburukan dan tentangan terhadap kekuasaan. Di setiap negeri terdapat seorang jurucakap mereka yang lantang di atas mimbar. Bumi luas terbuka dan kuasa mereka telah tersebar. Orang ramai bagi mereka adalah hamba dan mereka tidak mampu menolak tangan penzalim.

Diantara kuasa yang angkuh dan orang-orang yang terpaksa menempuh kesusahan terdapat orang-orang yang terlalu ditaati dan tidak diketahui permulaan dan kesudahannya. Apa yang menghairankan dan saya (sebenarnya) tidak merasa hairan (dengannya) ialah bila bumi dikuasai oleh penipu yang zalim, pembantu-pembantu zalim dan pekerja-pekerja yang tidak ada (rasa) belas kasihan terhadap orang-orang Mu'min. Allahlah hakim keatas apa yang kita pertikaikan ini dan menghukum perkara yang kita perbalahkan dengan hu-kumanNya.

> "Ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Mengetahul bahawa apa yang kami lakukan ini bukanlah untuk berlumba-lumba mendapatkan kuasa dan memperolehi kelebihan-kelebihan kebendaan, tetapi adalah untuk mengembalikan petunjuk-petunjuk agamaMu dan melahirkan pembaharuan di bumiMu, menyelamatkan orang-orang yang dizalimi di kalangan hamba-hambaMu, mengerjakan perkara-perkara wajib Sunnat dan undang-undang Mu. Sekiranya Engkau tidak membantu dan menjadikan kami adil maka akan kuatlah orang yang zalim serta orang-orang yang bekerja untuk memadamkan cahaya Nabi-nabiMu. Ganjaran kami adalah di sisi Allah, ke atasNya kami berserah, kepadaNyalah kami bertaubat dan KepadaNyalah kami kembali."

Imam al-Husin berkata,

> "Wahai manusia, ambillah pengajaran dari apa yang telah diperingatkan oleh Allah terhadap wali-waliNya tentang buruknya pujian mereka ke atas pendita-pendita Yahudi dan Kristian."

Ucapan ini tidak dikhususkan kepada orang yang dihadapi dan dipertuturkan dari kalangan orang-orang yang menghadiri majlisnya sahaja, atau orang-orang yang berada di Mina, atau pun manusia seluruhnya yang ada di masa itu, tetapi ianya adalah umum merangkumi semua manusia dalam setiap zaman dan tempat. Disegi keumuman dan kandungannya yang menyeluruh itu maka ia adalah setanding dengan firman Allah Ta'ala yang berulang-ulang didalam al-Qur'an iaitu (wahai manusia). Dan yang dimaksudkan dengan wali-wali dalam ungkapan ini ialah 'Ahlullah' yang merupakan orang-orang yang memikul tanggungjawab-tanggungjawab mereka yang tertentu. tanya bukanlah bermaksud Imam-imam ('a.s) Allah berfirman (maksudnya):

> "Mengapa orang-orang alim mereka, pendita-pendita mereka tidak melarang mereka mengucapkan perkataan bohong dan memakan yang haram? Sesungguhnya amat buruk apa yang telah mereka kerjakan itu."

Adalah jelas bahawa celaan dan cacian ini tidak dikhususkan kepada 'Ulama' Yahudi dan Kristian sahaja malah ia merangkumi juga 'Ulama' Islam apabila mereka mendiamkan din terhadap tindakan-tindakan kejam dan zalim yang mereka lihat. Dan jelas bahawa celaan dan cacian ini tidak dikhususkan kepada generasi terdahulu dari kalangan 'Ulama', tetapi juga terhadap generasi-generasi yang lepas, semasa dan yang akan datang. Dalam hal ini mereka adalah sama sahaja. Imam Amir al-Mu'minin ('a.s) telah bersaksikan al-Quran untuk mengingatkan Ulama' Islam dan mengajak mereka supaya mengambil pengajaran, bangkit dan menunaikan kewajipan menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar, menolak kezaliman dan menegah penubuhannya serta berdiam diri terhadapnya.

Dalam penyaksiannya melalui ayat yang mulia ini, Imam telah menunjukkan dua perkara yang penting;

1. Sesungguhnya mengundur dan berdiam diri di kaIangan Ulama' itu adalah merupakan suatu yang lebih buruk daripada pengunduran dan berdiam diri orang yang lain dari mareka. Keburukan pergeseran atau kema'siatan yang muncul dari orang biasa pada kebiasaannya bahayanya tidak melebihi daripada dirinya sendiri dalam mana pergeseran dan sikap berdiam diri terhadap kezaliman yang lahir dari orang yang alim pula adalah merupakan keburukan yang besar ke atas Islam seluruhnya. Apabila ia mengerjakan kewajipannya dengan bentuk yang sempurna dan memperkatakan apa yang harus diperkatakannya maka faedahnya juga akan kembali kepada Islam seluruhnya.

2. Memberi keperihatinan yang berat terhadap katakata keji dan memakan benda haram memandangkan kedua-duanya adalah diantara kemungkaran yang keji dan mungkin ianya lebih berbahaya daripada semua kemungkaran dan wajib memeranginya dengan bersungguh-sungguh. Setengah-setengah kata-kata atau penjelasan yang lahir dari agensi-agensi pemerintah yang zallin adalah lebih buruk dan berbahaya terhadap Islam dan ketinggiannya disebabkan polisi mereka yang menyeleweng dan tindakan-tmdakan mereka yang buruk juga tidak sah. Didalam ayat ini Allah mencela setiap orang yang berdiam diri terhadap kata-kata yang keji dan tidak menolaknya atau cuba mengubahnya. Allah menyeru supaya mendustakan setiap orang yang mendakwa jadi khalifah Allah tanpa hak atau mendakwa bahawa ia mewakili agama dalam timdakan-tindakan dan perlakuannya yang. bercanggah dengan undang-undang agama atuu pun mendakwa dirinya adil pada hal tidak terdapat pun keadilan darinya. Terdapat juga dalam satu hadith,

“bila lahir bid’ah dikalangan umatku,
maka orang alim mesti menunjukkan ilmunya,
jika tidak maka la’nat Allah akan ditimpakan keatasnya.”

Percanggahan orang alim dengan ahli al-Bid’ah serta penerangannya mengenai undang-undang Allah, pengajaran-pengajaran yang menentang golongan bid’ah, zalim dan pendurhaka akan membawa orang awam untuk menemui semula keburukan sosial hasil dari kezaliman pemerintah-pemerintah yang khianat, fasiq dan kafir di samping membawa manusia selepas itu untuk menentang dan membenteras atau mendurhakai mereka juga pemerintah-pemerintah mereka yang lahir dan sikap-sikap khianat, zalim dan jahat. Dengan pendirian pendiriannya yang pejal dan teguh ini orang-orang alim akan mengepalai operasi mencegah dari yang mungkar yang akhirnya orang ramai akan mengikutinya berserta kelompok dan kumpulan mereka untuk melawan kuasa yang menyeleweng, sehingga apabila kuasa itu tidak kembali dari kesesatannya dan tidak melakukan apa yang diperintahkan oleh Allah, sengaja menggunakan senjata dalam menghadapi orang ramai maka pada ketika itu orang ramai akan menganggapnya sebagai satu puak yang zalim dan masyarakat wajib memeranginya hingga kuasa itu kembali kepada Allah.

Kini kamu tidak mempunyai kuasa untuk melawan bid’ah pemerintah, atau menolak keburukan ini sepenuhnya, tetapi kenapa diam membisu? Pemerintah-pemerintah ini sedang mencaci kamu. Sebab itu sekurang-kurangnya

hendaklah kamu bersuara dengan lantang di depan mereka. Bantahlah, tolaklah dan dustakanlah mereka. Disebalik cara-cara penyebaran dan pengetahuan yand mereka miliki maka bagi pihak kamu mestilah juga ada sesuatu cara dari cara-cara itu untuk kamu boleh mendustakan apa yang mereka sebar dan tiupkan dengan tujuan untuk menunjukkan apa yang mereka dawakan sebagai keadilan itu sebenarnya bukanlah dari keadilan Islam sedikit pun. Keadilan Islam yang telah dianugerahkan oleh Allah kepada individu, masyarakat dan keluarga sesungguhnya telah disusunkan dan disyari'atkan dengan terperinci sejak dari awal lagi. Wajiblah ada pada kamu suara yang boleh didengar supaya jenerasi akan datang tidak berpegang kepada sikap membisu kamu yang telah membenarkan tindakan-tindakan orang yang zalim seperti kata-kata keji, memakan benda haram dan memakan harta-harta orang ramai dengan cara batil.

Dan pemikiran yang lebih sempit lagi di sisi setengah-setengah orang ramai ketika menggambarkan maksud memakan benda haram hanya tertumpu kepada pengurangan dalam timbangan dan sukatan - berlindunglah dengan Allah - dan tidak melihat permakanan benda haram yang berlaku dengan cara-cara kotor yang lain seperti menggelapkan harta-harta rakyat seluruhnya dan menelan harta Baitul Mal semuanya. Mereka mencuri minyak kita dan menjualkannya di pasar-pasar monopoli asing dibawah nama pelaburan. Dengan cara ini mereka akan memperolehi kekayaan yang tidak sah. Beberapa negara asing membantu mengeluarkan minyak kita dan memasarkannya. Sebagai balasan, mereka memberikan satu ganjaran yang kecil kepada kerajaan boneka mereka di mana ganjaran itu juga akan dikembalikan semula kepadanya dengan segala cara yang memungkinkan. Manakala ianya sampai kepada perbendaharaan negara maka hanya Allah sahaja yang mengetahui bagaimana, bila dan dimana ianya digunakan dan dibelanjakan ? Ini sebenarnya adalah satu cara penggelapan mengikut taraf antarabangsa. Ianya merupakan kemungkaran yang terkutuk dan merbahaya dan tidak ada yang lebih terkutuk, bahaya dan mungkar darinya. Berhati-hatilah terhadap keadaan masyarakat kita, tindakan-tindakan kerajaan serta agensi-agensinya, supaya nyata pada kamu akan cara-cara yang terkutuk disegi penggelapan haram ini. Bila berlaku gempabumi di suatu tempat tertentu maka pemerintah dahulu yang mengambil harta yang banyak sebelum mangsa-mangsa memperolehinya. Di dalam perjanjian-perjanjian dan perikatan termeterai di antara pemerintah-pemerintah khianat dengan negara-negara atau syarikat-syarikat asing, berjuta-juta ringgit mencurah masuk ke poket para pemerintah dan berjuta-juta yang

lainnya mencurah kepoket orang-orang asing. Sementara anak-anak bangsa tidak mendapat apa-apa dari kekayaan negara mereka. Inilah bentuk penggelapan yang berlaku di belakang pendengaran dan penglihatan kita, juga apa yang tidak banyak kita ketahui mengenainya. Contoh ini telah berlaku dalam perjanjian-perjanjian perdagangan, hakhak istimewa mencarigali dan mengeluarkan minyak, keizinan-keizinan resmi dalam pelaburan perhutanan dan semua sumber-sumber asli, perjanjian-perjanjian pembinaan atau perkara-perkara yang berhubung dengan masalah perhubungan dan penjualan senjata-senjata daripada penjajah Barat atau komunis.

Kita mesti menentang penggelapan haram dan perampasan terhadap kekayaan-kekayaan negara. Ini wajib ke atas semua orang. Tetapi tugas 'Ulama' dalam ha! ini adalah lebih berat dan lebih penting. Dalam perjuangan yang suci dan kewajipan yang mendesak ini, kita wajib mendahului semua orang dengan kebijaksanaan tanggungjawab dan kedudukan kita. Sekali pun di hari ini kita kehilangan kuasa untuk menentang dan melawan pengkhianat-pêngkhianat juga penggelap-pengglap secara haram, perampas-perampas harta rakyat dan menjatuhkah hukuman keatas mereka namun kita mestilah berusaha untuk menjayakannya dengan segala cara yang disahkan oleh syara'. Sekurang-kurangnya kita tidak bimbang - dengan kekuatan seperti ini dalam perjalanan kita untuk menyatakan kebenaran-kebenaran dan mendedahkan tindakan-tindakan mencuri dan merampas yang telah didedahkan oleh negara. Tetapi apabila kita telah mempunyai kekuatan maka kita tidak boleh lagi berpuashati setakat memperbaiki ekonomi dan memerintah orang ramai dengan adil malah kita mestilah juga mengenakan balasan buruk (yang setimpal) kepada pengkhianat-pengkhianat yang bersalah sejajar dengan apa yang telah mereka lakukan.
Sesungguhnya mereka telah membakar Masjid al-Aqsa. Kita melaungkan "Biarkan kesan-kesan jenayah itu kekal."

Dalam masa yang sama Shah membuat perjanjian bertulis dengan bank-bank untuk membina dan memperbaiki semula Masjid al-Aqsa. Dengan cara ini dia memenuhkan saku-saku dan simpanannya serta menambah hartanya. Selepas memperbaiki masjid itu dapatlah ia menudung dan menutup semua kesan-kesan jenayah Zionis.Bencana-bencana ini telah mengelilingi umat dan membawanya kepada kesudahan seperti ini. Tidakkah menolak dan menentang? "Mengapa orang-orang alim mereka, pendita-pendita mereka tidak

melarang mereka mengucapkan perkataan bohong dan memakan yang haram ?”

Kemudian Imam mengatakan,

“Sesungguhnya Allah mencerca sedemikian rupa keatas mereka kerana mereka melihat kemungkaran dan keburukan yang dilakukan oleh orang-orang yang zalim di kalangan mereka dan mereka tidak mencegah lantaran sukakan kepada apa yang mereka perolehi daripada orang-orang zalim itu dan takut kepada apa yang mereka pertakutkan."

Sesungguhnya Allah mencela orang yang mengabaikan daripada menyuruh kepada yang ma’ruf dan mencegah dari yang mungkar disebabkan takut dan haloba, Allah berfirman (maksudnya):

“Dan janganlah kamu takut kepada manusia dan takutilah Aku.”

Kenapa takut ? Biarlah dipenjara, dibuang negeri dan dibunuh. Sesungguhnya wali-wali menjualkan diri mereka semata-mata mencari keredhaan Allah.

“Orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lam. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma’ruf, mencegah dari yang mungkar, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat dan taat kepada Allah dan RasülNya.”

Kemudian Imãm mengatakan,

"Allah memulakan dengan ‘menyuruh kepada yang ma’ruf dan mencegah dari yang mungkar sebagai satu kewajipan dariNya, kerana Dia tahu bahawa bila ianya ditunai dan dilaksanakan maka tertegaklah semua kewajipan, yang senang maupun yang susah. Ini kerana menyuruh kepada yang ma’ruf dan mencegah dari yang mungkar itu adalah menyeru (seruan) kepada Islam disamping menolak kezaliman, menentang orang-orang yang zalim, membahagi-bahagikan cukai, harta rampasan dan memungut zakat-zakat daripada tempatnya dan membahagi-bahagikannya kepada orang yang berhak menerimanya.”

Kerana kebesaran-kebesaran inilah Islam mensyari'atkan kewajipan-kewajipan menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar, bukan kerana kecilnya perkara-perkara itu semata-mata seperti apa yang kita lihat dan dengar hari-hari sekali pun kita mesti mengingkari dan mencegahnya.

Apakah yang boleh memburukkan kalau 'U1ama' bangkit dan bersatu dalam menghadapi kezaliman? Apa buruknya kalau mereka menentang beramai-ramai dan mengutus telegram-telegram dan segenap pelusuk dunia Islam untuk menolak perbuatan-perbuatan zalim yang dilakukan oleh pihak-pihak berkuasa? Dengan itu kuasa-kuasa tersebut akan mengaku kalah di bawah tekanan yang sangat besar itu sebab mereka sebenarnya adalah penakut sepertimana yang saya kenali, tetapi bila mereka tahu kita mempunyai kelemahan maka mereka terus mara dan merempuh.

Bila Ulama' telah bersatu dan orang ramai dan setiap pelusuk negara menyokong mereka maka kerajaan akan mengundurkan din dari tempatnya secara beransur-ansur, kemudian ia mula menanamkan benih-benih perpecahan dan persengketaan di kalangan kita. Hasilnya kerajaan menjadi berani dan terus melakukan apa sahaja yang disukainya dan memilih orang-orang yang tidak mempunyai apa-apa didalam pemerintahannya.

Tentang menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dan yang mungkar itu adalah sebagai seruan kepada Islam disamping menolak kezaliman dan menya-nggah orang yang zalim maka haruslah dihalakan sebesar-besar penentuan mengenai suruhan dan tegahan kepada orang-orang yang membazirkan jiwa-jiwa, harta-harta dan hak milik orang ramai. Setengah-setengah perbuatan melesapkan dan menyauk derma-derma bantuan mangsa banjir dan bah atau gempa bumi dipaparkan di muka hadapan setengah-setengah akhbar. Salah seorang 'Ulama' dari Milayir berkata,

> "Kami telah menghantar sebuah kereta yang penuh berisi dengan muatan garam dalam satu kejadian yang telah meragut banyak korban. Tetapi pihak yang bertanggungjawab telah menyekat kami dari menyerahkannya dan sebaliknya mereka yang hendak memakannya! Maka datanglah penegasan menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dan yang mungkar keatas perkara ini, juga kejahatan yang seumpamanya."

Sekarang saya menyoal kamu,

> “Tidakkah kita mengambi! pengajaran dari ucapan Imam bila ia mengatakan : Wahai orang ramai bukankah kita sebahagian dari manusia? Tidakkah ucapan ini merangkumi kita? Adakah ucapan-ucapan Imam itu terbatas kepada sahabat-sahabat dan orangorang yang sezaman dengannya sahaja ?“

Telah pun saya katakan bahawa ajaran Imam-imam adaIah seperti ajaran al-Qur’an juga. Tidak dikhususkan kepada satu generasi tertentu tetapi ianya adalah ajaran untuk semua manusia pada setiap masa dan tempat. Malah ianya wajib dilaksanakan dan diikuti hingga ke hari Qiamat. Sebagaimana tercelanya ‘Ulama’ ‘ulama’ dan pendita-pendita disebabkan kebisuan mereka yang tidak mendatangkan kebaikan maka demikianlah juga tercelanya ‘ Ulama’ bila mereka membisu terhadap kezaliman serta tidak menolak atau mencuba mengubahnya dengan seluruh kemampuan yang diberikan kepadanya.

Imam meneruskan perbicaraannya kepada orang ramai dan menghalakan setengah-setengah kecaman kepada mereka dengan berkata,
“Orang buta, tuli dan sakit yang berada di Bandar-bandar akan
dilupakan dan kamu tidak dapat membantu mereka.”

Adakah kamu manyangka bahawa apa yang digembar-gemburkan oleh pusat-pusat penerangan itu betul Semuanya? Kamu pergilah ke kampung-kampung dan luar bandar, hampir kamu tidak akan mendapati sebuah pun pusat kesihatan atau hospital bagi tiap-tiap seratus atau dua ratus kampung. Mereka tidak memikirkan masalah kelaparan dan tiada pakaian, tidak membenarkan mereka berfikir dan tidak membenarkan Islam menyelesaikan problem mereka. Islam - seperti yang kamu tahu -telah pun (sebenarnya) dapat menyelesaikan problem kemiskinan dan setabil di zaman permulaannya lagi,

“Sesungguhnya zakat-zakat itu adalah untuk orang-orang faqir……”

Sesungguhnya Islam telah menyusun dan mengatur perkara tersebut, tetapi mereka tidak membenarkan orangorang Islam mengikut (ajaran) Islam walau apa cara sekali pun.

Umat hidup dalam keadaan sengsara sementara pihak berkuasa terus memboroskan harta-harta dan menaikkan cukai-cukai, membeli kapal-kapal

terbang Phantom untuk melatih orang-orang Isra'il, pada hal di masa yang sama Isri'il sedang berperang dengan orang-orang Islam. Oleh itu setiap orang yang menolong dan membantunya maka ia dengan peranannya itu juga adalah di dalam keadaan memerangi orang-orang Islam. Sesungguhnya pengaruh orang-orang Isri'il telah sampai kesatu tahap yang tidak dapat disekat lagi sehingga askar-askarnya menjadikan bumi kita sebagai pengkalan-pengkalan dan pasar-pasar untuk barang-barang mereka yang mana akan membawa kepada kemunduran pasar-pasar orang Islam secara beransur-ansur.

Begitulah seterusnya, kamu dapati bahawa semua hadith itu berkisar disekitar 'Ulama' Allah secara umum dan tidak dikhususkan pengertian 'Ulama' Allah itu dengan Imam-imam('a.s) kerana 'Ulama' Islam adalah merupakan 'Ulama' Allah *bersifat* rabbani dan manjaga ketentuan-ketentuan Allah serta pemegang amanah dalam masalah halal dan haramnya.

Ketika Imam mengatakan, "Sesungguhnya perjalanan semua urusan dan undang-undang adalah di tangan 'Ulama' Allah yang merupakan pemegang amanah dalam masalah halal dan haramnya,"

beliau tidak menujukannya kepada 'Ulama' dalam generasi itu semata-mata bahkan ia juga bermakna 'Ulama' umat seluruhnya. Bila 'Ulama itu merupakan pemegang amanah dalam masalah halal dan haram disamping mereka menghimpunkan *sifat* adil dan baik perlakuan, maka teruslah semua perkara, terdirilah ketentuan-ketentuan dan terbunuhlah sistem agama dengan kebolehan-kebolehan mereka tanpa kesusahan, kehinaan kelaparan dan meninggalkan undang-undang.

Hadith ini adalah diantara penyokong-penyokong perbincangan kita. Kalaulah sandarannya tidak Iemah nescaya kita menganggapnya sebagai dalil paling kuat bagi tajuk kita sekali pun kita tidak mengatakan bahawa kandungan-kandungannya menunjukkan kebenaran sumbernya daripada Imam al-Husayn ('a.s) yang ma'sum.

Di sini kita akhiri perbincangan tajuk pemerintahan ahli-ahli Fiqh. Kita tidak perlu memasuki cabang-cabang perbincangan seperti menggariskan cara memungut cukai dan dengan cara mana ketentuan ditegakkan. Seterusnya itu adalah perbincangan-perbincangan cabangan sahaja yang tidak ada ruang baginya untuk dimasukkan dalam perbincangan ini. Sesungguhnya kita telah

pun membahaskan intipati tajuk iaitu mengenai pemerintahan ahli-ahli Fiqh atau kerajaan Islam, dan nyata kepada kita bahawa apa yang sabit bagi Rasulullah (s.a.w) dan Imam-imam (a.s) maka ia juga sabit bagi ahli-ahli Fiqh. Tidak ragu lagi tentang jelasnya perkara tersebut dan ianya bukanlah suatu perkara yang baru yang sengaja kita ada-adakan, tetapi masalah ini telah dibincangkan dari awal-awal lagi. Ketika al-Marhum Mirza asy-Syirazi menghukumkan haram tentang at-Tanbak - maka hukumannya itu adalah lahir dari sikap pemerintahan ahli-ahli Fiqh yang umum terhadap orang ramai dan para Fuqaha' yang lainnya. Ahli Fiqh Iran - dengan mengecualikan sebahagian kecil dari mereka - telah diwajibkan dengan hukum-hukum ini. Keputusan ini bukanlah merupakan hukuman terhadap persengketaan atau perbalahan di-antara dua pihak tetapi adalah merupakan keputusan kerajaan demi menjaga kepentingan-kepentingan orang Islam dengan berdasarkan kepada masa, suasana dan senjata. Dengan terangkatnya keadaan ini maka tarangkatlah hukum itu. Ketika al-Marhum Mirza Muhammad Taqi asy-Syirazi memberi fatwa tentang jihan – pertahanan dan diikuti oleh Ulama lain dalam perkara itu, hukumannya adalah lahir dari sikap kerajaan dan kuasa perundangannya yang umum.

Saya telah pun menyebutkan kepada kamu bahawa al-Marhum an-Niraqi dari golongan muta'akhkhirin berpendapat bahawa semua urusan Rasulullah (s.a.w) adalah sabit bagi ahli-ahli Fiqh di samping mengecualikan urusan-urusan khususnya yang mesti dikecualikan. Al-Marhum asy-Syeikh an-Na'ini pula berkata,

"Tajuk ini semua diambil pengajarannya daripada
penerimaan Umar bin Hanzalah."

Pada umumnya tajuk ini bukanlah baru, memadai dengan mendekatkan tajuk kerajaan *Syar'iyyah* kepada pemimpm-pemimpin agung demi mematuhi perintah Allah melalui kitabNya dan lidah NabiNya (s. 'a.w). Kita telah menerangkan perkara-perkara yang sangat diperlukan dalam hidup kita. Tetapi tajuk ini adalah tajuk yang telah pun difahami dan diyakini oleh kebanyakan orang.

Kita telah pun membentangkan tajuk ini untuk perbincangan dan jenerasi akan datang mestilah mendalaminya dengan bersungguh-sungguh, tekun dan

semangat yang tabah dan tiada jalan untuk berputus asa serta putus harapan terhadapnya. Mereka akan berjaya dengan izin Allah untuk membentuk kerajaan dan menyusun semua urusan dengan cara bertukar-tukar pendapat secara jujur, objektif dan suci. Dengan izin Allah semua kerja kerja kerajaan Islam akan terserah ke tangan orang-orang yang amanah, mengetahui, mahir dan bijaksana juga mempunyai aqidah yang jelas. Tangan-tangan pengkhianat yang dihulurkan kepada kerajaan, negara atau Baitul Mal orang-orang Islam akan dipotong. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa untuk membantu mereka.

MELALUI PERJUANGAN UNTUK MEMBENTUK KERAJAAN ISLAM

KITA mestilah berusaha bersungguh-bersungguh untuk membentuk kerajaan Islam. Kita mestilali memulakan tugas kita dengan kegiatan-kegiatan proganda dan memperkembangkannya. Diseluruh dunia menurut peredaran masa sesungguhnya pemikiran-pemikiran hanya lahir dikalangan kelompok-kelompok tertentu sahaja, kemudian menyusun dan merencana. Memulakan kerja dan cuba menyebar dan memperkembangkan pemikiran-pemikiran ini kepada orang lain untuk memujuknya secara beransur-ansur. Kemudian mereka mempengaruhi kerajaan dari dalam untuk mengubahnya menurut kehendak pemikiran dan penganjuran fahaman tersebut atau (kalau tidak mungkin dengan cara ini maka dengan cara) melanggar dari luar untuk mencabut dan mengambilalih kerajaan itu dengan membina satu kerajaan lain berasaskan kepada pemikiran Islam tersebut. Pikiran-pikiran bermula dari kecil dan berkembang, kemudian orang ramai berhimpun di sekelilingnya, ia mendapat kekuatan dan seterusnya mengambilalih pimpinan dan pentadbiran. Kekuatan bukanlah - seperti yang kamu ketahui sekutu pemikiran path mulanya. Mengenai ini semuanya, orang ramai dengan segala kekuatannya mesti mendapatkan asas yang kukuh dimana dengannyalah dia bertahan dan percaya disamping usaha yang gigjh untuk menyedarkan orang ramai. Dengan mendedahkan rancangan jenayah, mendedahkan penyelewengan yang berlaku dikalangan pemerintahpemerintah semasa, menyempurnakan penggabungan orang ramai serta seluruh rakyat dan kemudian mencapai matlamat.

Di hari ini kamu tidak mempunyai kerajaan dan tentera. Tetapi kamu boleh menganjurkan seruan kerana musuh kamu tidak akan dapat menyekat keupayaan untuk berda’wah, menunjuk dan menyampaikan disamping

menerangkan masalah-masalah ibadat. Kamu juga mesti menerangkan kepada orang ramai tentang masalah politik dalan Islam, undang-undang keadilan, jenayah, ekonomi. sosial dan mengambilnya sebagai teras bagi kerja kamu. Kita mesti berusaha dari sekarang üntuk meletakkan batu asas bagi kerajaan Islam yang sah, berda'wah dan menyebarkan pemikiran, mengeluarkan pengetahuan-pengetahuan kita, mendapatkan penyokong-penyokong dan pendokong-pendokong serta melahirkan ombak, pemandu yang sedar, petunjuk yang kemas bagi orang ramai supaya dapat menghasilkan pengembalian tindakan secara kolektif dimana kesannya boleh melahirkan masyarakat Islam yang berpegang dengan agamanya dan berseclia sepenuhnya untuk memikul tanggungjawab pembentukkan kerajaan Islam.

Abli Fiqh mesti menerang dan memperkatakan semua masalah, undang-undang dan peraturan Islam kepada orang ramai demi melahirkan tapak yang baik agar peraturan dan undang-undang Islam boleh hidup terus di atas hamparannya. Seperti yang kamu telah ketahui bahawa dalam hadith tersebut terdapat kata-kata Rasulullah (s.a.w), *"Mereka mengerjakannya kepada orang ramai".*

Tanggungjawab kita kini, waktu di mana seluruh kekuatan penjajah dan kuncu-kuncunya dari kalangan pemerintah-pemerintah khianat, Zionist dan Materialist yang tidak bertuhan sedang berkerjasama untuk memutarbelitkan dan mengabui Islam adalah satu tanggungjawab yang lebih berat dari masa yang lalu. Sekarang kita dapati Yahudi sedang mencampurkan al-Qur'an dan memutarbelitkan ayar-ayat dari kedudukannya di dalam cetakan-cetakan al-Qurin yang baru. Mereka menyebarkannya di bumi yang mereka duduki dan lain-lain. Kita mesti mendedahkan pengkhianat tersebut, melaungkan dengan lantang hingga kita dapat memahamkan orang ramai bahawa Yahudi dan pemimpin-pemimpin asing mereka hendak menjerat Islam dan membina jalan untuk mereka menguasai seluruh alam ini dan ditakuti perkara yang lebih menakutkan lagi bahawa mereka akan mencapai cita-ciatnya dengan cara yang tersendiri. Disebabkan kelemahan kita, di suatu hari nanti kita akan dapati bahawa pemerintahan Yahudi akan memerintah negara kita semoga tidak diperkenankan Allah. Disegi lain pula sesungguhnya Orientalist telah berkerjasama dengan insttitusi-institusi penjajah dan mereka bekerjasama untuk memutarbelitkan hakikat-hakikat Islam dan merosakkannya. Penda'wah-penda'wah penjajah bertungkus lumus untuk menyesatkan belia-belia kita setiap pelusuk negara dengan kesesatan mereka dan memisahkannya dari kita. Saya tidak mengatakan bahawa mereka cuba untuk mengkristiankan atau

meyahudikannya, tetapi cukup sekadar mereka dapat berusaha merosakkan dan menjadikannya menolak agama serta bersikap tidak ambil peduli. Terlaksananya perkara ini dan yang seumpamanya sudah memadai buat penjajah sebagai suatu kejayaan.

Pusat-pusat gereja Kristian, Yahudi dan Baha'i telah tersebar di Tehran untuk menyesatkan orang ramai dan memisahkan mereka dari pengetahuan juga dasar-dasar agama. Tidakkah menghancurkan pusat-pusat ini sebagai sebahagian daripada kewajipan kita? Cukupkah dengan hanya kita memiliki an-Najaf - yang (sebenarnya) kita juga tidak memilikinya? Adakah kita hanya menetap di Qom untuk membanyakkan upacara-upacara perkabungan atau mesti berusaha dengan gigih dan bersungguh-sungguh untük menyedarkan orang ramai? Kamu adalah belia-belia institusi-institusi agama, hiduplah kamu dan berkerjalah kamu untuk menghidupkan perintah Tuhanmu dan memelihara peraturan-peraturanNya. Wahai jenerasi muda, bersatulah dan berkerjalah. Allah, RasulNya dan seluruh orang-orang Mu'min akan melihat perkerjaan mu. Sempurnalah, tinggalkanlah perkara-perkara yang tidak penting, buanglah topeng dan bangkitlah dengan tanggungjawabtanggungjawabmu. Bantu dan tolonglah Islam kerana Islam memerlukan pertolongan kamu, selamatkanlah orang-orang Islam dari kemerbahayaan yang mengelilingi mereka. Kini mereka (Kristian dan Yahudi) sedang membunuh Islam dengan nama agama dan nama Rasulullah (s.a.w). Penda'wah-penda'wah mereka iaitu tali barut penjajah telah bertaburan di seluruh negara dan pinggirnya, menyerang kampung-kampung, kawasan luar bandar dan mukim-mukim dan menghalakan sasaran mereka kepada kanak-kanak, orang dewasa dan belia-belia - mereka adalah harapan Islam - serta menyesatkan mereka. Bangunlah kamu untuk membantu orangorang yang telah tersesat ini. Selamatkan dan tolonglah mereka. Kamu mesti menyebarkan pengetahuan kamu, pujian dan penghormatan yang terdapat pada Ulama' hanya dengan sebab mereka mengajar orang lain dan menyelamatkan mereka dari kesesatan. Hendaklah kamu menggembelingkan tenaga habis-habisan untuk menyampaikan kefahaman Islam dan peraturan-peraturannya kepada orang ramai seluruhnya. Kita mesti menyinsing tabir yang telah diletakkan oleh musuh-musuh terhadap Islam dan menghindarkan segala kesulitan yang telah -mereka letakkan. Tanpa tugas ini kita tidak dikatakan maju. Kita mestilah saling menasihati sesama sendiri, serta menasihati orang lain supaya mereka dapat menasihatkan pula yang lain utnuk menghindari kesulitan yang dibuat di sarnping keraguan yang disebarkan oleh musuh-musuh kepada semua orang, malah terhadap

golongan terpelajar mereka sejak berkurun-kurun yang silam. Kita menasihatkan generasi muda supaya mereka menjelaskan kepada semua generasi tentang kesejagatan Islam, undang-undang kemasyarakatannya juga semua peraturan yang terkandung di dalamnya, perkatakan tentang apa yang telah disyari'atkan oleh Islam mengenai masalah kerajaan agar orang ramai mengetahui apa dia Islam dan apa undang-undang yang dibawanya.

Institusi-institusi ilmiah di Qom, Khurasan dan di merata tempat mestilah menunjukkan orang ramai kepada cara Islam dan mendedahkan pemikiran-pemikirannya di bawah sinaran matahari. Orang ramai jahil tentang Islam dan mereka hampir tidak memahami apa-apa tentangnya. Kamu mesti memperkenalkan diri dan aqidah kamu serta corak kerajaan (Islam) kamu. Kamu mesti memperkenalkan kepada dunia semua perkara tersebut menyebarkannya di depan ahli-ahli universiti secara khusus kerana mereka lebih terbuka dan yang lainnya. Percayalah bahawa hasil yang baik berada di sebaliknya. Islam akan diterima dengan penuh kegembiraan oleh mereka itu. Ahli-ahli akademik di universiti adalah orang yang sangat memusuhi golongan yang berkuasa, tali barut, khianat, tindakan-tindakan merampas kebajikan dan kekayaan, memakan harta haram dan mereka akan mendapati dalam Islam orang yang kamu sampaikan dan mengajarnya di bidang pemerintahan, kehakiman, ekonomi dan sosial - apa yang mendesak mereka kearahnya. Ahli-ahli akedemik inilah yang menghulurkan tangan mereka ke an-Najaf membantu memahamkan hakikat-hakikat agama mereka. Wajarkah kita berdiam diri dan tidak bergerak sehingga diperingatkan oleh tokoh-tokoh universiti tersebut deripada kelalaian kita dan meminta kita menunaikan tanggungjawab kita serta bangkit mernainkan peranan dalam menyuruh kepada yang ma'ruf dan menegah dari yang mungkar! Tidakkah diam kita itu merupakan kemungkaran? Tidakkah 'aib pada kita untuk mencuaikan perkara ini hingga kita berdepan dengan belia-belia Eropah yang telah menyusun penyatuan Islam dan meminta dari kita bantuan kebudayaan, petunjuk dan panduan.

Kita mesti mengingatkan orang ramai dengan apa yang telah dilakukan oleh kerajaan Islam di permulaan Islam. Kita mesti memberitahu mereka bahawa kerusi kehakiman adalah terletak di salah satu sudut masjid di masa negara Islam meluaskan termasuk di Iran, Mesh, Hijaz, Yaman dan lain-lain. Tatkala urusan berpindah kepada orang-orang lain - yang mengecewakan - bertukarlah khalifah dan kerajaan yang sah kepada raja-

> raja yang tidak berguna. Hendaklah kita mengingatkan semuanya ini dan menerangkan ciri-ciri kerajaan yang hendak kita bentuk, menjelaskan sifat-sifat pemerintah dan tanggungjawab-tanggungjawab, bidang -kuasa dan akhlaknya. Pemimpin umat dan Amirnya (Imam Ali AS) telah melarang saudaranya ‘Aqil memanaskan baginya besi supaya dia tidak tamak terhadap harta-harta orang Islam dan dia melarang anak perempuannya dari meminjam kalung dari Baitul Mal dan berkata, “Kalaulah ia tidak kerana cacat dan terjamin nescaya kamulah orang yang pertama dan keturunan Hashim yang dipotong tangannya.”

Kemudian ia memulangkan kalung itu ke Baitul Mal. Inilah pemerintah yang kita kehendaki. Seperti inilah pekerja-pekerja mesti menjalankan tugasnya dan melalui contoh-contoh inilah orang-orang yang berlumba-lumba mesti berlumba. Kita mahukan pemerintah yang tidak menyuruh kita sesuatu sebelum ia sendiri melakukannya terlebih dahulu dan tidak menegah kita dari sesuatu sebelum dia semdiri menahan dirinya. Kita mahukan orang yang menyamakan kita semua (sebagai samarata) di muka pengadilan dan di medan kehakiman. Kita mahu orang yang menyamakan di antara tanggungjawab orang ramai dengan tanggungjawab tanpa diskriminasi atau kelabihan. Kita mahukan orang yang memerintah berdasarkan kebenaran sama ada perkara itu haknya atau pun hak orang lain ke atasnya. Kita mahukan pemerintah yang memotong tangan anaknya bila ia mencuri, menyebat dan merejam kawannya bila ia berzina dan menghukum saudara lelaki dan perempuannya bila mereka berkerjasama memperdagangkan beberapa tan heroin sepertimana menghukum orang-orang lain bila mereka menyeludupkan sejumlah kecil heroin.

PERHIMPUNAN UNTUK MENYEBARKAN DASAR-DASAR

BANYAK daripada hukum-hukum ibadat menghasilkan kerja-kerja masyarakat dan politik. Peribadatan Islam biasanya serasi dengan polisi dan urusan-urusan sosialnya. Sembahyang berjemaah, perhimpunan Haji dan sembahyang Jum’at umpamanya membawa - berdasarkan kepada kesan-kesan disegi akhlak dan perasaan yang ada padanya - kepada banyak hasil dan kesan politik. Islam telah melakukan perhimpunan-perhimpunan ini dan mensunatkan orang ramai menghadirinya dan mewajibkan keatas setengah-setengahnya hingga pengetahuan agama dan perasaan persaudaraan jadi meluas, supaya tali persaudaraan dan perkenalan terjalin kukuh antara mereka

dan pemikiran-pemikiran boleh berkembang, membangun dan saling mempengaruhi serta penyelesaian kepada masalah politik dan sosial dapat diperbincangkan. Di negara-negara bukan Islam bermilion dari harta negara dan peruntukan belanjawannya telah dibelanjakan untuk mengadakan perhimpunan-perhimpunan seperti ini. Apabila ía berlaku, pada kebiasaannya ía hanya berbentuk superficial - memerlukan kepada unsur-unsur ketulinan, kesucian niat, rasa persaudaraan yang terpelihara di kalangan orang ramai dalam pertemuanpertemuan mereka yang bercorak Islam itu dan seterusnya perhimpunan-perhimpunan tersebut tidak berakhir dengan hasil yang baik malah pertemuan kita yang bercorak Islam juga terus wujud.

Islam telah menentukan desakan dan dorongan batin dengan menjadikan pemergian untuk menunaikan Haji itu sebagai semahal-mahal cita-cita hidup dan demikián juga membawa seseorang bertemu untuk menghadiri jemaah dan bersembahyang Jum’at serta perayaan dengan penuh kegembiraan dan kesukaan. Kita semua harus menganggap bahawa perjumpaan-perjumpaan ini sebagai peluang keemasan untuk menunaikan prinsip dan aqidah, untuk kita menerangkan padanya aqidah, undang-undang dan peraturan-peraturan kepada orang ramai dan menambah besar bilangan manusia. Hendaklah kita mengambil pengajaran dari musim haji itu, memungut sebaik-baik hasil darinya untuk menyeru kepada perpaduan-perpaduan, menyeru supaya Islam dijadikan timbangtara terhadap manusia seluruhnya. Kita mesti membincangkan problem-problem kita dan menerokai penyelesaian asas yang dikemukakan oleh Islam terhadapnya. Kita hendaklah berusaha untuk membebaskan bumi orang-orang Islam di Palestin dan lain-lain. Kita dapati bahawa diawal permulaan Islam dulu orang-orang Islam telah memetik sebaik-baik hasil dari perhimpunan-perhimpunan, sembahyang-sembahyang Jum’at, perayaan-perayaan dan tempat-tempat haji mereka. Ucapan-ucapan yang disampaikan di hari-hari Jum’at, perayaan dan lain-lain musim tidak terhenti setakat menyebut janji-janji baik atau buruk dengan syurga neraka serta surah-surah pendek dan doa ringan atau pun berat seperti yang kita lihat hari in Malah khutbah-khutbah itu telah mencapai di segi hasrat dan pengaruhnya (sesuatu yang boleh) menyediakan bagi orang ramai untuk berperang dengan berani dan gagah, juga menjadikan mereka terus mara ke medan-medan perang dari perkarangan-perkarangan masjid serta umversiti tanpa dilanda oleh sebarang ketakutan dari ditimpa kemiskinan atau sakit atau pun mati dan kehilangan sesuatu kerana mereka hanya takutkan Allah sahaja. Mereka tidak takutkan sesuatu kecuali padaNya. Untuk mereka seperti inilah dituliskan

kemenangan dan untuk mereka inilah juga pembukaan! Kamu lihatlah kepada ucapan Amir al-Mu'minin ('a.s) supaya kamu mengetahui bahawa ia telah memandu orang-orang Islam ke medan-medan jihad dan menjadikan orang ramai sedia berkorban serta meletakkan penyelesaian paling berjaya kepada problem-problem màsyarakat dalam kehidupan.

Bahawa sekiranya sembahyang-sembahyang itu berterusan hingga kezaman itu berserta dengan khutbah-khutbahnya, semangat dan rohnya juga medan pemikirannya nescaya perkara itu tidak berakhir dari kita di tahap yang kamu lihat itu. Kita mesti berusaha untuk menghidupkan kembali perhimpunan-perhimpunan seperti ini dan menggunakannya sebagai saluran pengarahan mununjuk, menyedar dan memimpin kearah kemenangan dan kejayaan. Dengan ini bolehlah pemikiran Islam meluas di medan-medan yang lebih besar dan meningkat ketahap paling tinggi, tidak ada yang lain dapat mengatasinya.

'ASHURA YANG BARU

SEPERTIMANA kamu ketahui dengan menyebut 'Asyura' yang menyedihkan ini, tidak pernah kamu melupakannya maka jadilah kecelakaan yang berlaku keatas agama Islam dari mulanya hingga ke masa kita ini sebagai 'Asyura' baru yang dengan menyebutkannya kamu sentiasa menjadi terhormat. Sesungguhnya bila-bila kamu memperkatakan tentang Islam dengan penuh keikhlasan dan kamu menjelaskan kepada orang ramai tentang asalnya, undang-undang dan peraturan-peraturan sosialnya, maka masyarakat akan mengalu-alukan agama dan mengikutnya. Allah mengetahui bahawa pencinta-pencinta Islam ramai tetapi mereka jahil mengenai kebanyakan undang-undangnya. Saya telah mencubanya sendiri. Semasa saya menyampaikan ucapan, saya merasakan perubahan dan kesan di kalangan orang ramai kerana mereka merasa tidak senang dengan keadaan hidup mereka, ketakutan dari golongan zalim menyelubungi perasaan mereka dan mereka terlalu memerlukan orang-orang yang boleh berbicara dengan berani dan tegas. Wahai anak-anak Islam, jadilah kamu orang yang paling kuat dalam menerangkan hujjah-hujjah kamu kepada orang ramai supaya kamu dapat mengalahkan musuh-musuh kamu dengan segala senjata, tentera dan pengawalnya. Terangkanlah hakikat sebenar kepada orang ramai dan desaklah mereka. Tiupkanlah kepada orang-orang pasar dan jalan, pekerja, peladang dan orang-orang universiti dengan semangat jihad. Semuanya akan bangun untuk berjihad, semuanya menuntut kebebasan, kemerdekaan, kebahagiaan dan kehormatan. Jadikanlah

pengajaran-pengajaran agama Islam dapat mencapai semua kerana Islam adalah untuk semua. Kamu akan dapat melihat bahawa Islamlah yang akan memimpin mereka kepada jalan (yang lurus) dan menerangi lorong-lorong untuk mereka, membetulkan pemikiran dan aqidah mereka, menjadikan mereka sanggup memberi dan berkorban, supaya agensi-agensi polisi penzalim dan penjajah dapat dimusnahkan agar kerajaan Islam dapat membangun di atas asas yang kukuh.

Ahli-ahli Fiqh (benteng Islam) mestilah menerangkan kepada orang ramai tentang aqidah yang sebenar, peraturan-peraturan Islam, cara-cara jihad dan berjuang serta mengetuai orang ramai. Sesungguhnya orang ramai akan mengikuti mereka secara otomatik jika mereka mengenal kelayakan, keikhlasan dan pertahanan diri. Dalam hal ini kehilangan ’Ulama ’pemimpin seperti ini adalah merupakan satu trajidi besar yang meninggalkan kehampaan yang dahsyat dalam kehidupan orang ramai dan berlakulah jurang yang tidak dapat ditutup oleh sesuatu pun dalam Islam. Kekosongan dan kegentingan seumpama ini tidak terjadi dengan kehilangan saya atau orang yang seperti saya ini hanya duduk di perkarangan rumahnya sahaja. Tetapi ianya terjadi dengan hilangnya Imam al-Husin (‘a.s) serta Imam-imam selepasnya.

Orang ramai juga merasa rugi dengan kehilangan al-Khawajah Nasir ad-Din at-Tusi, al-'Allamah dan orang-orang yang seperti mereka yang telah memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang cemerlang buat Islam. Ada pun saya dan kamu apakah yang telah kita sum bangkan untuk Islam sehmgga kita dapat disesuaikan dengan realiti hadith? Tiada kekosongan yang berlaku tatkala matinya seribu orang yang bekerja seperti kita kerana kehidupan kita adalah kosong, dan tidak terjadi kegentingan dalain Islam bila matinya seribu orang dari kita kerana hidup kita yang sedemikian rupa kadang-kadang sudah merupakan kegentingan dalam Islam yang harus ditutup oleh orang yang lain dari kita.

RINTANGAN-RINTANGAN DALAM MASA YANG PANJANG

KITA tidak menduga bahawa pengajaran dan kesungguhan kita mendatangkan buahnya dalam masa yang singkat kerana perletakan asas-asas kerajaan Islam memerlukan masa yang panjang disamping usaha yang gigih.
Kita lihat ramai dari golongan cendekiawan hanya meletakkan batu asas supaya orang-orang lain boleh membena bangunan sekali pun setelah dua ratus tahun. Salah seorang petani telah ditanya mengenai hasil tanamannya yang tidak mungkin diperolehinya semasa hayatnya beiau menjawab,

> "Orang sebelum kita telah menanam dan kita yang memakan hasilnya, dan kita pula menanam adalah untuk orang lain memakannya. Apabila usaha kita ini tidak menghasilkan buahnya melainkan di masa generasi lain dari kita maka ianya tidak harus nembantutkan azam kita kerana sumbangan khidmat terhadap manusia tidak harus didasarkan kepada asas kepentingan peribadi, tetapi adalah di atas dasar kepentingan umum bagi orang-orang Islam. Sesungguhnya Syyed asy-Syuhada' ('as) yang telah berkorban dengan semua yang dimilikinya kalau bertolak dari pemikiran peribadinya nescaya dia telah meletakkan tangannya di tangan-tangan musuh dan selesailah masalah. Sesungguhnya penamat seperti ini adalah diantara setinggi-tinggi cita-cita bagi orang Umawi. Tetapi al-Husin ('a.s) memikirkan tentang Islam, orang-orang Islam juga generasinya yang akan datang dalam masa yang panjang. kebangkitan, pengorbanan dan jthadnya adalah untuk menyebarkan Islam, menjelaskan undang-undang politik dan peraturan-peraturan sosialnya pada orang ramai."

Didalam satu riwayat dari Imam as-Sadiq ('a.s) yang lalu kamu boleh melihat bahawa sekali pun suasana at-Taqiyyah menyelubunginya dan beliau kehilangan kuasa, ia masih terus menerangkan masalah-masalah kepada orang Islam atau melantik bagi mereka pemerintah dan hakim serta mereka merujuk dan berhakimkan kepadanya. Orang-orang besar merancang untuk generasi-generasi yang akan datang dan mereka tidak bimbang bahawa mereka tidak akan merasa hasil-hasil rancangannya selagi masa depan itu pasti akan mengeluarkan hasil dan buah-buahnya, mereka tidak merasa putus asa sekali pun dalam penghinaan tawanan juga lubang-lubang penjara. Demi memenangi matlamat-matlamat yang agung mereka membuat perancangan dalam penjara untuk kebahagiaan generasi-generasi akan datang. Tidak semua perhatian berat itu boleh memberikan apa yang mereka kehendaki. Kebanyakkan gerakan dan kebangkitan itu mencapai matlamat akhirnya setelah melalui banyak

persediaan yang kadang-kadang memakan masa dua ratus atau tiga ratus tahun yang silam.

Imam as-Sadiq (‘as) tidak berpuashati setakat hanya meletakkan garis-garis kasar bagi kerajaan atau pemerintahan Islam, tetapi beliau juga melantik dan menabalkan pemerintahannya sekaligus. Sebenarnya beliau tidak menunjukkan perlantikan tersebut untuk masanya sahaja kerana ia sendiri adalah seorang Imam dan pemerintah yang sah. Tetapi beliau berpandangan demikian untuk generasi-generasi yang mendatang dan ia Iebih banyak memikirkan tentang umatnya daripada memikirkan tentang dirinya dan peribadinya sendiri. Beliau mahu memperbaiki manusia, malah seluruh manusia dan alam sejagat di bawah naungan undang-undang Islam yang adil. Beliau telah melantik orang yang layak untuk memerintah supaya bila keadaan menjadi baik dan kembali seperti sedia kala maka orang-orang Islam tidak sukar dan sulit untuk melantik siapa yang akan menduduki jawatan pemerintah, kehakiman dan pemimpin masyarakat.

Agama pada asalnya - dan mazhab Syi’ah khususnya juga semua agama - telah bermula dalam bentuk pengajaran. Di sebabkan adanya keazaman, ketabahan dan kemahuan yang ditunjukkan oleh pemimpin dan para Nabi maka aqidah dapat berkembang dengan langkah yang mantap.

Bahawa Nabi Musa (‘a.s) adalah seorang penjaga dan pengawal bertahun-tahun lamanya. Di hari baginda diamanahkan untuk berhadapan dengan Fir’aun tidak ada orang yang menolongnya. Dengan kebolehan, kelayakan dan kekuatan yang ada padanya baginda telah dapat menewaskan kerajaan Fir’aun dengan tongkatnya. Tidak tergambar jika tongkat Musa di tangan saya atau di tangan salah seorang daripada kamu, dia akan melakukan sesuatu kerana di sisi kita tidak ada kebijaksanaan seperti yang ada pada Musa, keazaman serta kesungguhannya dalam bekerja. Ini tidak mudah untuk diperolehi oleh semua orang. Rasulullah (s.'a.w) bila dianugerahkan dengan kerasulan, baginda tidak mempunyai apa-apa sumber kekuatan kecuali seorang kanak-kanak yang berumur tidak Iebih dari sepuluh tahun iaitu Ali bin Abi Talib (‘as) dan seorang wanita tua iaitu isteri baginda Khadijah. Kedua-duanya telah beriman kepadanya, menolong dan membantu urusannya. Orang ramai semua menyakitinya, mengingkari dan mendustakannya. Tetapi sikap putus asa tidak pernah mendapat tempat di hati Nabi (s.’a.w) dan dua orang pembantunya itu. Mereka tetap dengan keazaman, kesabaran dan kemahuan hingga nyata

(terpancar) Kalimatullah. Golongan pemalsu merasa kecewa dan Islam terus menyusur akarnya di timor bumi dan di baratnya hingga tidak kurang dari tujuh ratus juta orang telah beriman dengannya hari ini.

Mazhab Syi'ah bertolak dari titik kosong. Tatkala Rasulullah (s.'a.w) menetapkan asas khalifah ianya diterima dengan ejekan dan momokan. Ini berlaku ketika baginda mengumpulkan kaumnya dan menjamu mereka serta bersabda kepada mereka bermaksud,

> "Siapakah yang akan menjadi pengganti ku, wali ku
> dan menteriku atas perkara (pemerintahan) itu?

Tidak ada seorang pun yang bangun kecuali 'Ali ('a.s) dan ia pada ketika itu belum cukup umur. Dimasa itu secara spontan berkatalah salah seorang daripada mereka kepada Abi Talib,

> "Sesungguhnya anak saudara mu mahu kamu mendengar dan taat kepada anak mu ."

Di Ghadir Khum semasa *Hajj al-Wida'* (Haji perpisahan) Nabi (s.'a.w) telah menentukan Ali sebagai pemerintah selepasnya. Sejak itu bermulalah perselisihan di kalangan masyarakat. Kalaulah Nabi (s.'a.w) telah menentukan Amir al-Mu'minin ('a.s) sebagai mufti, pentafsir al-Qur'an dan penerang undang-undang sahaja nescaya seorang pun tidak akan menentangnya. Tetapi beliau ditentang, diperangi dan dibunuh kerana ia seorang pemerintah yang sah (menurut syara') yang meme lihara urusan-urusan orang ramai dan juga negara.

Sekiranya kamu duduk di rumah kamu maka tidak ada apa-apa yang akan menimpa kamu. Tetapi di hari kamu hendak muncul di tengah-tengah masyarakat sebagai suatu elimen pembaharuan dan perubahan dengan seluruh kekuatan yang kamu punyai maka peperangan akan diiystiharkan terhadap kamu. Dengan sebab-sebab pendirian-pendirian pada Imam dan sifat Syi'ah mereka di segi teori kerajaan dan pentadbiran dalam Islam, mereka menderita dan terus mendapat kesakitan, ujian dan pendiritaan sepertiman yang kamui ketahui. Tetapi mereka tetap tidak putus asa, cita-cita masih bersemarak di hati mereka, bilangan penganut Syi'ah tetap bertainbah hingga kini mereka berjumlah hampir dua ratus juta orang.

MEMPERBAIKI BADAN-BADAN AGAMA

MENGETUAI umat kearah memperbaiki dan mengetahui Islam dengan sebenarnya adalah memerlukan islah terhadap ’Ulama’ dan pembawa undang-undang, dengan erti perlunya penyempurnaan kegiatan, pendidikan mereka, berpegang kepada pendirian, percaya dengannya, menghindari malas, kelembapan, Iemah dan pengecut disamping cuba membuang kesan-kesan kebatilan yang tersebar di kalangan orang ramai, membersihkan pemikiran yang membantu dan menjijikkan di kalangan sabahagian dari kita, menghalau ahli-ahli Fiqh istana yang telah menjualkan agama mereka dengan dunia orang lain dari barisan kita, menjauhkan mereka dari barisan kita, menelanjang dan mendedahkan segala perbuatan mereka.

MENGHAPUSKAN KESAN-KESAN PERMUSUHAN PENJAJAH DI SEGI PEMIKIRAN DAN AKHLAK

BEBERAPA kurun telah pun berlalu, kuncu-kuncu penjajah, agensi-agensi pendidikan dan politik telah memasukkan racun-racun ke dalam pemikiran dan akhlak orang ramai sehingga mereka rosak. Mereka menjadi ragu-ragu terhadap kita disebabkan oleh racun-racun ini. Institusi-institusi dan badan-badan agama kita sendiri dengan peranannya memerlukan kepada pembaharuan.

Pemikiran buruk yang datang dari luar mesti dibongkar dan segala keburukan, kerosakan dan penyelewengan dalam mesyarakat juga mesti diperangi.

Kita mesti mengingatkan tentang kewujudan sebahagian dari kalangan kita yang terpengaruh dengan rayuan-rayuan tersebut dan kita lihat sebahagian dari mereka membisikkan kepada yang lain,

> “Bahawanya kerja-kerja ini tidak dicipta untuk kita dan kita tidak dijadikan untuknya. Apa yang harus kita lakukan untuk ini semua? Kita hanya berdoa kepada Allah dan menerangkan masalah-masalah !“

Logika ini adalah satu hasil yang telah ditanam oleh orang asing ke dalam pemikiran orang ramai selama beratus-ratus tahun lalu dan inilah yang

menjadikan hati-hati di Najaf (di. Iraq), Qom dan Khurasan lemah, lesu dan sakit tidak bermaya. Alasannya dalam hal ini ialah, sesungguhnya ini bukanlah urusan mereka.

Ini adalah pemikiran yang salah. Adakah terdapat kebolehan dan kelayakan yang lebih banyak di sisi pemerintah yang sebenar daripada apa yang ada pada kita? Siapa diantara mereka yang benar-benar berkelayakan memimpin dan mengetual masyarakat? Tidakkah setengah-setengah dari mereka buta huruf, Dimana pemerintah Hijaz terdidik? Bukankah Rida Khan itu dari orang yang jahil? Sejarah telah memberitahu kita mengenai orang-orang yang jahil yang memerintah orang ramai tanpa kepadanan dan kelayakan. Apa yang ada disegi pelajaran pada Harun ar-Rashid? Demikianlah juga orang yang sebelum dan selepasnya.

Kita mesti memanfaatkan orang-orang yang mempunyai pengkhususan ilmiah dan teknikal yang berhubung dengan tugas-tugas pentadbiran, penyelidikan dan organisasi, sementara perkara yang berkaitan dengan pentadbiran tertinggi negara, soal-soal meratakan keadilan, menyebarkan keamanan, mengukuhkan ikatan sosial yang adil, menghukum dan memerintah dikalangan masyarakat dengan adil, maka ini adalah pengkhususan bagi ahli-ahli Fiqh dan tempat baginya menghabiskan seluruh masa hidupnya. Mereka mempunyai apa yang boleh memelihara kebebasan, kemerdekaan dan kemajuan masyarakat melalui polisi yang lurus tidak ada pengaruh asing di dalamnya, juga tidak ada penyelewengan ke kanan atau pun ke kiri.

Berhentilah dari penarikan diri kamu, sempurnakanlah program pendidikan dan panduan serta hadapilah risiko darinya. Buatlah perancangan-perancangan untuk kerajaan Islam. Maralah dalam perancangan-perancangan kamu, bersatulah bersama setiap orang yang menuntut kebebasan dan kemerdekaan. Sesungguhnya kamu akan mencapai matlamat dengan penuh keyakinan. Berpeganglah dengan pendirian kamu. Kemahiran dan pengalaman kamu akan bertambah di jalan perjuangan kamu untuk menggerunkan dan menakutkan penjajah. Saya penuh yakin bahawa kamu mampu untuk mengendalikan teraju pemerintahan bila musnahnya asas kekejaman, kezaliman dan permusuhan. Semua undang-undang dan peraturan yang kamu perlukan kini ada di dalam Islam kita, sama ada ianya berkaitan dengan pentadbiran, kerajaan, cukai hak-hak, keseksaan dan lain-lain. Kamu tidak

dikehendaki untuk membuat perundangan yang baru. Kamu hanya dikehendaki melaksanakan apa yang telah disyari'atkan buat kamu. Ini boleh menyelamatkan banyak masa dan tenaga karnu serta mengelakkan kamu dari meminjam undang-undang dari Timor atau pun Barat. Semuanya - bagi Allah segala pujian - telah tersedia untuk digunakan dan susunan kementerian, bidangkuasanya, kerja-kerja dan jawatan-jawatannya masih kekal Semuanya ini boleh dilakukan oleh pakar-pakar dengan masa yang singkat.

Nasib baik orang-orang Islam bersama kamu, orang ramai mengikuti, menerima pengaruh dan menurut kamu. Akan bertambahlah pembantu kamu. Kita Semua memerlukannya; (tongkat Musa) dan pedangAli bin 'Abi Talib ('a.s) serta keazaman berdua yang perkasa. Bila kita hendak menegakkan kerajaan Islam maka kita juga akan mendapatkan tongkat Musa dan pedangAli bin Abi Talib ('a.s).

Benar! Terdapat di kalangan kita individu-individu yang cuai dan kabur hampir tidak dapat melihat kebaikkan sesuatu tidak menulis kertas ilmu pengetahuan, tidak pernah membuka mulut mereka dengan perkataan--perkataan yang memberi petunjuk, hampir tidak memahami perbahasan mengenai urusan-urusan hidup. Sesungguhnya mereka telah Iemah untuk memahami bahawa tidak adanya kebolehan pada mereka adalah merupakan hasil dari apa yang telah dihamburkan oleh kuncu-kuncu penjajah terhadap kita daripada kata-kata seperti beri kut,

> "Apa hubungan kamu dengan perkara ini? Tumpukanlah perhatianmu terhadap pelajaran dan pergilah ke sekolah mu !"

Kini sekarang kita tidak berdaya untuk memujuk Segolongan dari kita yang melakukan kesalahan menerusi pemerintahan, kecuaian dan tidak mengambil berat tentang soal-soal orang Islam.

Terangkanlah kepada orang ramai tentang program Islam dalam kerajaannya dan jelaskanlah ini kepada dunia semoga pemerintah dan ketua-ketua orang-orang Islam percaya dengan kebenaran ini dan mengikutnya kemudian. Kita tidak menandingi mereka untuk mendapatkan kerusi bahkan kita membiarkan orang-orang yang mengikut dan jujur melaksanakan program menurut kedudukannya.

Kita mesti membentuk kerajaan yang lurus dimana orang ramai boleh berpaut kepadanya dan percaya dengannya, dan menyerahkan semua urusannya kepadanya. Kita mahukan orang yang bangun memikul tugas dengan jujur dan ikhlas agar orang ramai boleh hidup di bawah naungan kerajaannya dengan aman. Di segi lain pula mereka telah menggembelingkan tenaga habis-habisan untuk mengurangkan kepentingan-kepentingan Islam, membataskan fungsinya serta tugas-tugas ahli Fiqh dan 'Ulama' yang mempeloporinya. Pembatasan tugas dan tanggungjawab ini berlaku dalam soal-soal penerangan masalah, membuat peringatan dan petunjuk. Sebahagian orang yang sederhana sikapnya mengakui perkara ini dan secara tidak disedari mereka kehilangan jalan. Saya ingin memberitahu kamu, bahawa tuduhan-tuduhan dan usaha-usaha yang digembelingkan untuk mencaci kehormatan ini adalah bertujuan menentang kemerdekaan negara dan kekayaannya.

Semua institusi-institusi penjajah telah membisikkan dalam dada orang ramai bahawa agama tidak ada kaitan dengan politik. Kerohanian tidak diperlukan untuknya dan ia tidak boleh mencampuri urusan sosial. Ahli Fiqh tidak berhak untuk bekerja menentukan nasib umat. Yang sangat menghampakan ialah bahawa golongan dari kita mengakui kepalsuan tersebut. Dengan pengakuan ini terlaksanalah sebesar-besar cita-cita yang diimpikan oleh jiwa penjajah.

Kainu lihat badan-badan agama, kamu akan dapati kesan-kesan dan hasil-hasil propaganda itu dengan jelas. Di sana terdapat pamalsu-pemalsu yang tidak berperasaan. Di sana juga terdapat orang-orang malas yang berpuashati setakat berdoa, memuji dan memperkatakan sebahagian dan masalah syara'. Mereka seolah-olah tidak dijadikan untuk yang lain. Apa yang boleh dilihat dalam suasana ini disegi kesan-kesan dan hasilnya ialah perkara berikut; berpidato adalah bertentangan dengan kedudukan Ulama', Mujtahid tidak layak untuk berpidato dan yang elok baginya ialah lebih banyak berdiam diri serta berpuashali dengan ucapan,

"Tiada Tuhan yang lain melainkan Allah"

atau berpuashati dengan terlalu sedikit bercakap. Im adalah salah dan bertentangan dengan Sunnah yang mulia. Allah memuji perkataan al-Bayan didalam surah ar-Rahman dengan firmanNya,

"Dan Allah mengajarkannya al-Bayan."

Allah dengan ini menganugerahkan keatas hambaNya dengan mengajarkan mereka dengan al-Bayan, juga mengingatkan mereka tentang kelebihan dan ni'matNya yang banyak dalam pengajaran, al-Bayan sungguh baik untuk mengajar orang ramai tentang aqidah mereka yang betul, undang-undang agama dan memimpin mereka ke pantai Islam. Rasulullah (s.'a.w) dan Amir al-Mu'minin ('a.s) adalah putera-putera terbesar bagi al-Bayan.

MEMBERSIHKAN GOLONGAN YANG MENDAKWA DLRINYA SUCI'

TERDAPAT di kalangan kita orang-orang yang masih mempercayai pemikiran-pemikiran tolol yang disebarkan oleh pihak musuh seperti yang telah kita sebutkan sebentar tadi. Ini sebenarnya boleh mengekalkan penjajah dan pengaruh-pengaruh asing. Kumpulan-kumpulan orang tolol ini dipanggil sebagai orang-orang suci sedangkan sebenarnya mereka bukanlah orang yang suci bahkan mereka merupakan orang yang sengaja mengaku suci dan mereka mesti disucikan. Kita mesti memperbaiki mereka dan menentukan sikap kita terhadap mereka sebab ini akan menghalang kita dari melakukan pembaharuan, pembangunan dan kebangkitan. Pada suatu hari al-Marhum Ayatullah al-Barujardin, al-Marhum Ayatullah al-Hujjah, al-Marhum Ayatu-llah as-Sadr dan al-Marhum Ayatullah al-Khunsari berhimpun di rumahku untuk membincangkan masalah politik bersama mereka. Saya meminta mereka supaya menentukan sikap terhadap orang-orang yang muncul sebagai suci bodoh ini, dan menganggap mereka sebagai musuh dalaman kerana mereka menghalang Ulama' yang sebenar dari memegang kuasa dan mengambil berat dengan segala urusan. Mereka ini menghalakan sebesar-besar tamparan terhadap Islam, membentuk sebesar-besar bahaya keatasnya dan melahirkan Islam dengan gambaran yang jijik, malah lebih teruk dari benda yang jijik. Mereka terdapat ramai di Najaf, Qom dan Khurasan dan mereka telah mempengaruhi orang-orang yang mudah terpedaya dan tolol seumpaina mereka juga. Mereka akan menentang orang yang bercakap lantang kepada orang ramai untuk menyedarkan daripada tidur nyenyak. Mereka juga menyeru orang ramai supaya malas dan lembab. Mereka menentang sesiapa sahaja yang menentang dan melawan pengaruh Inggeris dan Amerika.

Pertamanya kita mesti menasihatkan orang-orang yang seperti ini supaya kembali daripada kesesatan mereka, mengingatkan mereka tentang bahaya yang mengelilingi Islam dan orang Islam dan membuka penglihatan mereka dibawah cahaya matahari akan kemerbahayaan Zionist dan Inggeris juga Amerika yang membekalkan Isra'il dengan sokongan-sokongan hidup. Jangan kamu padamkan cahaya itu dan janganlah kamu tenggelam dalam ombak-ombak kegelapan seperti yang dilakukan oleh orang-orang Kristian sebelum kamu. Perbahasan mengenai Trinity, Hypothesis, Roh suci, bapa dan Anak telah melalaikan mereka. Tidak ada suatu yang lain bagi mereka. Bangun dan lihatlah fakta-fakta seperti ianya (sepatutnya). Bincangkanlah masalah-masalah hidup hari ini juga esok.

Dalam suasana kamu sekarang ini, adakah kamu harapkan supaya Mala'ikat akan meletakkan sayap-sayapnya di bawah kaki-kaki kamu sebagai penghormatan keatas kamu? Tidakkah MaIa'ikat lebih sibuk dalam bertugas daripada mu ? Mala'ikat meletakkan sayap-sayapnya di bawah kaki Amir al-Mu'minin ('a.s) kerana pertandingan, khidmat dan menyebarkan Islam di dunia seluruhnya. Malaikat tunduk padanya, demikian juga orang ramai, sekali pun dari kalangan musuh kerana mereka adalah tunduk kepada kebenaran sama ada dalam keadaan berdiri duduk, bercakap atau pun diam, khutbah-khutbah, sembahyang-sembahyang atau peperangan. Apakah dia bahagian kamu daripada penghormatan ini? Tiada apa-apa!! Kita memperkatakan tentang orang-orang yang mendakwa suci ini dengan sebegini rupa. Sekiranya peringatan ini memberi manfaat maka itulah yang kita harapkan. Jika tidak maka kita akan membuat perkiraan (pertimbangan) dan pendirian (sikap) yang lain pula.

PEMBERSIHAN PUSAT-PUSAT KEAGAMAAN

PUSAT-PUSAT keagamaan ilmiah yang memelihara (menjalankan) tugas-tugas pengajaran, pendidikan dan ketinggian agama adalah merupakan rumah ahli-ahli Fiqh yang adil dan tempat turun pelajar-pelajar dan profesor-profesor dari berbagai negara. Ia juga merupakan gedung wakil-wakil Allah dan pengganti-pengganti para Rasul. Sesiapa mewakili Allah di kalangan hamba-hamba dan bumiNya Ia tidak akan merasa tamak dengan kelebihan-kelebihan hidup didunia, tidak akan mematuhi perintah yang zalim, tidak akan mengakui suci perbuatan mereka, tidak akan membuat peijanjian-perjanjian dan tidak

akan mendirikan bangunan bersama mereka. kamu mengetahui apakah jenayah yang telah dilakukan oleh ahli-ahli Fiqh sultan terhadap Islam dan kesan hasil kerjasama ahli-ahli Fiqh itu dengan orangorang zalim dalam masyarakat ahli Fiqh yang bertindak dibawah panji-panji sultan telah menyebabkan keburukannya yang lebih merbahaya keatas Islam dari sebarang tindakan orang biasa dibawah panji-panji mereka. Inilah sebabnya Imam-imam kita yang ma'sum menekankan hal ini dan melarang dari mengikuti sebarang bentuk pertolongan dan kerjasama dengan pemerintah-pemerintah yang zalim sekali pun ianya mudah, takutkan kepada Islam dan orang-orang Islam akan berakhir dengan keadaan seperti yang kita lihat sekarang.

Para Imam ('a.s) telah menentukan tanggungjawab yang terlalu penting buat ahli-ahli Fiqh dan memestikan mereka menunaikan amanah dan memeliharanya. Mesti berpegang dengan konsep *at-Taqiyyah* dalam setiap perkara, kecil maupun besar. Sesungguhnya *at-Taqiyyah* telah disyari'atkan untuk memelihara diri sendiri dan orang lain dari kemudaratan dibidang cabang-cabang hukum. Tetapi apabila Islam seluruhnya berada di-dalam keadaan merbahaya maka tiada tempat lagi untuk berselindung-selindung dan berdiam diri. Apa pendapat kamu kalau mereka memaksa ahll-ahli Fiqh supaya mereka membuat perundangan atau melakukan bid'ah ? Adakah kamu fikirkan bahawa dia dibenarkan berpegang dengan kata-kata Imam ('a.s);

"At-Taqiyyah adalah agamaku dan agama bagi bapa-bapaku."

Im bukanlah tempat atau suasana untuk berselindung. Apabila suasana perselindungan memaksa salah seorang dari kita untuk bersekongkol dengan para sultan maka haruslah ditegah perkara tersebut sekali pun penegahan itu mengakibatkan pembunuhan keatasnya kecuali kemasukan yang boleh mencorakkan itu merupakan pertolongan yang sebenar terhadap Islam dan penganutnya seperti persekongkolan 'Ali bin Yaqtin dan Nasir ad-Din at-Tusi (rahimahumallah).

Sebenarnya ahli Fiqh kita, seperti yang kamu ketahui, sejak permulaan Islam hingga ke hari ini sedang menunggu untuk turun ke tahap yang hina ini. Sementara ahli pemerintah pula juga tetap bukan dari kumpulan kita dan tidak bersetuju dengan pendapat kita.

Melalui peredaran masa ahli-ahli Fiqh kita tertonjol kerana kehodohan warna pakaian, pemaksaan agama, pembinasaan dan pembuangan negeri di setiap tempat.

Memang benar Islam membenarkan persekongkolan di dalam agensi-agensi orang zalim apabila tujuan sebenarnya disebalik perkara tersebut ialah untuk menyekat kezaliman atau mengadakan pemberontakan keatas orang yang memerintah, malah kadang-kadang persekongkolan itu adalah wajib. Kita tidak berselisih faham dalam hal tersebut. Kritik kita adalah ditujukan kepada mereka yang didesak oleh kelobaannya dan dipesonakan oleh kehidupan dunia, menjual akhiratnya dengan dunia yang lain, syaitan menghiasi amalan buruknya, bekerja dalam barisan-barisan pemerintah yang khianat, membantu dan mengukuhkan mereka dan berjalan di belakang mereka. Sesungguhnya Allah Maha Menyaksikan apa yang mereka kerjakan dan perkatakan.

SINGKIRKAN AHLI-AHLI FIQH SULTAN

MEREKA sebenarnya bukanlah ahil Fiqh. Sebahagian dari mareka telah diberikan serban-serban oleh agensi-agensi keselamatan dan berita (intelligence) supaya mereka berdoa kepala Allah untuk sultan dan meminta diturunkan ke atasnya keberkatan dan rahmatNya. Terdapat satu hadith mengenai kedudukan mereka ini,

iaitu,

“Awasilah mereka tentang agamamu.”

Ke’aifan mereka ini harus dipaparkan kerana mereka adalah musuh-musuh Islam. Masyarakat harus menyingkirkan mereka kerana menyingkir dan menghina mereka adalah merupakan satu kemenangan bagi Islam serta problem orang-orang Islam. Wajib keatas belia-belia dan anak-anak kita mencabut serban-serban mereka dari atas kepala mereka. Mana belia-belia kita di Iran? Adakah mereka telah mati atau pun lupa? Saya tidak mengatakan;

“Bunuhlah mereka ini!"

tetapi sekurang-kurangnya hendaklah mencabut serban-serban mereka. Orang ramai semuanya mesti mencegah mereka daripada muncul di tengah-tengah masyarakat dengan pakaian yang suci dan mulia *ini*. Saya telah memberitahu karnu bahawa 'Ulama' Islam yang sebenarnya ialah suci dari perkara-perkara yang seumpama ini dan tetap suci. Mereka yang kamu lihat dan dengar kadang-kadang mendampingkan diri mereka dengan Ulama' secara langsung bukanlah orang-orang yang mengetahui dan alim dalam sesuatu hal. Mereka adalah sekumpulan dari orang yang tidak berguna. Orang ramai mengenali mereka. "Perhitungan mereka adalah di sisi Tuhanku dan Tuhanku tidak sesat dan tidak lupa." Sesungguhnya kita telah dipertanggungjawab supaya mendidik dan menjauhkan diri kita daripada musnah di atas mata benda dunia. Bersedialah kamu untuk memelihara amanah Allah yang telah dipertaruhkan kepada kamu. Jadilah orang yang amanah terhadap agamamu. Janganlah condong kepada dunia serta terpegun dengannya. Sesungguhnya kamu tidak akan mampu untuk mengatasi seumpama apa yang telah diatasi oleh Imam kamu Amir al-Mu'minin ('a.s) yang baginya duma ini tidak sama dengan bersin seekor anak kambing. Berpalinglah kamu dari apa yang telah dijaminkan untuk kamu dalam hidup ini. Bersihkanlah dirimu, bertaqwalah kepada Tuhan mu dan bertawakkallah keatasNya.

Sekiranya kamu - tiada keampunan dari Allah - mempelajari ilmu-ilmu agama semata-mata untuk menyesatkan dalam hidup, maka saya menegaskan bahawa kamu tidak akan dapat mencapai sesuatupun daripada Allah dan kamu tidak akan dapat memperolehi kedudukan yang terpuji di sisiNya. Allah akan mengharamkan kamu danpada memberi petunjuk tentang kelebihan berjihad, ilmu perundangan dan melihat secara mendalam tentang hukum-hukum agama. Dengan itu kamu bukanlah sebagai wakil-wakil para Rasul. Siapkanlah diri mu untuk berkhidmat kepada agamamu, himpunkanlah dirimu sebagal tentera bagi Imam di zaman kamu sehingga kamu mampu menyebarkan keadilan dimuka bumi ini. Perbaiki diri kamu, berakhlaklah dengan akhlak Allah serta para Nabi. Tinggalkanlah segala perhiasan hidup dan berpadalah dengan kehidupan sederhana supaya manusia mengikuti contoh baik darimu, pantang larang dan ketinggiannya supaya kamu menjadi ikutan yang baik buat mereka. Jadilah tentera Allah dan kibarkanlah bendera-bendera Islam dimana-mana sahaja ditangan kamu. Saya tidak mengatakan,

"Tinggalkanlah pelajaran kamu.::"

saya memohon ampun daripada Allah - pelajari dan fahamilah agama kamu dengan mendalam dan peringatkanlah bangsamu, tegakkanlah agensi-

agensi dan institusi-institusi ilmiah ini dan janganlah kamu tinggalkan ianya tergendala dan tersadai. Tetapi di dalam masa kamu belajar itu, sampaikan, tunjukkan, arahkan dan jagakanlah jiwa-jiwa dari tidurnya yang nyenyak. Islam di hari ini adalah suatu yang ganjil, tidak ada orang yang mengenalinya. Adalah menjadi tugasmu untuk mendekatkannya kepada orang ramai dan menerangkannya kepada mereka sehingga mereka memahami Islam dengan sebenarnya, jauh dari sebarang kesamaran, keraguan, dan tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepadanya dan disebarkan di sekelilingnya. Jelaskanlah kepada orang ramai tentang makna kerajaan Islam, terangkanlah kepada mereka erti keRasulan, keNabian dan konsep beragama. Kenapa Islam datang? Apa yang dikehendakinya? Sedikit demi sedikit Islam akan mendiami lubuk hati, jiwa dan akal mereka. Agar terbangunlah kemudiannya sebuah kerajaan Islam yang mengikuti apa yang diperintahkan dan dilarang oleh Allah.

LEBURKAN KERAJAAN-KERAJAAN YANG ZALIM

1) MEMULAUKAN agensi-agensi yang mengikut kerajaan yang zalim.
2) Meninggalkan kerjasama dengan mereka.
3) Menjauhkan sebarang kerja yang boleh mendatangkan faedah kepada mereka.
4) Menubuhkan institusi-institusi kehakiman, kewangan, perekonomian, kebudayaan dan politik yang baru.

Kita mesti memerangi kerajaan Taghut kerana Allah telah memerintahkan seperti demikian. Dia telah melarang dari mentaati Taghut dan bersama bersekongkol dengannya. Kerajaan-kerajaan yang tidak adil mesti mengosongkan tempatnya bagi membolehkan agensi-agensi perkhidmatan awam Islam yang sah dan stabil dibangunkan baransur-ansur.

Sesungguhnya Allah telah mendesak kita di dalam kitabNya yang mulia supaya bangun bersatu seperti bangunan yang tersusun rapi dalam menghadapi kerajaan-kerajaan zalim dan Dia telah memerintahkan Musa menentang dan melawan Fir’aun. Perkara tersebut terdapat juga dalam banyak hadith.

Para Imam kita serta Syi’ah mereka telah melawan kuasa-kuasa zalim sepanjang masa di setiap tempatnya dan mereka tidak pernah mengadakan gancatan senjata dengan kuasa-kuasa tersebut.

Disebabkan perkara inilah mereka telah mengalami. penderitaan dan penganiayaan yang teruk, perkara ini nyata di sekitar hidup mereka seperti yang telah diceritakan oleh sejarah kepada kita.

Sekalipun Imam-imam itu selalu berada di bawah pengawasan dan tidak diberikan sebarang kebebasan serta walaupun mereka selalu berhati-hati dan berselindung-selindung untuk memelihara agama - bukan untuk menjaga diri mereka - biar pun semuanya ini, namun kata-kata mereka tidak sunyi dari menggesa untuk berlawan dan menegah dari mengadakan gencatan senjata. Pernerintah-pemerintah yang zalim takut kepada Imam-imam yang mendapat petunjuk kerana mereka menyedari bahawa peluang terbuka untuk mereka maka mereka akan terus bangun mengambilalih tampuk pemerintahan dan menjadikan hidup berpoya-poya haram di kalangan pemerintah. Kamu lihat hadith ar-Rasyid telah memenjarakan Imam Musa bin Ja'far ('a.s) bertahun-tahun lamanya, al-Ma'mun pula telah memaksa Imam ar-Rida ('a.s) supaya tinggal di Maru dibawah pengawasan yang ketat dan kemudian meracunnya. Pemaksaan ini bukanlah dengan sebab bahawa mereka ini dari keturunan Rasul (s'a.w), tetapi ialah kerana pemikiran-pemikiran, pandangan-pandangan dan sikap-sikapnya yang dibawa oleh Imam-imam itu. Harun dan al-Ma'mun adalah termasyhur tetapi kerajaan itu mandul (tidak melahirkan apa-apa). Sedangkan mereka menyedari bahawa anak-anak 'Ali semuanya menuntut jawatan khalifah walau pun dimana mereka berada. Mereka beru saha dengan gigih untuk membentuk kerajaan Islam sebagai sebahagian daripada tanggungjawab hidupnya.

A1-Mahdi, seorang daripada khalifah Bani 'Abbasiyyah telah bertanya kepada Imam Musa bin Ja'far ('a.s) mengenai sempadan-sempadan ***Fidak*** untuk dikembalikan kepadanya. Imam telah menggariskan baginya semua sempadan negara Islam dengan berkata,

> "Satu daripada sempadan itu ialah Bukit Uhud, yang satu lagi ialah Arisy Mesh, yang lainnya ialah Saif al-Bahri dan salah satu sempadannya juga ialah Daumatul Jundul."

dan katanya lagi,

> "Ini banyak, dan aku akan melihatnya."

Pemerintah-pernerintah yang zalim mengetahui bahawa sekiranya Imam Musa bin Ja'far ('a.s)menggugat haknya dari mereka maka hidup mula haram ke atas mereka dan bila ada orang yang menyokongnya dia akan bangkit menentang dan tidak pernah merasa bimbang untuk melakukannya. Tidak ragu lagi bahawa Imam Musa bin Ja'far ('a.s) akan mengambilalih jawatan khalifah jika peluang melintas baginya dan akan menegakkan kebenaran melaluinya, menghapuskan kebatilan dan mengisi penuh dunia dengan kesaksamaan dan keadilan.

Lihatlah bagaimana al-Ma'mun mendamaikan Imam ar-Rida ('a.s) dan melantiknya sebagai putra mahkota dan mengucapkan kepadanya,

"Wahai anak saudara ku, wahai anak Rasulullah."

disamping itu ia mengawasi setiap gerakgerinya kerana dia takutkan kepadanya di segi kuasa yang ada padanya. Kerana dia mempunyai pengaruh didalam setiap hati, kedudukan di sisi Allah serta perhubungan yang dekat dengan Rasullullah (s.'a.w). Semua sultan mahukan kerajaan dan mereka bersedia mengorbankan apa sahaja untuknya. Kalaulah Imam bersekongkol dengan mereka - berlindunglah dengan Allah - nescaya dia akan hidup riang dan mewah dan nescaya sultan-sultan itu akan mencium tangannya, dan menyembah mengambil berkat di kakinya pada setiap masa. Terdapat didalam satu kiadith bahawa apabila Imam ar-Rida ('a.s) datang bertemu Harun ar-Rasyid maka ia telah disuruh masuk ke istana dengan menunggang kuda hingga apabila Imam sampai rapat ke persemayaman khalifah, Harun bangun mendapatkannya, memberi salam, memuji dan menghormatinya dengan penuh penghormatan. Tetapi bila beliau membahagi-bahagikan harta di kalangan orang ramai, beliau memberikan bahagian harta yang sedikit kepada Bani Hasyim. Ini telah menjadikan al-Ma'mun pelik - dia hadir sama di majlis itu - dia telah menyaksikan penghormatan dan pengagungan yang telah dilakukan oleh bapanya, dan dia bertanya kepada bapanya tentang sebab sedikitnya harta yang diberikan itu. Jawab bapanya, "Wahai anakku, kamu tidak faham. Sepatutnya bahagian Bani Hasyim tidak lebih dari harta itu. Perkara ini adalah untuk mereka dan mereka lebih utama dari kita mengenainya. Kalau kita membiarkan mereka nescaya mereka akan melenting ke atas kita. Ini kerana Harun mahukan supaya Imam-imam itu tetap faqir, terpenjara, terbuang dari negeri, memencilkan diri, terbunuh dan teracun.

Para Imam tidak bersendirian dalam penentangan mereka terhadap pemerintah-pemerintah zalim, tetapi mereka menyeru orang-orang Islam melakukan seperti apa yang mereka lakukan. Terdapat lebih daripada lima puluh hadith dalam buku *'al-Wasa'il'* dan *'Mustadrik al-Wasa'il'* yang menyuruh menjauhi kezaliman dan pemerintah-pemerintah yang zalim. Dalam sebahagian hadith-hadith itu para Imam ('a.s) diperintahkan supaya melemparkan tanah ke muka dan mulut pemuji-pemuji. Selepas sahaja yang menolong mereka walau pun hanya dengan dakwat atau pun pensil ia akan mengalami perkara yang sama dan demikianlah juga terhadap perkara keji, dosa dan hukuman. Pada keseluruhannya kita diperintahkan supaya memulau dan tidak bekerjasama dalam semua hal. Di samping itu terdapat juga hadith--hadith yang mengajak kepada pengetahuan dan belajar serta memuji pengatahuan, 'Ulama' dan kaum terpelajar. Dalam setengan-setengah hadith itu terdapat;

> "Da'wah para 'Ulama' adalah lebih baik daripada
> darah para Syuhada'."

Semuanya ini adalah seruan yang nyata kearah pembentukan kerajaan Islam yang diketual oleh ahli-ahli Fiqh yang adil. Ia menyelamatkan orang ramai dari injakan penjajah dan tali barutnya, juga menghapuskan segala pengaruhnya. Hiduplah orang ramai dibawah naungan panjinya dengan aman dan setabil serta bahagia dijanjikan buat mereka di dua alam.

Orang Islam tidak akan sampai kepada keadilan, keamanan dan kesetabilan yang mereka kehendaki pada bila-bila masa pun kecuali setelah mereka berhias dengan iman yang sempurna dan akhlak yang mulia di bawah naungan kerajaan yang adil yang mengikut undang-undang Islam dan lebih dari yang lain.

Kita telah dipertanggungjawabkan untuk mengemukakan tajuk kerajaan Islam ini kepada orang ramai, dan kita berharap agar tajuk ini akan menyeru jiwa-jiwa mereka supaya bangkit, bersemangat, sedar dimana asas dan teras negara Islam moden dapat ditubuhkan supaya orang-orang Islam boleh mendapatkan semula kemegahan dan kemuliaan mereka yang lalu dibawah naungannya. Bagi Allah segala kemuliaan, bagi RasulNya dan bagi orang-orang Mu'min.

Ya Allah, peliharalah kami dari tangan-tangan orang yang zalim, potonglah umbi pemerintahan yang zalim, bangkitkanlah keadilan, rahmat, kasih sayang dan kesedaran dalam jiwa-jiwa pemerintah-pemerintah Islam, supaya mereka bekerja untuk kepentingan bangsanya dan meninggalkan sikap mementingkan diri sendiri.

Berikanlah kepada golongan belia, kaum terpelajar dan ahli-ahli akedemik di universiti-universiti akan kejayaan untuk mempraktikkan matlamat-matlamat Islam yang suci. Jadikanlah orang-orang Islam semuanya berada di dalam satu barisan supaya mereka dapat membebaskan diri mereka dan membebaskan bangsanya juga alam dari cabang-cabang kemunduran dan kesan-kesan penjajah. Berikanlah kejayaan kepada mereka untuk mempertahankan tanah air mereka dalam satu barisan seolah-olah mereka seperti bangunan yang tersusun rapi.

Ya Allah, berikanlah kejayaan kepada ahli-ahli Fiqh, penuntut-penuntut ilmu agama untuk mendapat pengetahuan dan petunjuk serta melakukan amal salih. Jayakanlah usaha mereka di dalam menubuhkan kerajaan Islam yang lurus. Sesungguhnya Engkau adalah pemberi taufiq. Tidak ada daya upaya kecuali bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung.